BIBD

Laporan Tahunan 2021











ACT NOW

BERSAMA MENJANA KEMAJUAN KE ARAH MASA DEPAN YANG MAMPAN

















SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Isi Kandungan



Bab 1: Gambaran Keseluruhan

1.1 Berjiwa Brunei 07
1.2 Pernyataan Pengerusi 09
1.3 Prakata Pemangku Pengarah Urusan 18
1.4 Warga Kami 26



Bab 2: Tadbir Urus Korporat

2.1 Laporan Tadbir Urus Korporat 46
2.2 Badan Penasihat Syariah 82



Bab 3: Ulasan Tahun 2021

3.1 Ringkasan Aktiviti BIBD 89
3.2 Sorotan Kewangan Kumpulan 90
3.3 Penganugerahan dan Pengiktirafan 91



Bab 4: Menyokong Negara Kami

4.1 Ke Arah Masa Depan yang Lebih Mampan 93
4.2 Mendokong Komitmen Serantau Brunei 98
4.3 Bersama-Sama Meratakan Lengkungan 103
4.4 Mengongsikan Rezeki Kami 105



Bab 5: Menyokong Industri

5.1 Membantu Perniagaan Membina Semula Dengan Lebih Kukuh dan Mampan 109
5.2 Memperkenalkan Pelaburan Mampan ke Pasaran Tempatan 110
5.3 Memperkasakan Masa Depan dengan Kemampanan & Digitalisasi 111



Bab 6: Menyokong Pelanggan Kami

6.1 Membolehkan Masyarakat Tanpa Tunai 113
6.2 Menggalakkan Celik Kewangan 114
6.3 Meningkatkan Pengalaman Pelanggan 116



Bab 7: Menyokong Masyarakat Kami

7.1 Memperkasa Belia 118
7.2 Komitmen terhadap Pendidikan Sepanjang Hayat 120
7.3 Memupuk Keusahawanan 122
7.4 Keprihatinan Terhadap Masyarakat 124



Bab 8: Menyokong Kakitangan Kami

8.1 Meraikan Pekerja Setia Kami 127
8.2 Komitmen terhadap Pembelajaran Digital 129
8.3 Program Pelatih Pengurusan Siswazah 130
8.4 Menggalakkan Kesihatan dan Keseimbangan Kehidupan Kerja 131



Bab 9: Ulasan Perniagaan

9.1 Kumpulan Perbankan Runcit 133
9.2 Kumpulan Perbankan Korporat 136
9.3 Perbendaharaan dan Pasaran Global 140
9.4 BIBD Securities 142



Bab 10: Sokongan Perniagaan

10.1 Pejabat Ketua Pegawai Operasi 147
10.2 Kumpulan Kewangan dan Strategi 154
10.3 Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan 156
10.4 Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran 163
10.5 Bahagian Syariah 168
10.6 Bahagian Undang-Undang dan Setiausaha Korporat 170
10.7 Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas 171



Mengenai Kami

BIBD, sebuah bank terbesar dan institusi kewangan Islam ulung di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan di antara *Islamic Bank of Brunei* dan *Islamic Development Bank of Brunei*. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, BIBD ditadbir mengikut amalan terbaik global di bawah bimbingan Lembaga Pengarah. BIBD komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dari segenap lapisan masyarakat melalu inovasi dalam perkhidmatan, produk dan teknologi yang berterusan.

BIBD ialah sebuah Bank untuk rakyat Brunei yang dibina oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap dengan sempurna keseluruhan intipati perbankan Islam. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya mendukung cita-cita masyarakat Brunei. Pengalaman beroperasi sebagai sebuah Bank yang memahami aspirasi dan budaya Negara Brunei Darussalam secara tulus telah memberikan inspirasi yang membolehkan kami untuk terus melakar pembaharuan dalam menawarkan rumusan yang paling sesuai dengan keperluan kesemua lapisan pelanggan kami.

VISI

Berkhidmat kepada Negara Brunei Darussalam sebagai institusi kewangan utamanya melalui solusi Islam.

Institusi Tanda Aras dan Titik Rujukan Bertanggungjawab bagi penyatuan nilai-nilai Islam, Ekonomi Sebenar dan Kewangan

---

MISI

Menjadi **Bank Islam Terbaik di Asia-Pasifik**

NILAI-NILAI



Integriti



Tumpuan kepada Pelanggan



Matlamat Bersepadu



Kecemerlangan

BAB

01

Gambaran Keseluruhan

1.1 Berjiwa Brunei 07

1.2 Pernyataan Pengerusi 09

1.3 Prakata Pengarah Urusan 18

1.4 Warga Kami 26

1.1 Berjiwa Brunei

Profil Korporat

BIBD, bank terbesar dan institusi kewangan Islam ulung di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan *Islamic Bank of Brunei* dan *Islamic Development Bank of Brunei*. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, BIBD ditadbir mengikut amalan terbaik global di bawah bimbingan Lembaga Pengarah. BIBD komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dari segenap lapisan masyarakat melalui inovasi perkhidmatan, produk dan teknologi yang berterusan.


Sebagai bank Islam ulung dan penyedia perkhidmatan kewangan terbesar di Negara Brunei Darussalam, dengan lebih 1000 warga kerja dan aset bernilai B$10.5 bilion, kami berbangga dapat menawarkan perkhidmatan kepada lebih 245,000 pelanggan, yang terdiri daripada pelanggan retail, korporat dan antarabangsa.

Beribu pejabat di Bandar Seri Begawan, BIBD mempunyai lapan belas cawangan di lokasi strategik di empat daerah di Negara Brunei Darussalam serta rangkaian ATM terbesar di negara ini, dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada suku juta penduduk Negara Brunei Darussalam. Lokasi BIBD yang terdapat di seluruh negara membolehkan kami memiliki pusat hubungan terbesar di negara yang juga menyediakan kemudahan perhubungan mudah-alih digital (*digital mobile chat*), dan menawarkan kemudahan penyelesaian seperti perbankan internet dan mudah alih kepada pelanggan kami.

BIBD adalah satu-satunya bank di negara ini yang menawarkan perkhidmatan kepada segenap segmen pasaran di perbankan pelanggan. Dengan tumpuan utama kepada inovasi dan kecemerlangan, BIBD telah diiktiraf atas keunggulan perkhidmatan pelanggannya dan keupayaan untuk menyampaikan nilai terbaik kepada semua pihak berkepentingan secara konsisten. Hasil kerja keras, usaha dan komitmen yang berterusan daripada warga kerja BIBD telah membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lancar dan inovatif kepada pelanggan, serta memastikan bahawa pengalaman perbankan mereka bersama kami adalah unik dan terbaik pada setiap keadaan.

Sejak bermulanya perjalanan transformasi kami, BIBD telah mencapai beberapa kemajuan besar dari segi kebolehannya. Ini termasuk peningkatan dalam keseluruhan penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk cawangan yang menggambarkan kanvas visual Islam Negara Brunei Darussalam. Identiti tersendiri ini telah membezakan BIBD daripada institusi kewangan lain di Brunei Darussalam, serta menetapkan penanda aras perkhidmatan "Berjiwa Brunei" secara tulen. Gabungan kesemua usaha ini meletakkan BIBD di kedudukan yang lebih kukuh untuk merealisasikan aspirasinya dan terus maju di arena tempatan dan antarabangsa.

Pemegang Saham





Berjiwa Brunei

BIBD ialah sebuah Bank untuk rakyat Brunei yang dibina oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap dengan sempurna keseluruhan intipati perbankan Islam. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya mendukung cita-cita masyarakat Brunei. Pengalaman beroperasi sebagai sebuah Bank yang memahami aspirasi dan budaya Negara Brunei Darussalam secara tulus telah memberikan inspirasi dan membolehkan kami untuk terus memperbaharui tawaran penyelesaian yang paling sesuai dengan keperluan semua pelanggan kami.

Tadbir Urus

BIBD komited kepada tadbir urus korporat yang ketat dan dikawal sepenuhnya oleh prinsip dan peraturan yang ditetapkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah Negara (LPKS) dan Akta Syarikat Penggal 39. Bank ini mempunyai kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh mengikut piawaian antarabangsa, terutamanya dalam amalan-amalan kewangan, syariah dan risiko.

Anak-Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu Yang Aktif

BIBD At-Tamwil Berhad
Sebuah anak syarikat milik penuh, terutamanya mengendalikan pembiayaan kemudahan sewa-beli Islam.

BIBD Securities Sdn Bhd
Sebuah anak syarikat milik penuh yang menawarkan produk pengurusan kewangan Islam dan perkhidmatan broker bagi saham BIBD tempatan dan sekuriti asing yang tersenarai di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura.

BIBD (Timur Tengah) Terhad
Anak syarikat hak milik penuh BIBD dan entiti yang dikawal selia oleh Dubai Financial Services Authority (DFSA) untuk menyediakan perkhidmatan kewangan Islam termasuk pengaturan pelaburan; menyediakan khidmat nasihat mengenai produk-produk kewangan; pengaturan kredit dan menyediakan khidmat nasihat mengenai kredit.

Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd (Syarikat Bersekutu)
Menyediakan perkhidmatan Takaful Am dan Keluarga melalui anak-anak syarikatnya: Takaful Brunei Am dan Takaful Brunei Keluarga.

1.2 Pernyataan Pengerusi



"Walau apapun cabaran yang dibawa oleh pandemik, Kumpulan BIBD kekal teguh dan mencatatkan satu lagi tahun kewangan yang kukuh. Saya juga ingin menekankan bahawa prestasi keseluruhan ini telah dijayakan melalui pelaksanaan strategi yang selaras dan terarah oleh keseluruhan warga BIBD di bawah bimbingan dan halatuju Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah."

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Pengerusi Lembaga/Pengarah Bebas

Para Pemegang Saham yang Dihormati,

Bismillahir RahmanirRahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya berbesar hati untuk berkongsi kemajuan, pencapaian-pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kumpulan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) berlatar-belakangkan tahun yang mencabar yang dilanda dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

Pada 7 Ogos 2021, kita melihat kemunculan kes-kes selepas rekod 457 hari tanpa satu kes penularan tempatan COVID-19 yang seterusnya telah mencetuskan gelombang kedua wabak pandemik di negara ini. Apabila jumlah kes mula menurun pada awal Disember 2021, kedatangan varian Omicron mencetuskan lonjakan kes baru yang mewujudkan gelombang ketiga disaat negara baru mula bergerak ke arah fasa endemik. Negara kita mengembalikan semula beberapa langkah pengawalan apabila gelombang kedua dan ketiga COVID-19 melanda Brunei ketika ekonomi tempatan sedang berusaha untuk pulih. Sekatan dan langkah berjaga-jaga ini dilaksanakan untuk mengurangkan penularan virus, akan tetapi ianya juga telah menghadkan aktiviti-aktiviti perniagaan di negara kita.

Walau apapun cabaran yang dibawa oleh pandemik, Kumpulan BIBD kekal teguh dan mencatatkan satu lagi tahun kewangan yang kukuh. Saya juga ingin menekankan bahawa prestasi keseluruhan ini telah dijayakan melalui pelaksanaan strategi yang selaras dan terarah oleh keseluruhan warga BIBD di bawah bimbingan dan halatuju Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah.

Kesan ekonomi yang dipertahankan di tengah krisis kesihatan global

Pada ketika ekonomi global dan serantau terjejas teruk oleh COVID-19, Kerajaan Brunei berjaya mengurangkan impak penuh terhadap ekonomi akibat pandemik melalui strategi yang diselaraskan dengan baik dan dasar yang kukuh.

Sektor perbankan terus mengekalkan modal yang mampan dan kecairan tunai yang tinggi manakala kualiti aset juga bertambah baik dengan penurunan nisbah bersih Pinjaman/ Pembiayaan tidak berbayar kepada 2 peratus.

Ini dinyatakan dalam prestasi Kumpulan melalui perniagaan utamanya apabila keuntungan dan jumlah aset bertambah baik dalam tinjauan tahun kewangan.

Pada 2021, Kumpulan telah mencatatkan penghasilan sebanyak $317 juta dengan keuntungan bersih sebanyak $149 juta manakala jumlah aset meningkat kepada $10.6 bilion.

Kumpulan juga memberikan Pulangan Atas Ekuiti (ROE) yang kukuh kepada pemegang saham kami pada 11.6 peratus yang mana ianya meningkatkan pulangan dan nilai kepada pemegang saham kami.

Kumpulan BIBD kekal melebihi 10 peratus bagi jumlah nisbah kecukupan modal (CAR) seperti yang digariskan dalam Perintah Perbankan Islam, 2008, yang membolehkan kami mengekalkan kedudukan modal yang teguh dalam melaksanakan strategi kami.

Sepanjang tahun yang mencabar, kami kekal berhemat dalam penyertaan perniagaan kami dengan pengurusan risiko yang dipertingkatkan untuk memastikan pertumbuhan yang stabil.

Keteguhan Sektor Kewangan

Semenjak langkah-langkah kawalan dikembalikan semula semasa gelombang kedua, perniagaan dan keadaan ekonomi terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Ekonomi Brunei merosot sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2021, ketika negara bergelut dengan penularan kedua COVID-19.

Kemelesetan ekonomi secara keseluruhan berpunca daripada kemerosotan dalam sektor minyak dan gas yang telah menurun sebanyak 5.3 peratus dari tahun ke tahun dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, sektor bukan minyak dan gas menunjukkan kedaya-tahanan dan terus meningkat sebanyak 1 peratus pada suku ketiga 2021 di mana sektor kewangan menjadi antara penyumbang utama pertumbuhan dalam sector tersebut.

Sehingga suku ketiga 2021, Brunei Darussalam Darussalam Central Bank (BDCB) melaporkan perkembangan sektor kewangan sebanyak 7.5 peratus tahun ke tahun dengan jumlah nilai aset $23.4 bilion, di mana $13.6 bilion terdiri daripada aset kewangan Islam. Sektor perbankan merupakan bahagian terbesar sektor kewangan pada 82.3 peratus.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited untuk mengurangkan kebergantungan kepada minyak dan gas dengan mewujudkan aliran pendapatan alternatif daripada sektor lain bagi memastikan kesediaan

negara untuk menghadapi sebarang kejutan ekonomi pada masa hadapan.

In Shaa Allah, BIBD akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong kerajaan untuk mencapai objektif kepelbagaian ekonomi ini pada masa hadapan serta menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Mendokong Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2016-2025

BIBD sentiasa berusaha untuk menyokong sepenuhnya pengawalselia, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dalam mencapai objektif yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan Sektor Kewangan BDCB 2016-2025 yang antara lain, termasuk pembangunan ekosistem yang menyokong sektor kewangan di Brunei.

BIBD telah berjaya mewujudkan ekosistem digital komprehensif yang menggalakkan rumusan kewangan dan ekonomi e-Pembayaran melalui platform BIBD NEXGEN kami.

Melalui kerjasama kami dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pelanggan BIBD dapat membayar kewajipan zakat fitrah mereka secara digital melalui BIBD QuickPay. Sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan, kami amat menyokong usaha negara ke arah menjadi Negara Pintar, diperkasakan oleh ekonomi digital. Kami berbesar hati atas kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan yakin kerjasama ini akan menjadi contoh terbaik untuk memacu masyarakat tanpa tunai.

Alhamdulillah, kami gembira menyaksikan peningkatan dalam transaksi digital sejak kebelakangan ini. In Shaa Allah, BIBD akan terus berusaha ke arah memperkukuhkan perkhidmatan digital kami demi untuk menanamkan kepercayaan dan keyakinan pasaran terhadap penerimaan pembayaran digital di Brunei.

Tindak Balas Kami terhadap Gelombang Kedua

Apabila negara merekodkan penularan kes tempatan COVID-19 yang pertama selepas lebih setahun, pihak Kerajaan dengan pantas mengembalikan langkah kawalan yang bertujuan untuk mengekang penyebaran virus tersebut. BIBD juga tangkas dalam usaha penyelarasan untuk menangani perubahan ini dengan pengaktifan semula Pelan Kesinambungan Perniagaan yang melibatkan waktu cawangan terhad dan mengurangkan kapasiti di cawangan-cawangan beroperasi.

Komitmen BIBD terhadap pendigitalan juga melengkapkan usaha negara dalam membendung penularan COVID-19. Melalui Kempen Go!, kami terus menggalakkan pelanggan untuk membuat pembayaran tanpa Tunai dan secara Digital dengan membuat transaksi perbankan mereka secara digital. Kempen ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan pelanggan di cawangan dan menggalakkan mereka mengurus sepenuhnya keperluan mereka melalui rangkaian pilihan pembayaran digital dan tanpa tunai yang terdapat pada BIBD NEXGEN.

Sebagai sebahagian daripada sokongan berterusan kami untuk membantu meringankan beban kewangan individu dan perniagaan yang disebabkan oleh COVID-19, BIBD terus melanjutkan Pakej Bantuan COVID-19. Tahun ini, BIBD mengambil inisiatif untuk memberikan sokongan kami kepada peniaga runcit, kebanyakannya perusahaan kecil dan sederhana, yang perniagaan mereka telah terjejas oleh COVID-19 melalui penurunan sementara Kadar Diskaun Pedagang (MDR).

Bagi menguruskan kapasiti dan mengurangkan risiko kesesakan, BIBD memperkenalkan kaedah inovatif untuk pelanggan membuat janji temu secara digital dengan menggunakan aplikasi QueUP. Ini membolehkan pelanggan menempah temujanji mereka lebih awal dan mengurangkan masa menunggu bagi membendung lagi penularan virus COVID-19 dan mematuhi langkah pengawalan Kementerian Kesihatan. Pada masa yang sama, ini juga mencerminkan sokongan kami untuk syarikat *start-up* tempatan.

Menyedari bahawa usaha bersepadu diperlukan untuk memastikan negara secara keseluruhan berjaya memerangi pandemik, BIBD juga membantu meningkatkan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan warga awam memelihara taggungjawab sosial dengan pemberigaan maklumat awam mengenai langkah pencegahan COVID- 19 di pelbagai saluran.

Ini adalah sebahagian daripada peranan BIBD sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan dan selaras dengan komitmen dan dedikasi kami yang kuat untuk menyokong UN SDG 3 iaitu memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk global dengan antara lain, menamatkan wabak dan lain-lain penyakit berjangkit seperti COVID-19.

Membantu Perniagaan Bangkit Kembali Dengan Lebih Teguh dan Mampan

Perniagaan kecil dan sederhana adalah tulang belakang ekonomi kita dan COVID-19 telah memberikan mereka

pelbagai cabaran yang menyukarkan sesetengah pihak untuk terus bertahan. Menyedari hakikat keadaan, BIBD memperkenalkan rumusan perkhidmatan SME360 yang telah dikemaskini dan diperbaharui sebagai sebahagian daripada usaha untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti perniagaan tempatan. Ini perlu dicapai melalui pelan pelaksanaan laman web mikro, 10 bahagian siri ceramah dan rangkaian forum khusus industri dan program penglibatan komuniti selama tiga bulan yang membincangkan kemampanan dan melibatkan kumpulan komuniti dari semua peringkat umur. Siri ini akan mempersiapkan para usahawan baharu dan yang berpengalaman dengan pengetahuan, sumber dan rangkaian sokongan yang meluas untuk mempersiapkan mereka menghadapi tahun 2022 tahun dengan kejayaan.

Di bawah siri SME360, program '90 Hari Komuniti' bertujuan untuk menyemai semangat keusahawanan, menonjolkan perniagaan kreatif tempatan serta memberi peluang kepada usahawan kreatif yang memberi inspirasi untuk menjangkau kalangan mereka yang lebih muda melalui beberapa siri bengkel dan acara. Bengkel pertama iaitu 'The Kasturi Stand' telah dijalankan oleh Community for Brunei (CFB) dan melibatkan "kidpreneurs" yang mengetengahkan pengalaman yang menyeronokkan dan bermakna dari sudut inovasi dan keusahawanan. Ia memberi sokongan kepada usahawan muda untuk membantu merealisasikan impian mereka untuk memiliki perniagaan dan menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya pada masa hadapan. Ini membawa keterangkuman kepada program kami dan memastikan ianya sejajar dengan UN SDG 10 dalam melengkapkan generasi akan datang dengan kemahiran penting yang boleh menyumbang kepada Wawasan 2035.

Kami terus komited untuk meneroka lebih banyak strategi yang akan menyokong lagi komuniti perniagaan kami semasa pandemik untuk memastikan mereka boleh pulih secara mampan dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Brunei dalam jangka masa panjang.

Kemampanan dan Transformasi Digital pada Agenda Serantau

Tahun ini menandakan peristiwa penting bagi Negara Brunei Darussalam apabila negara mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 serta Sidang Kemuncak Berkaitan. Membawa tema *"We Care, We Prepare, We Prosper* atau "Kami Prihatin, Kami Bersedia, Kami Sejahtera". Sidang kemuncak itu menghimpunkan negara-negara anggota ASEAN dan rakan dialog untuk memberi tumpuan kepada memanfaatkan sifat prihatin rakyat di rantau ini dalam mempersiapkan ASEAN untuk masa depan pasca pandemik dan membolehkan ekonomi yang mampan dan makmur di rantau yang menempatkan kira-kira 660 juta orang.

Sidang Kemuncak bagi Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021 adalah acara kemuncak dalam Kepemimpinan Brunei Darussalam bagi ASEAN 2021 dan merupakan satu peluang unik dan berharga bagi kerajaan dan sektor swasta untuk membincangkan idea baharu, berkongsi pengalaman dan menjalin perkongsian yang lebih besar ke arah matlamat bersama membina masa depan digital yang mampan. Tema tahun ini, *"Building Our Sustainable Digital Future"* atau "Membina Masa Depan Digital Kami yang Mampan" menyentuh mengenai matlamat kerajaan dan komuniti perniagaan untuk bersatu dalam membangun semula dengan lebih baik dan pulih dengan lebih kukuh bersama-sama.

BIBD sememangnya berbesar hati menjadi Penaja Utama Bersama untuk Sidang Kemuncak, Persidangan Meja Bulat Perniagaan, dan Anugerah Perniagaan ASEAN, sebagai salah satu organisasi utama yang mendokong kerajaan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Ini selaras dengan peranan Bank sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan untuk negara dan pemacu objektif negara dalam mencapai UN SDG dan komitmen *Net Zero 2050*.

Pada tahun ini, BIBD turut menjadi penganjur kepada China-ASEAN Interbank Association (CAIBA) ke-11 dan Executive Board Meeting and the 2nd ASEAN Plus Three Interbank Cooperation Mechanism (APTIBCM) ke-2. Mesyuarat yang diadakan secara maya itu membawa tema *"Empowering the Future with Sustainability & Digitalisation"* atau "Memperkasakan Masa Depan dengan Kemampanan & Pendigitalan", dengan wakil daripada institusi kewangan terkemuka dari Negara Anggota ASEAN serta Republik Rakyat China, Jepun, dan Republik Korea.

Tema tersebut selaras dengan tema Sidang Kemuncak ASEAN 2021, tatkala pandemik telah mempercepatkan anjakan paradigma dalam ekonomi global dengan tumpuan khusus pada transformasi digital dan lebih banyak perbincangan mengenai kemampanan. Ia mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat tentang peranan bank dan institusi kewangan dalam mempromosikan amalan sihat yang memberi manfaat bukan sahaja kepada koperasi tetapi juga masyarakat. Ini juga selaras dengan sokongan Bank terhadap negara sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan, dan komitmen untuk memimpin ke arah masa depan yang lebih saksama dan mampan, bukan sahaja di Brunei Darussalam tetapi di rantau ASEAN dan Asia Pasifik yang lebih luas.

Komitmen Kepada Kemampanan

Salah satu penglibatan utama BIBD di dalam Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN ialah pengumuman Rangka Kerja Kemampanan BIBD ("SF"). SF sejajar dengan Maqasid Shariah dan juga 17 Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UN SDGs). Usaha menyokong prinsip-prinsip ini sangat saling berkaitan dengan DNA 'Berjiwa Brunei' kami yang bertujuan untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan masyarakat kita dan menggariskan kepentingan pensejajaran kita ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Rangka kerja ini menandakan komitmen Bank yang jelas terhadap kemampanan dan akan diserapkan ke dalam strategi perniagaan keseluruhan BIBD melalui 3 tunggak utama, iaitu Perlindungan Alam Sekitar, Keusahawanan yang Bertanggungjawab, dan Impak Sosial yang Inklusif.

Untuk tujuan itu, BIBD juga mengumumkan komitmen sasaran B$2 bilion ke arah pembiayaan dana kemampanan pada tahun 2030. Melalui komitmen sasaran ini, BIBD berusaha untuk meneraju amalan perniagaan dan aktiviti di pasaran tempatan dengan mempromosikan panduan di kalangan masyarakat korporat di Brunei yang disokong oleh pendigitalan, pembiayaan kemampanan, pendidikan komuniti dan penyertaan segenap lapisan sosial.

Memandangkan Brunei Darussalam juga merupakan penandatangan kepada Agenda Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu 2030, BIBD berharap agar akan dapat memainkan peranan penting di dalam menyokong usaha kemampanan negara, sejajar dengan peranan kami sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan. Bank telahpun bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama seperti Majlis Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (BNCCC) melalui Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS) serta Sekretariat Wawasan Brunei 2035 di bawah Pejabat Perdana Menteri sebagai sebahagian daripada pendekatan Whole of Nation.

Menerapkan Kemampanan ke dalam Perniagaan Kami

Pada akhir tahun 2021, kami menyaksikan pelancaran dana ESG baru yang patuh Syariah oleh BIBD Securities yang memperluaskan kepelbagaian tawaran kami. Ini juga menyokong matlamat kebangsaan BDCB untuk meningkatkan literasi kewangan di negara ini.

Pelancaran dana ESG dengan kerjasama firma pengurusan aset global Arabesque adalah dana pertama ESG di Brunei yang mematuhi Syariah dan menyediakan penyelesaian bagi pelabur yang mencari strategi pelaburan yang mematuhi Syariah dan mampan.

Pelancaran dana ESG adalah salah satu daripada pelbagai inisiatif yang dikelolakan oleh Kumpulan BIBD sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Kemampanan Kumpulan dan bertujuan untuk menyokong komitmen yang lebih luas terhadap kemampanan yang akan diterima pakai ke dalam strategi perniagaan keseluruhan yang menekankan Perlindungan Alam Sekitar, Keusahawanan yang Bertanggungjawab dan Impak Sosial yang Inklusif.

BIBD Asset Management yang beroperasi di bawah lesen BIBDS juga menjadi institusi kewangan pertama di Brunei Darussalam yang diiktiraf sebagai penandatangan kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Bangsa-Bangsa Bersatu (UN PRI). UN PRI adalah organisasi antarabangsa yang disokong oleh PBB yang berfungsi untuk menggalakkan penggabungan faktor-faktor tadbir urus alam sekitar, sosial, dan korporat (ESG) di dalam merangka keputusan pelaburan.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen Kumpulan BIBD di bawah SF untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs) dengan penglibatan masyarakat dan sistem kewangan untuk berkembang secara mampan.

In Shaa Allah, dengan pemupukan kemampanan di dalam perniagaan, ini akan menjadikan kami sebuah institusi kewangan yang mampan untuk masa depan yang akan memperkasakan negara dalam usaha pemulihannya daripada COVID-19 dan seterusnya.

Persepakatan untuk mencapai Matlamat

Melalui pendekatan Whole of Nation, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Brunei Darussalam terus bekerjasama dengan erat bersama BIBD dalam pelbagai inisiatif. BIBD sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan untuk pihak berkepentingan telah juga menyokong inisiatif utama dan penting kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara berterusan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Kami telah menyembahkan inisiatif Kemampanan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis Bersama Rakyat sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Salah satu contoh usaha kerjasama BIBD adalah Program Transformasi 1 Kampong 1 Produk di antara BIBD dan Kementerian Dalam Negeri yang menyokong lebih daripada 20 usahawan mikro setiap tahun. Usahawan-usahawan ini melalui program pembangunan permerkasaan keusahawanan yang bertujuan untuk mengubah penjenamaan dan pembungkusan mereka dan meningkatkan kebolehpasaran mereka dan penerapan urus niaga digital. Dianggarkan 50% peserta mendapat peningkatan lebih daripada 10 kali ganda dalam pendapatan tahunan mereka selepas menyertai program ini. Ini adalah sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan keusahawanan, kemampuan diri dan kebebasan kewangan sambil memperluaskan sokongan untuk industri kampung dan memberikan mereka cara untuk membangunkan sumber pendapatan yang berdaya maju.

Begitu juga, melalui kerjasama antara Bank dan Kementerian Hal Ehwal Agama, kami memperluaskan sokongan untuk Konsortium Mualafpreneurs. Ini adalah kumpulan Mualaf yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan membantu mereka untuk lebih berdikari. Dengan menghadiri program ini, mereka telah dibimbing untuk menguruskan perusahaan mikro mereka dan menggunakan platfom pembayaran digital untuk transaksi perniagaan mereka. Sejak pelancaran program untuk kohort pertama pada tahun 2019, bilangan Mualafpreneur telah meningkat dari 6 hingga 113 perniagaan.

Sebagai sokongan kepada UN SDG 17, Bank juga telah bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan lain untuk meningkatkan kesedaran dan menerajui inisiatif yang yang bertujuan untuk menyokong SDG.

BIBD juga menyokong Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam aktiviti pembersihan pantai bulanan mereka; yang mana lebih daripada 180 kakitangan BIBD telah mengambil bahagian dalam 2 sesi membersihkan di pantai yang berlainan pada bulan Jun dan Julai 2021. Ini adalah sebahagian daripada seruan bagi kesedaran untuk penggunaan yang bertanggungjawab dan untuk melindungi kehidupan di bawah air sejajar dengan SDG 12, SDG 14 dan SDG 15. Kempen ini terpaksa ditangguhkan kerana bermulanya gelombang ke-2 jangkitan COVID-19 di negara ini, tetapi diharapkan dapat disambung semula apabila keadaan mengizinkan. Dengan keramaian belia di negara ini, kami berharap kesedaran dan penglibatan ini akan membawa kepada kehidupan yang lebih bertanggungjawab dan pilihan penggunaan yang lebih bertanggungjawab

Memperkasa Aset Manusia: Membina Pemimpin Masa Depan

Sebagaimana kami menerima sepenuhnya automasi dan inovasi digital dalam era pandemik, kami tidak dapat menekankan betapa pentingnya peranan kakitangan kami yang menjadi nadi BIBD. Menyedari kepentingan kakitangan kami sebagai aset kami yang paling berharga, kami komited untuk melabur dalam program pembangunan modal insan yang membina dan memperkuat keupayaan sejajar dengan usaha kami yang terdekat dan jangka panjang.

Program Graduate Management Training (GMT) kami telah diiktiraf sebagai diantara yang terbaik di rantau ini di Employee Experience Awards 2021 yang pertama - platfom terkemuka yang memberi ganjaran kepada profil pasukan HR dan individu yang berkemahiran di seluruh Asia. Pengiktirafan ini mencerminkan kualiti program kami dalam menghasilkan dan memupuk bakat yang akhirnya akan menjadi pemimpin masa depan organisasi kami dan menyumbang kepada inisiatif pembinaan negara Brunei.

Walaupun dengan keadaan pandemik COVID-19, BIBD terus melabur dalam pembangunan pemimpin muda di Brunei kerana kami percaya bahawa generasi muda akan mempunyai keupayaan untuk membangun dan mengubah negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

BIBD Youth Empowerment Summit (BIBD YES!) 2021, yang diadakan secara maya, meneruskan momentum dari sidang kemuncak yang sebelumnya dan menyaksikan penyertaan lebih daripada 965 belia yang terdiri daripada pelajar dari 66 institusi berdaftar termasuk 20 peserta antarabangsa. Sidang kemuncak itu menyediakan platform yang bermakna bagi golongan muda Brunei untuk belajar dari model peranan yang luar biasa, daripada di dalam dan di luar negara, memperkasakan mereka dengan pengetahuan untuk memperjuangkan di dalam bidang kemampanan dan, melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup tentang cara untuk mengurus kesukaran serta panduan untuk menerajui perubahan dan juga bagaimana untuk berkomunikasi dengan belas ihsan, keterbukaan dan kebaikan.

Alhamdulillah, kami berbangga menjadi sebuah organisasi yang terus memberi peluang dan membangun keupayaan untuk modal insan negara dan kami tetap komited untuk melakukan semua yang kita dapat untuk menyokong kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mewujudkan kumpulan tenaga kerja yang sangat berkebolehan di Brunei dan sejajar dengan sasaran Wawasan Brunei 2035.

Berkhidmat Kepada Masyarakat: Tatkala Senang dan Susah

Menyumbang kepada pembangunan masyarakat adalah tetap menjadi salah satu keutamaan kami pada tahun 2021. Sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan untuk Masa Depan yang Mampan, BIBD terus memulakan dan mengekalkan beberapa program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi tumpuan kepada sokongan berterusan dan jangka panjang korporat kami dalam agenda kemampanan.

Program CSR utama kami, BIBD ALAF terus berkembang dan menjadi pemangkin untuk kejayaan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Program ini secara langsung menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) 2030, khususnya Matlamat ke-4 iaitu memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama sambil mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Program BIBD ALAF berusaha untuk menyediakan pendidikan dan pembelajaran, keperluan pertumbuhan individu dan tanda-aras utama pembangunan negara kepada anak-anak yang kurang bernasib baik di Brunei Darussalam untuk memastikan peluang untuk berjaya tetap ada bagi mereka.

Pada bulan Februari 2021, kami telah menganugerahkan biasiswa BIBD ALAF kepada 19 orang pelajar. Ini membawa jumlah penerima yang disokong oleh program tersebut kepada 243 pelajar di seluruh institusi rendah, menengah dan tinggi di dalam dan di luar negara.

Setelah gelombang kedua COVID-19 melanda Brunei, sekolah telah diadakan secara online dan pelajar menghadiri kelas dari rumah. BIBD membekalkan peralatan pembelajaran secara online dalam bentuk komputer riba, kad SIM, tablet dan WiFi mudah alih kepada pelajar yang menduduki peperiksaan utama dan bukan utama.

In Shaa Allah, kami berharap dapat memperkukuhkan kerjasama kami yang telah sekian lama dengan pihak berkepentingan yang sedia ada seperti Kementerian Hal Ehwal Agama (MORA) dan Kementerian Pendidikan (MOE) serta syarikat tempatan dan orang awam sambil meneroka peluang untuk menubuhkan kerjasama baru dengan organisasi awam atau swasta yang berminat.

Satu lagi inisiatif CSR yang telah menjadi pemacu kemampanan korporat utama untuk BIBD ialah 'Community for Brunei' (CFB) – yang juga terus berkembang dengan mantap dan menonjol di rantau ini. Pada tahun 2021, CFB merombak platfomnya dan memperkenalkan ciri-ciri baru seperti pengutipan derma secara digital dan pendaftaran untuk usaha kesukarelawanan. Platfom yang diperbaharui ini telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di- Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa sambutan Hari Belia Kebangsaan pada bulan Ogos 2021.

Saya juga dengan sukacita ingin berkongsi bahawa CFB memenangi Anugerah Khas Brunei di ASEAN Business Awards dan dinamakan *'Emerging Social Enterprise'.* Anugerah Khas Brunei yang eksklusif bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada NGO yang didaftarkan dan beroperasi di ASEAN yang telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan memacu pembangunan sosial, alam sekitar dan komuniti di peringkat kebangsaan dan serantau.

Semua usaha ini menandakan komitmen BIBD terhadap pembangunan negara, bukan sahaja sebagai institusi kewangan tetapi juga sebagai warga korporat yang bertanggungjawab yang menyumbang kepada kejayaan Brunei dan benar-benar berkidmat untuk masyarakat yang berasaskan sebuah organisasi yang 'Berjiwa Brunei'.

Meningkatkan Tahap Ke Arah Kedudukan Terbaik Di Rantau ini

Walaupun bergelut dengan pandemik COVID-19 disepanjang tahun lalu, BIBD hanya telah berjuang dalam memperkukuhkan dan menguatkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran di Brunei dan terus meningkatkan sasaran kami dalam misi kami untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik.

S&P Global mengesahkan lagi penarafan A- nya kepada BIBD pada tahun 2021, penarafan yang kami kekalkan sejak 2015 dan mencerminkan rekod prestasi BIBD dan permodalan yang kukuh serta pengurusan modal kami yang berhemat.

Kumpulan BIBD juga mendapat beberapa penganugerahan utama yang antara lain termasuk, *'Bank of the Year 2021'* oleh The Banker bagi tahun yang kedua. Anugerah ini dianggap sebagai piawaian emas untuk kecemerlangan dalam perbankan.

BIBD sekali lagi dinamakan oleh The Asian Banker sebagai *'Best Retail Bank in Brunei'* dan telah berjaya untuk mengekalkan gelaran tersebut selama sembilan tahun berturut- turut. Bank juga telah beroleh satu lagi kejayaan

'Strongest Bank by Balance Sheet' dan Global Finance Magazine juga menamakan BIBD sebagai *'Safest Bank in Brunei'.*

Pengiktirafan dari badan dan pengusaha industri kewangan bebas terkenal ini mencerminkan pematuhan kami terhadap amalan perniagaan yang kukuh dan gaya pengurusan yang berhemat sementara memberi inspirasi kepada kami untuk bekerja lebih keras ke arah matlamat kami untuk menjadi Bank Islam yang Terbaik di Asia Pasifik.

Transformasi kepada institusi kewangan Islam yang bertaraf dunia

Perjanjian pengurusan antara Fajr Capital dan BIBD telah berakhir pada 30 November 2021 yang telah memperlihatkan era baru dengan transformasi BIBD dari bank yang kukuh dan stabil ke institusi perkhidmatan kewangan yang tersohor di negara ini.

Salah satu pencapaian penting Fajr Capital termasuk menyemai bakat tempatan dan berjaya mengukuhkan dan memperkasa pasukan pengurusan BIBD menerusi peralihan kepimpinan kanan secara progresif kepada pasukan tempatan.

Bank telah melalui transformasi strategik yang mengakibatkan pertumbuhan yang menguntungkan semasa pelaburan Fajr Capital dan menjadikan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan Islam bertaraf dunia. Pencapaian utama dalam tempoh itu termasuk pelaksanaan strategi korporat baru yang membolehkan BIBD untuk mendapatkan penarafan kredit yang kukuh dari S & P, transformasi global dan teknologi yang menyediakan Bank dengan keupayaan untuk mempertingkatkan usaha pendigitalan, memperkenalkan produk baru dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Kumpulan BIBD, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Fajr Capital Ltd atas sokongan dan sumbangan mereka dalam perjalanan transformasi BIBD untuk menjadi sebuah institusi bertaraf dunia pada hari ini.

Sekalung Penghargaan

Semestinya akan terdapat rintangan dan cabaran di hadapan kita, tetapi dengan tekad, kerja keras dan semangat berpasukan yang bersepadu, kami akan terus memastikan bahawa Kumpulan BIBD akan berdiri teguh sebagai institusi yang akan terus mencapai kejayaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para ahli Lembaga Pengarah ke atas sokongan dan nasihat strategik mereka. Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kami kepada Awang Mubashar Khokhar yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif pada 30 November 2021, atas kepimpinan, dedikasi dan sumbangannya yang menerajui BIBD ke tahap kejayaan yang baru.

Pada masa yang sama, para ahli Lembaga Pengarah ingin mengucapkan tahniah kepada Hjh Noraini binti Hj Sulaiman atas pelantikannya sebagai Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD. Kami berharap beliau akan dapat meningkatkan tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam menerajui perjalanan BIBD di masa depan, In Shaa Allah.

Lembaga Pengarah menyertai saya dalam merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan BIBD yang telah melaksanakan peranan mereka dengan penuh dedikasi, dengan tahap kecekapan yang tinggi untuk menyampaikan perkhidmatan dan pengalaman yang baik kepada para pelanggan kami. Dengan bimbingan pasukan pengurusan yang kuat dan berdedikasi serta perpaduan di antara wargakerja kami, In Shaa Allah, kami percaya kami dapat menghadapi dan mengatasi segala cabaran dalam menyampaikan yang terbaik untuk para pemegang saham kami.

Saya ingin merakamkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan ke hadapan Majlis Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pemegang Saham dan Pengawal Selia yang sangat mahir di atas sokongan dan bimbingan mereka yang berterusan.

Kami menyedari akan tanggungjawab kami sebagai bank utama untuk melayani kepentingan Brunei Darussalam dan oleh itu tetap komited kepada matlamat kami untuk menjadikan BIBD sebagai pilihan utama pelanggan kami. Sebagai 'Rakan Kongsi dalam Kemajuan untuk Masa Depan yang Mampan', kami akan meningkatkan usaha kami pada tahun yang akan datang untuk menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menyumbang ke arah mewujudkan ekonomi yang mampan yang akan memberi manfaat kepada pelanggan kami, pemegang saham, masyarakat dan negara.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullah Hi Wabarakatuh

Yang Berhormat Dato Seri Setia
Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II,
Pengerusi Lembaga Pengarah
Bank Islam Negara Brunei Darussalam
& Anak-Anak Syarikatnya

1.3 Prakata Pemangku Pengarah Urusan



"Tadbir urus yang selamat dan dasar pengurusan risiko adalah penyumbang utama untuk memastikan hasil pulangan yang besar kepada pelanggan dan pihak berkepentingan kami serta mengukuhkan kualiti aset semasa kami."

Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Islam Brunei Darussalam

Para Pemegang Saham yang dihormati,

Para Pemegang Saham yang dihormati, Bismillah HirRahman NirRaheem. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya berbesar hati untuk menyampaikan ucapan pertama saya kepada awda sebagai Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD dan membentangkan prestasi Kumpulan bagi tahun kewangan 2021.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD dan Badan Penasihat Syariah BIBD kerana mempertanggungjawabkan saya untuk memimpin institusi berprestij ini dan mempertingkatkan lagi jenama BIBD sebagai jenama tempatan yang akan disegani di peringkat serantau dan global, In Shaa Allah.

Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Tahun yang Mencabar

Tahun 2021 bermula dengan baik dan negara terus mencatatkan rekod sifar kes COVID-19 dalam tempoh yang panjang. Kami berharap tahun 2021 akan menjadi tahun pemulihan, selepas negara bergelut dengan kesan gelombang pertama COVID-19 pada tahun 2020.

Akan tetapi, gelombang kedua pandemik melanda Brunei dan sekali lagi membawa cabaran yang belum pernah dialami sebelum ini bukan sahaja kepada BIBD tetapi bagi seluruh negara.

Alhamdulillah, sebagai sebuah institusi yang dibina di atas asas pengurusan risiko yang teguh dan amalan perniagaan yang pragmatik, saya melaporkan satu lagi tahun yang luar biasa untuk BIBD dan kumpulan syarikatnya. Ini bukan sahaja dari segi perniagaan kami tetapi juga dalam sumbangan kami secara menyeluruh kepada Negara Brunei Darussalam.

Pembiayaan berhemat dan rosotnilai disebabkan oleh kesan COVID-19 pada tahun sebelumnya telah menghasilkan keuntungan bersih keseluruhan yang lebih tinggi pada B$149 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.7 peratus daripada tahun sebelumnya.

Fokus utama bagi strategi Kumpulan pada tahun 2021 adalah untuk menggalakkan pertumbuhan deposit di mana bank telah mencatatkan jumlah deposit sebanyak B$8.9 bilion. Peningkatan dalam deposit juga telah menambah baik jumlah aset Kumpulan kami, yang mencapai angka kukuh sebanyak B$10.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding dengan rekod sebelumnya iaitu B$9.7 bilion pada 2020.

Pulangan aset meningkat ke 1.4 peratus bagi tahun 2021 yang mana memperlihatkan asas strategik yang diletakkan di atas prestasi kami dalam mendapatkan hasil yang disasarkan setiap tahun.

BIBD telah menunjukkan kekuatan modal yang kukuh dan mengekalkan nisbah kecukupan modal yang baik yang mana jauh melebihi keperluan minimum kawal selia yang ditetapkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Pada bulan Ogos 2021, di tengah-tengah wabak COVID-19, dengan panduan dari Lembaga Pengarah kami, Bank membuat keputusan dengan mempertimbangkan bagi pembayaran dividen berjumlah 17.4 sen sesaham, iaitu bersamaan dengan B$126 juta kepada pemegang saham kami yang merangkumi lebih 6000 pemegang saham individu. Walaupun nisbah pembayaran keluar yang tinggi itu telah mengurangkan sedikit nisbah modal kami sebanyak 0.5% kepada 19.8%, namun ini dilakukan adalah sebagai cara untuk membantu ekonomi pada masa yang mencabar dan lebih penting lagi, meletakkan kecairan ke tangan pemegang saham kami.

Tadbir urus yang selamat dan dasar pengurusan risiko adalah penyumbang utama untuk memastikan hasil pulangan yang besar kepada pelanggan dan pihak berkepentingan kami serta mengukuhkan kualiti aset semasa kami.

Selain itu, strategi segera kami semasa pandemik adalah untuk kekal berhemat dalam pengurusan perniagaan kami yang membolehkan kami kekal dalam keadaan yang menguntungkan dan stabil. Selain itu, kami juga komited dalam menyumbang kembali kepada masyarakat, memperkayakan lagi peranan kemampanan korporat kami, dan membantu negara bangkit semula di waktu yang mencabar.

Strategi Taktikal COVID-19: Untuk Mengukuhkan, Mengekalkan dan Melindungi

Alhamdulillah, sepanjang gelombang pertama dan kedua pandemik, Kumpulan BIBD dilengkapi dengan pelan kontingensi yang cekap yang membolehkan kami kekal produktif dalam menguruskan keadaan semasa. BIBD membuat keputusan taktikal yang strategik untuk Mengukuhkan, Mengekalkan dan Melindungi semasa wabak COVID-19. Strategi Taktikal COVID khususnya menumpukan kepada pengekalan kestabilan dan kesihatan kewangan serta menyokong masyarakat melalui pendekatan 'Whole of Nation' terhadap pengurusan COVID.

Berikutan penularan gelombang kedua COVID-19, BIBD mengambil pengajaran daripada gelombang pertama dan melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi dan mengurangkan lagi risiko penularan virus dalam organisasi dan komuniti kami.

Kumpulan kakitangan mustahak ditempatkan di tapak BCP di Mentiri serta Ibu Pejabat kami untuk memastikan operasi terus berjalan sambil menjamin keselamatan kakitangan kami. Bank dengan pantas mengurangkan operasi cawangan kami dan menghadkan waktu perbankan, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menyokong kerajaan dan mengurangkan risiko jangkitan di kalangan kakitangan dan pelanggan kami. Dua talian Meja Bantuan Kecemasan yang khusus telah diperkenalkan untuk menyokong kakitangan kami yang mungkin mempunyai sebarang pertanyaan dan kebimbangan semasa keadaan penuh ketidak-pastian.

Semasa gelombang kedua, 76% kakitangan bekerja dari rumah dan 23% kakitangan mustahak yang terdiri daripada barisan hadapan dan yang berfungsi sebagai bahagian sokongan bekerja di pejabat. Walau bagaimanapun, apabila menjelang Disember 2021, dengan pengurangan jangkitan langkah-langkah pengawalan dan permulaan fasa endemik awal, 64% kakitangan telah kembali bekerja di pejabat, manakala mereka yang dianggap mudah terdedah dan berisiko tinggi terus bekerja dari rumah. Ini adalah sejajar dengan garispandu yang ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Peralihan ini memberi keyakinan yang menekankan komitmen dan usaha Bank dalam memberi jaminan akan penyediaan tempat kerja yang selamat kepada kakitangan yang kembali bertugas di pejabat. Sebagai sebahagian daripada tadbir urus dan jaminan tambahan kami, ujian Antigen Rapid Test kit (ART) adalah diwajibkan sebelum memasuki mana-mana premis Bank berserta perlaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang tegas mengenai pemakaian sungkup muka dan penjarakan sosial.

Sebagai lapisan perlindungan tambahan dan bagi mematuhi nasihat Kementerian Kesihatan, BIBD terus menggalakkan kesemua kakitangan kami untuk mendapatkan vaksin COVID-19. Saya sukacita untuk berkongsi bahawa sehingga akhir tahun 2021, 99.82% kakitangan kami telah mendapatkan vaksin sepenuhnya dan lebih ramai lagi akan mendapatkan suntikan penggalak mereka apabila layak.

Alhamdulillah, di sebalik cabaran gelombang kedua, dengan usaha gigih, kerjasama dan persefahaman semua lapisan pihak, BIBD dapat mengukuhkan operasi kami dengan menyelaraskan usaha untuk meneruskan perniagaan kami tanpa gangguan.

Menerajui Agenda Kemampanan kami

Sebagai sebuah institusi kewangan Islam, BIBD sentiasa berpaksikan kepada Maqasid Syariah yang menekankan tentang pemeliharaan nyawa, keturunan, harta, akal dan agama. Komitmen kami terhadap ekuiti dan kemampanan sentiasa menjadi sebahagian daripada DNA kami dan berkait rapat dengan nilai 'Berjiwa Brunei' kami. Kedua-dua amalan perniagaan dan inisiatif CSR kami telah menjadi pemangkin untuk menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 dan sebarang matlamat seterusnya. Dari perspektif makro, inisiatif kami juga telah diselaraskan dengan set prinsip kemampanan yang lebih luas, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs) yang mana Brunei telah menandatanganinya dan ini akan membentuk pelan hala tuju kemampanan korporat kami pada masa hadapan.

Pada Oktober 2021, Kumpulan telah menandakan fokus yang jelas dan komitmen strategik kami terhadap nilai-nilai tersebut melalui Rangka Kerja Kemampanan BIBD. Rangka kerja ini mencerminkan komitmen kami untuk menjadi pemangkin perubahan untuk negara sebagai organisasi yang bertanggungjawab yang berusaha untuk menjadikan keadaan dunia untuk lebih baik dan lebih hijau untuk semua dan berharap untuk dapat mencetus sokongan dari rakan-rakan industri lain untuk bekerja secara kolektif ke arah komitmen Brunei iaitu ke arah *Net Zero* atau Karbon Sifar menjelang 2050.

Kumpulan, dipandu oleh Kumpulan Transformasi Kemampanan (TG) yang terdiri daripada ahli Forum Kepimpinan terpilih akan berusaha mencari jalan untuk menyepadukan prinsip kemampanan ke dalam strategi perniagaan keseluruhan BIBD melalui tiga tonggak, iaitu Perlindungan Alam Sekitar, Keusahawanan Bertanggungjawab dan Impak Sosial Inklusif.

Dengan pengenalan dana Alam Sekitar, Kemampanan dan Tadbir Urus (ESG) yang pertama seumpamanya dipasaran oleh BIBD Securities (BIBDS), dan Pengurusan Aset BIBD menjadi institusi kewangan pertama sebagai penandatangan kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN PRI), telah menandakan usaha yang pertama daripada pelbagai usaha yang akan diambil oleh Kumpulan BIBD ke arah masa depan yang lebih mampan untuk negara dan seterusnya.

Walau bagaimanapun, sebelum pengumuman Rangka Kerja Kemampanan, Bank telah secara aktif menyokong Kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dan menerajui inisiatif yang bertujuan untuk menyokong usaha SDG.

Sepanjang bulan Ramadhan, BIBD bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengedarkan lebih daripada 1,500 beg beli-belah pakai-semula di pasar luar di ibu negara, sempena pelancaran inisiatif "Plastic Free Brunei".

BIBD juga menyokong Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam aktiviti pembersihan pantai bulanan mereka; lebih 180 kakitangan BIBD mengambil bahagian dalam 2 sesi membersihkan beberapa buah pantai yang berlainan pada bulan Jun dan Julai 2021. Ini adalah sebahagian daripada seruan kesedaran untuk penggunaan yang bertanggungjawab dan untuk melindungi kehidupan di bawah air selaras dengan SDG 12 dan SDG 14. Dengan keramaian para belia di negara ini, kami berharap kesedaran dan penglibatan ini akan membawa kepada kehidupan yang lebih bertanggungjawab dan pilihan penggunaan yang lebih bertanggungjawab.

Menunjukkan Kedayatahanan Semasa Tahun yang Mencabar

Alhamdulillah, melalui usaha bersepadu pihak pengurusan dan kakitangan, Kumpulan BIBD kekal berdaya tahan dalam keadaan tahun yang mencabar dan dapat menyesuaikan keadaan walhal suasana yang tidak menentu dan kekal dengan komitmen kami untuk terus berkhidmat untuk pelanggan kami.

Sementara itu, Kumpulan Perbankan Runcit (RBG) kami juga telah menjalankan beberapa kempen yang digabungkan dengan promosi yang menawarkan diskaun menarik sebagai menghargai sokongan berterusan pelanggan kami dan juga sebagai satu cara untuk memperkukuh industri runcit tempatan.

BIBD Impian yang dilancarkan pada awal tahun telah ditawarkan untuk memenuhi impian pelanggan dengan menganugerahkan sebuah rumah berkembar baru. Sementara itu, kami turut melancarkan siri keempat BIBD Aspirasi yang menyediakan ganjaran sehingga B$250,000 sebagai salah satu cara untuk menggalakkan orang ramai untuk menabung selaras dengan matlamat kami untuk meningkatkan kecelikan kewangan.

Kumpulan Perbankan Korporat (CBG) kami telah melancarkan pembaharuan semula jenama SME360 melalui Siri SME360. Siri SME360 adalah sebahagian daripada nilai tambah Bank bagi ekosistem korporat dengan menyediakan aktiviti penglibatan komuniti untuk perusahaan mikro, forum maya Siri SME360 dan laman web mikro baru untuk berfungsi sebagai rujukan untuk memulakan perniagaan, dan pusat pengetahuan yang menyediakan maklumat, direktori dan panduan mengenai tatacara untuk menubuhkan dan mengekalkan perniagaan di Brunei.

Perniagaan BIBDS juga menandakan pertumbuhan yang ketara dalam kedua-dua segmen runcit dan institusi. Peningkatan kukuh dalam aset di bawah pengurusan ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat tentang kepentingan pelaburan serta peningkatan permintaan pasaran kepada penyelesaian pelaburan patuh Syarak.

Sementara itu, Perbendaharaan dan Pasaran Global (TGM) telah menyaksikan peningkatan ketara dalam jumlah transaksi tidak dibiayai yang mana ianya juga meningkatkan aliran hasil daripada perniagaan ini. Manakala potfolio produk berstruktur meneruskan langkahnya untuk mempelbagaikan pendedahan kepada pasaran baru yang sebelum ini tidak pernah diceburi.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap kecemerlangan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang tiada tandingan, Bank telah menjalankan beberapa siri semakan kualiti yang berterusan kepada ISO9001:2015 kami untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan keseluruhan, dengan audit pensijilan semula yang akan dijadualkan pada tahun 2022.

Sebagai sebahagian daripada aspirasi BIBD untuk menjadi institusi bertaraf dunia dan bank Islam terkemuka di Asia-Pasifik, BIBD menjalankan kajian reputasi jenama yang menanda aras kami kepada jenama utama selain daripada bank tempatan, termasuk organisasi besar yang lain. Kajian itu juga termasuk ciri-ciri untuk mencerminkan tumpuan bank terhadap pengalaman pelanggan, pendigitalan dan pelan untuk menjadi bank Islam terkemuka di rantau ini.

Alhamdulillah, sukacita saya berkongsi bahawa, berbanding dengan jenama tempatan utama di Brunei, BIBD telah dipilih sebagai "Jenama yang paling saya percayai" dan "Jenama yang paling saya suka". Berbanding dengan bank tempatan dan jenama tempatan utama industri lain (sebagai contoh syarikat penerbangan, pasar raya, syarikat telekomunikasi) di negara ini, BIBD adalah peneraju dalam "Memberikan pengalaman pelanggan yang hebat", membuktikan daya tahan dan dedikasi kakitangan kami dalam sentiasa

mengutamakan pelanggan kami, walaupun dalam keadaan yang serba mencabar.

Menyokong Masyarakat

BIBD sentiasa mengekalkan pendekatan berstruktur kepada program CSR kami untuk mengekalkan inisiatif ini dalam jangka masa panjang dan bukannya sebagai penglibatan berkala sahaja. Sebagai sebahagian daripada Strategi Taktikal COVID, sukacita ingin saya berkongsi bahawa, lebih banyak dana telah diperuntukkan untuk inisiatif ini untuk memastikan mereka yang memerlukan bantuan diberi keutamaan semasa mereka dalam keadaan terdesak, terutama sekali ketika penularan COVID-19 ini.

BIBD telah menganugerahkan 19 pelajar baru dengan biasiswa BIBD ALAF bagi pengambilan ke-8 bagi meneruskan komitmen bank sebagai Rakan Kongsi dalam Kemajuan melalui program sokongan pendidikan holistik dan komprehensif kami. Kami terus menggalakkan kecemerlangan di kalangan pelajar ALAF kami; seramai 53 pelajar yang telah mencapai keputusan cemerlang tahun akademik 2020 diraikan pada majlis penyampaian BIBD ALAF Star Awards. Program ALAF pada masa ini menyokong 243 pelajar, dan In Shaa Allah, kami akan terus menyediakan saluran untuk pelajar yang cemerlang tetapi kurang bernasib baik pada tahun akan datang.

Program BIBD ALAF juga adalah sejajar dengan komitmen kami untuk menyokong UN SDG 4 dalam memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Community for Brunei (CFB) terus matang dan berkembang dengan platfom yang diperbaharui untuk memudahkan usaha kesukarelawanan dan pengumpulan dana untuk NGO beserta peningkatan bilangan perusahaan mikro yang berada di pasaran maya.

Semasa wabak COVID-19, platform CFB berjaya mengumpul lebih B$52,000 derma untuk NGO berdaftar yang mana dana tersebut telah disalurkan untuk tujuan menyokong petugas barisan hadapan dan mereka yang terjejas akibat gelombang kedua. Platfom tersebut membolehkan dan memperkasakan NGO yang berdaftar dalam pengumpulan derma daripada orang ramai untuk tujuan organisasi masing-masing. Ini sejajar dengan objektif utama platfom untuk berkhidmat kepada masyarakat, bagi kegunaan masyarakat. CFB juga menjalankan kempen kesedaran vaksinasi #keepbruneicovidsafe, untuk menggalakkan vaksinasi dan menangani sebarang maklumat tidak tepat yang boleh menyebabkan kegusaran orang ramai tentang pengambilan vaksin. Kempen ini juga bertujuan untuk membantu Kementerian Kesihatan dalam usaha mencapai vaksinasi penduduk sebagai satu cara untuk memastikan negara dilindungi secukupnya daripada COVID -19.

Melalui BIBD SEED yang mengetengahkan pendekatan perusahaan untuk menolong golongan kurang berkemampuan, 10 usahawan wanita berjaya lulus dari program yang bermula pada Ogos 2020. Pengambilan ke-3 merupakan siri pertama yang telah menerapkan industri kreatif sebagai sebahagian daripada program. 4 usahawan telah menubuhkan perniagaan dalam reka bentuk fesyen dan seni solekan, manakala 6 usahawan yang lain meneruskan minat mereka dalam industri permakanan.
6 entrepreneurs pursued their passions in the F&B industry.

Menggalakkan pakatan strategik dengan pihak berkepentingan utama

BIBD menyedari bahawa kejayaan bagi segala usaha masa hadapan serta dalam usaha membantu merealisasikan Wawasan Brunei 2035 hanya boleh dicapai melalui kerjasama erat dan pakatan strategik dengan sektor kerajaan, korporat dan swasta.

Antara inisiatif yang telah dijalankan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri ialah program transformasi Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Dengan sokongan BIBD, lebih 20 usahawan daripada kumpulan pertama berjaya mendaftar perniagaan dan membuka akaun perniagaan mereka. Selain itu, BIBD turut bekerjasama dalam Souq Sahur yang diadakan di BIBD Connects di ibu negara sepanjang bulan Ramadhan yang menampilkan perusahaan mikro daripada CFB serta 1K1P. Bank juga menyokong usaha Kementerian dalam menghijaukan ibu negara dengan menyertai aktiviti penanaman pokok.

Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kami atas sokongan yang berterusan daripada Rakan Kongsi Kemajuan kami, BIBD telah mengadakan acara undangan Golf Silaturahim yang pertama untuk rakan kongsi strategik kami. Sekitar 70 pemain golf menyertai kejohanan golf itu yang terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan eksekutif daripada syarikat berkaitan kerajaan dan pemegang saham strategik.

BIBD juga bekerjasama dengan badan kerajaan dan swasta dalam menyediakan bantuan makanan dan Alat Pelindung Diri (PPE) dalam usaha negara untuk menyokong petugas

barisan hadapan dan keluarga kurang bernasib baik ketika Brunei berhadapan dengan ujian COVID-19. Selain itu, BIBD juga bekerjasama dengan Pusat Promosi Kesihatan (HPC) di bawah Kementerian Kesihatan dalam mempromosikan dan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental di kalangan rakyat Brunei semasa berhadapan dengan COVID-19 yang melanda negara.

Kami juga telah bekerjasama secara strategik dengan DARe dalam usaha untuk memberi nilai-tambah kepada program SME360 dan CSR kami yang sedia ada. Kami bekerjasama rapat dengan DARe untuk siri SME360 dengan memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan mereka tentang sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan untuk membawa masuk kumpulan dan sektor perniagaan yang berkaitan, pelbagai Dewan Perniagaan dan persatuan usahawan serta pemain utama dari sektor Permakanan, Runcit, Kecergasan dan Hartanah.

Bank telah bekerjasama dengan DARe untuk program BIBD SEED di mana penglibatan mereka adalah dalam latihan kem permulaan keusahawanan untuk para peserta. Peserta BIBD Catalyst juga berpeluang untuk mengikuti satu program DARe iaitu Accelerate yang diperakui oleh industri. Melalui kerjasama tersebut, peserta Catalyst juga dapat mengeksport produk mereka ke Dubai Expo 2020 untuk memperkenalkan produk mereka dan mewakili perusahaan tempatan Brunei di persada dunia.

Semasa BIBD Youth Empowerment Summit (BIBD YES!) 2021, kami diberi peluang untuk bekerjasama dengan Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE) di bawah naungan Kementerian Pendidikan untuk mensejajarkan matlamat bersama kami untuk memantau dan membangunkan pelajar yang dikenal pasti sebagai cerdas, pintar dan berbakat di Negara Brunei Darussalam.

Dengan berteraskan Kelestarian, BIBD melalui Sustainability TG telah bekerjasama rapat dengan Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS) dan Majlis Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei untuk menerokai sebarang peluang dalam menyokong agenda perubahan iklim negara. Kami juga bekerjasama dengan NGO dan berhasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama dan kesepakatan untuk memastikan mereka mempunyai platfom untuk memperkasakan usaha mereka yang selaras dengan agenda nasional, In Shaa Allah.

Di BIBD, kami sentiasa percaya bahawa kerjasama dan perkongsian dengan pihak-pihak berkepentingan utama yang strategik kerana ia adalah cara terbaik untuk membawa impak yang positif. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada rakan kongsi kami dalam sektor swasta dan awam yang sejajar dan komited untuk menyokong Wawasan Brunei 2035. Dengan mengambil pendekatan Whole of Nation ini, kami berharap agar kita semua dapat memainkan peranan kecil dalam membawa hasil jangka panjang dan mampan yang akan membawa manfaat yang besar untuk semua pihak yang terlibat, In Shaa Allah.

Melengkapi Komitmen Serantau Brunei

Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, kami menunjukkan sokongan kuat kami terhadap negara yang telah menjadi pengerusi bagi Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 serta Sidang Kemuncak Berkaitan. BIBD berbangga kerana diberi peluang untuk menjadi Rakan Pemimpin Bersama bagi Sidang Kemuncak Pelaburan Perniagaan ASEAN 2021, Persidangan Meja Bulat bagi Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021 dan Anugerah Perniagaan ASEAN 2021.

Melalui Persidangan Meja Bulat ASEAN 2021 bagi Perniagaan dan Pelaburan, Bank menyentuh mengenai sifat Kewangan Islam dan Kecelikan Kewangan serta peranan yang dimainkan oleh BIBD dalam menggalakkan keterangkuman dan kemampanan melalui pendigitalan dan fintech.

Semasa penyertaan kami di Sidang Kemuncak, BIBD juga membincangkan peranan Maqasid Shariah dalam membentuk asas rangka kerja bagi hala tuju masa depan kami untuk mencapai matlamat negara iaitu Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDSG) 2030. Kami turut mengongsikan komitmen sasaran sebanyak B$2 Billion dalam usaha kami untuk menyokong agenda kemampanan negara.

BIBD juga menganjurkan persidangan China-ASEAN Interbank Association (CAIBA) ke-11 dan Executive Board Meeting dan 2nd ASEAN Plus Three Interbank Cooperation Mechanism (APTIBCM) ke-2 yang diadakan secara maya berikutan pandemik yang terus menjejaskan rantau ini.

BIBD menyentuh mengenai sokongan Bank terhadap negara sebagai rakan kongsi dalam kemajuan serta rangka kerja kemampanan dan perjalanan digital bank yang diharap dapat menjadi peneraju ke arah masa depan yang saksama dan mampan di Brunei Darussalam dan serantau ASEAN serta Asia Pasifik.

Kakitangan Kami Nadi organisasi

Sepanjang keadaan yang tidak menentu di tahun

kebelakangan ini, kami sangat mengutamakan segala usaha untuk menyokong kakitangan kami.

Alhamdulillah, kami dapat meraikan 243 kakitangan kami yang setia berkhidmat sehingga 35 tahun yang secara kolektif telah menyumbang kepada kejayaan bank. Komitmen mereka untuk memberikan yang terbaik selama ini pastinya telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan BIBD dan memastikan kami dapat mencapai misi kami sebagai Bank Pilihan Pertama serta hala tuju seterusnya untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia-Pasifik.

Melalui Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan, kami juga melancarkan 'Digital Fikra' yang merupakan ruang khusus untuk pembelajaran digital, mencetus idea yang dinamik dan inovasi kolaboratif yang bertujuan untuk menyokong perjalanan transformasi digital BIBD. Ruang itu adalah manifestasi dari komitmen BIBD dalam usaha pendigitalan untuk menyokong inisiatif Negara Pintar bagi Brunei Darussalam dan memastikan tenaga kerjanya bersedia dan mampu untuk memenuhi perubahan yang dibawa oleh arus Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penglibatan kakitangan dalam semangat keusahawanan dan memupuk silaturrahim, Bank telah berjaya menganjurkan Pop-up Ramadhan pertama bagi kakitangan. Pop-up tersebut telah diadakan di Ibu Pejabat dan juga cawangan pejabat Kiulap dan kakitangan yang terlibat menyediakan pelbagai makanan yang dimasak sendiri untuk dijual kepada rakan sekerja mereka.

Bank juga menganjurkan siri ceramah untuk kakitangan yang membicangkan isu motivasi dan kesihatan mental semasa pandemik. BIBD sentiasa percaya dan menyokong kepentingan kesihatan mental sebagai sebahagian daripada matlamat Maqasid Syariah dan dalam menyokong Matlamat UN SDG 3 untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk global dalam menamatkan wabak dan penyakit berjangkit lain seperti COVID-19.

Pengiktirafan untuk kecemerlangan oleh industri dan rakan serantau

Alhamdulillah, kami berjaya mengekalkan penarafan A- S&P kami yang mencerminkan rekod prestasi BIBD yang cemerlang dan pengurusan modal yang kukuh dan berhemat.

BIBD juga diiktiraf sebagai 'Bank of the Year 2021' oleh The Banker untuk tahun kedua berturut-turut. Anugerah tersohor yang dianggap sebagai piawaian tahap unggul untuk kecemerlangan dalam perbankan dan 'Best Retail Bank in Brunei' oleh The Asian Banker untuk kesembilan tahun berturut-turut. Bank juga telah beroleh satu lagi kejayaan dan dinamakan sebagai 'Best Bank in Brunei' dan 'Best Islamic Financial Institution in Brunei' oleh Global Finance Magazine. Ini merupakan kali pertama Bank telah memenangi kedua-dua anugerah secara serentak.

Saya turut berbesar hati untuk mengongsikan pengiktirafan BIBD bagi 'Best Graduate Management Training Programme' untuk rantau ini dari Employee Experience Awards 2021 yang julung kali diadakan. Anugerah khusus ini yang menyaksikan penyertaan daripada organisasi berbagai bangsa dari kawasan serantau yang merentasi pelbagai industri berfungsi untuk mengiktiraf usaha organisasi dalam membangunkan graduan atau para siswa yang berkaliber tinggi sama bagi yang baru lepasan universiti atau mereka yang mempunyai pengalaman kerja satu atau dua tahun.

CFB juga memenangi Brunei Special Award dan dinobatkan sebagai penerima 'Emerging Social Enterprise' di ASEAN Business Awards 2021 kerana pendekatan kreatifnya dalam usaha menangani impak sosial untuk keperluan sosial di seluruh ASEAN. CFB juga turut diiktiraf sebagai pemenang Global Good Governance Award melalui Anugerah 'Best Community Development' yang mengukur komitmen terhadap kebajikan social, anugerah ini adalah program dari organisasi yang berprestij yang mengetengahkan kecemerlangan dalam kawalan tadbir urus dan komitmen terhadap kesejahteraan masyarakat.

BIBD juga memenangi 'Best SME Bank' untuk tahun kedua berturut-turut daripada Global Banking and Finance Review bagi mengiktiraf usaha BIBD dalam menyediakan rumusan komprehensif yang menjadikan perbankan lebih cekap, kos efektif dan mudah diakses oleh pelanggan SME serta mewujudkan sokongan jangka panjang dan perubahan yang mampan.

Semua pengiktirafan ini membuktikan komitmen Bank terhadap kecemerlangan dan tumpuan kami untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan komuniti kami.

Sekalung Penghargaan

Semua pencapaian kami pada tahun lalu hanya dapat dikecapi kerana kedayatahanan dan dedikasi kakitangan kami di bawah bimbingan dari Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah kami.

Kami berasa bersyukur kerana telah diberikan peluang untuk menjadi sebahagian daripada pasukan dinamik yang telah sama-sama berusaha untuk mencapai misi kami untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik, serta merealisasikan matlamat bersama untuk mewujudkan ekonomi yang saksama dan mampan yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada komuniti kami tetapi kepada seluruh warga global.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan kepada pengawal selia kami, Brunei Darussalam Central Bank atas sokongan, bimbingan dan keyakinan berterusan mereka terhadap BIBD.

Kepada pelanggan dan pemegang saham kami, kami sentiasa komited untuk berkhidmat untuk awda dan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik untuk generasi akan datang. Bagi pihak BIBD, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas kesetiaan, sokongan dan kepercayaan awda yang berterusan. Kami berharap untuk dapat sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik kepada awda dan akan turut menyertai perjalanan kami untuk menjadi sebuah Bank Islam terbaik di rantau ini, Insha Allah.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh

Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Islam Brunei Darussalam

1.4 Warga Kami



Lembaga Pengarah



Yang Berhormat Dato Seri Setia
Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Pengerusi Lembaga/ Pengarah Bebas

Tarikh Pelantikan : 30 Januari 2018
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 4 tahun

Saham yang dipegang sebagai
Penama BIBD di Bank : 2 saham

Kelayakan

- Ahli Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA), Singapura
- PhD dalam Kewangan Korporat, Kolej Imperial, Universiti London
- Ijazah Sarjana dalam Pengurusan, Kolej Imperial, Universiti London
- Sarjana Muda (Kelas Pertama) dalam Sains Komputer dan Statistik, Kolej Queen Mary, Universiti London

Pengalaman Relevan

YB Dato Dr Amin dilantik sebagai Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada 27 September 2018, dan sebelum itu, beliau memegang jawatan Menteri Kewangan II dari 30 Januari 2018. Sebelum menerima pelantikan tersebut, beliau merupakan Timbalan Menteri Kewangan (Pelaburan) sementara menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets Sdn Bhd ("DA"), sebuah syarikat pegangan pelaburan yang dimiliki oleh Menteri untuk Koperasi Kewangan, Brunei Darussalam.

Sebelum menyertai DA, beliau memegang beberapa jawatan penting dengan kerajaan Brunei, termasuk dilantik sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Setiausaha Tetap Kementerian Industri dan Sumber-sumber Utama dan Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei.

Sebelum memegang jawatan dengan kerajaan Brunei, beliau bekerja sebagai seorang usahawan minyak mentah dengan Brunei Shell Petroleum Co Sdn Bhd dalam pertengahan tahun 90an selepas pulang dari United Kingdom di mana beliau bekerja untuk IC Finance PLC sebagai penganalisis penyelidikan pada akhir tahun 80an/awal 90an.

Keterangan lanjut mengenai Ahi Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri
Pengarah Bebas

Tarikh Pelantikan : 1 Februari 2010
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 12 tahun

Saham yang dipegang sebagai
Penama BIBD di Bank : 1 saham

Saham yang dipegang sebagai Penama
BIBD di BIBD At-Tamwil Berhad : 1 saham

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko
- Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Eksekutif

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Pengurusan, Keele University, United Kingdom

Pengalaman Relevan
YM Awang Junaidi ialah Pengarah Urusan *Strategic Development Capital Fund*. Sebelum ini beliau memegang jawatan Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Ketua Pengarah *Venture Capital and Strategic Investments*, mengendali pelaburan BA secara global. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Fajr Capital sebagai seorang wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan
Pengarah Bebas (Tempoh jawatan berakhir pada
1 Disember 2021)

Tarikh pelantikan : 1 November 2007
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 14 tahun

Saham yang dipegang sebagai
Penama BIBD di Bank : 1 saham

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko
- Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Eksekutif

Kelayakan
- Ijazah Sarjana dalam Sains Politik dan Perhubungan Antarabangsa, Universiti Islam Aligarh, India Ijazah
- Sarjana Muda dalam Fizik dan Kimia, Universiti Islam Aligarh, India

Pengalaman Relevan
YM Dato Iqbal ialah Ketua Pegawai Eksekutif Far Capital, firma pelaburan Islam terkemuka yang beribu pejabat di Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai. Sebelum menyertai Fajr Capital, YM Dato Iqbal ialah pengasas Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Amanah, bahagian perkhidmatan kewangan Islam global Kumpulan HSBC. Beliau ialah penyokong lama industri perkhidmatan kewangan Islam, berkhidmat sebagai seorang penasihat kepada inisiatif kerajaan di Brunei Darussalam, Malaysia, Arab Saudi, UAE dan UK.

Beliau ialah penerima beberapa anugerah industri dan global, termasuk Anugerah Diraja Kewangan Islam, anugerah dua kali setahun yang disampaikan oleh Yang

DiPertuan Agong Malaysia, Anugerah Negeri 'The Most Honourable Order of the Crown of Brunei'" dikurniakan Baginda Sultan, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang disampaikan oleh Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai.

Keterangan lanjut mengenai Ahi Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Dr. Jan Hendrik (Hennie) van Greuning
Pengarah Bebas

Tarikh Pelantikan : 31 Disember 2010
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 11 tahun

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko

Kelayakan
- Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)
- Akauntan Bertauliah, Afrika Selatan dan Kanada
- Ijazah Kedoktoran dalam Sains Perakaunan dan Ekonomi Monetari

Pengalaman Relevan
YM Dr Hennie sebelum in merupakan Penasihat Kanan dalam Perbendaharaan Bank Dunia, menumpu pada Pengurusan Risiko Operas dalam bidang Perbendaharaan, serta isu berkaitan Perbankan Islam. Beliau adalah ahli Lembaga FirstRand Limited (sebuah syarikat pegangan Bank yang tersenarai di Afrika Selatan), selama sembilan tahun, sehingga November 2017. Dr Hennie mengajar kelas Sarjana dalam Kewangan di Universiti George Washington selama beberapa tahun dan telah menulis enam edisi penerbitan Bank Dunia mengenai Standard Laporan Kewangan Antarabangsa: Satu Panduan Praktikal. Beliau juga menulis bersama buku tentang risiko perbankan konvensional dan Islam. Hasil penerbitan beliau telah diterjemahkan ke dalam lebih 15 bahasa.

Keterangan lanjut mengenai Ali Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Pengarah Eksekutif / Pemangku Pengarah Urusan

Tarikh Perlantikan : 1 Disember 2021
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 1 Bulan

Saham yang dipegang sebagai
Penama BIBD di Bank : 1 saham

Saham yang dipegang sebagai Penama
BIBD di BIBD At-Tamwil Berhad : 1 saham

Kelayakan
- Ahli *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA)

Pengalaman Relevan
YM Hajah Noraini sebelum ini memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan BIBD dan Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Takaful Brunei Darussalam, diperbantukan daripada BIBD. Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Kewangan BIBD dan telah memegang beberapa jawatan perakaunan dan kewangan dalam pelbagai syarikat-syarikat Brunei seperti Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Pada masa ini, beliau adalah pengarah BIBD At-Tamwil Berhad, BIBD Securities, BIBD Management Services, Pusat Pakar Pantai Jerudong dan Pusat Perubatan Jerudong Park. Beliau juga merupakan pengarah di Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit TAP. Beliau adalah ahli Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam.

Keterangan lanjut mengenai Ali Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Haji Sofian bin Mohammad Jani
Pengarah Bebas

Tarikh Perlantikan : 19 Mac 2020
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 2 tahun

Saham yang dipegang sebagai
Penama BIBD di Bank : 1 saham

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko
- Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Eksekutif

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pengajian Sosial dalam Perakaunan dan Kewangan, Victoria University of Manchester, United Kingdom
- Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)

Pengalaman Releven
YM Hj Sofian, CFA berpengalaman lebih dari 24 tahun dalam bidang pengurusan pelaburan. Beliau berjawatan Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei sejak Julai 2018.

Belau memulakan kerjayanya di Jabatan Pengurusan Portfolio Aset dan kemudian berpindah ke Penyelidikan dan Pembangunan Perniagaan pada tahun 2001. Pada tahun 2005, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar dan seterusnya berpindah ke Pengurusan Dana Dalaman. Dia kemudian menjadi Ketua Pasaran Tersenarai pada tahun 2012 sebelum mengetuai Jabatan Pelaburan pada tahun 2014. Pada tahun 2018, beliau ditetapkan jawatan sebagai Penolong Pengarah UrusanKanan.

YM Haji Sofian adalah pemegang CFA.

Keterangan lanjut mengenai Ali Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



Yang Mulia Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (Tempoh jawatan berakhir pada 1 Disember 2021)

Tarikh Pelantikan : 30 November 2015
Tempoh Jawatan sebagai Pengarah : 6 tahun

Saham yang dipegang sebagai Penama BIBD di Bank : 1 saham

Saham yang dipegang sebagai Penama BIBD di BIBD At-Tamwil Berhad : 1 saham

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Eksekutif

Kelayakan
- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Ohio, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Ohio, Amerika Syarikat

Pengalaman Relevan

YM Mubashar berpengalaman tiga puluh lapan tahun dalam industri kewangan dan kini merupakan Pengarah Urusan di Fajr Capital Limited. Sebelum Fajr Capital, beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Bank Ajman, sebuah Bank Patuh Syarak yang tersenarai di UAE, dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badr Al-Islami/ Mashreq Al-Islami, subsidiari milik sepenuhnya Bank Mashreq.

YM Mubashar sebelum ini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Badr Al-Islami dan SAMBA Pakistan Ltd dan memegang jawatan kanan dalam American Express Bank dan Bank Amerika.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat

Badan Penasihat Shariah



BIBD



Yang Mulia Dato Seri Setia
Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 10 tahun

Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Usuluddin, Universiti Al Azhar;
- Sijil Kehakiman Syar'i, Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan.

Pengalaman Relevan

YM Dato Dr Haji Mazanan adalah Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam, menjadi ahli di kedua-dua peringkat Penasihat Syariah iaitu Badan Pensihat Syariah, BIBD dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam serta Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan. Beliau juga banyak membuat pembentangan kertas kerja dalam berbagai persidangan dan seminar serta aktif memberikan ceramah-ceramah dan forum ugama, dalam dan luar negara. Dalam bidang kepakaran Syariah, YM Dato Dr Haji Mazanan berpengetahuan mendalam dan terlatih untuk mengeluarkan fatwa, di mana beliau telah menerima latihan daripada Darul Ifta, Mesir pada tahun 2003.



Yang Mulia Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Timbalan Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 8 tahun

Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
- Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dan Perbankan Islam, Universiti Yarmouk, Kerajaan Hasyimiah Jordan
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam (Syariah), Universiti Brunei Darussalam

Pengalaman Relevan

YM Dr Abdul Nasir adalah Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau banyak terlibat dan berperanan dalam berbagai aspek di industri kewangan Islam seperti Penasihat Syariah, ahli akademik, pensyarah dan jurulatih. Belau menjadi Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD semenjak tahun 2014. Beliau telah menerbitkan banyak buku, kertas penyelidikan dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan. Beliau juga aktif membuat pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara serta mengendalikan latihan-latihan kewangan Islam di dalam negara.



Yang Mulia Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 3 tahun

Kelayakan
- Doktor Falsafah dalam Perbankan Islam, Universiti Durham, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- Ijazah Sarjana Muda dalam Sariah, Universiti Al-Azhar, Mesir

Pengalaman Relevan

YM Dr Hajah Mas Nooraini adalah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau menjadi Ahli BPS Badan Penasihat Syariah BIBD sejak bulan February 2020. Beliau juga telah menerbitkan banyak kertas kajian dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik. Beliau juga aktif membuat pembentangan kertas dalam dan luar negara.



Yang Mulia Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 3 tahun

Kelayakan
- Ijazah Sarjana dalam Ilmu Wahyu dan Tamadun Islam (Figh dan Usul al-Figh), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar Mesir;
- Pemegang Sijil Program Profesional Figh Muamalat (FMPP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) Brunei Darussalam.

Pengalaman Relevan

YM Dayang Hajah Noraini adalah Pegawai Istinbat Kanan di Jabatan Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan dan dilantik sebagai ahli Badan Penasihat Syariah sejak 2018. Beliau juga banyak membuat pembentangan kertas kerja dalam berbagai persidangan dan menjadi panel dalam banyak forum ugama dalam dan luar negara.



Yang Mulia Dr. Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 2 tahun

Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA); Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Brunei Darussalam (UBD);
- Pemegang Sijil Asas Pelaburan, Institut Penganalisa Kewangan Berkanun (CFA).

Pengalaman Relevan

YM Dr Hj Aidil adalah Timbalan Ketua di Jabatan Pembiayaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam termasuk dalam industri mahupun pengawalselia. Sebelum ini, beliau adalah Penolong Professor (Kewangan Islam) di UNISSA dan sebagai Pakar Kewangan Islam di Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah. Beliau juga pernah menjadi Pengurus di Jabatan Pengawasan Pasaran Modal, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan dalam masa yang sama dalam penempatan kerja di Kumpulan Perniagaan Pasaran Modal Islam, Securities Commission Malaysia (SC). Sebelum menyertai AMBD, beliau juga pernah menjadi Timbalan Pengurus di Jabatan Syariah BIBD.

BIBD Securities



Yang Mulia Dr. Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 1 tahun

Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA); Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Brunei Darussalam (UBD);
- Pemegang Sijil Asas Pelaburan, Institut Penganalisa Kewangan Berkanun (CFA).

Pengalaman Relevan

YM Dr Hj Aidil adalah Timbalan Ketua di Jabatan Pembiayaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam termasuk dalam industri mahupun pengawalselia. Sebelum ini, beliau adalah Penolong Professor (Kewangan Islam) di UNISSA dan sebagai Pakar Kewangan Islam di Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah. Beliau juga pernah menjadi Pengurus di Jabatan Pengawasan Pasaran Modal, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan dalam masa yang sama dalam penempatan kerja di Kumpulan Perniagaan Pasaran Modal Islam, Securities Commission Malaysia (SC). Sebelum menyertai AMBD, beliau juga pernah menjadi Timbalan Pengurus di Jabatan Syariah BIBD.



Yang Mulia Dr. Amnisuhailah binti Abarahan
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 1 tahun

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Ijazah Sarjana dalam Pengetahuan Pendedahan Islam dan Warisan, Fiqh dan Usul Al-Figh, pengkhususan dalam Perbankan Islam (Fiqh Muamalat), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengetahuan Pendedahan Islam dan Warisan, Fiqh dan Usul Al-Figh, pengkhususan dalam Comparative Religion, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Pengalaman Releven

YM Dr Amnisuhailah ialah Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA. Belau ialah seorang *Associate Member of Associations of Shariah Advisers in Islamic Finance (ASAS), Malaysia dan the Chartered Institute of Islamic Finance Professionals* (CIFP), Malaysia.



Yang Mulia Dr. Ahmad Lutfi bin Abdul Razak
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 1 tahun

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam, International Centre for Education in Islamic Finance;
- Diploma CIMA dalam Kewangan Islam;
- Diploma Lepasan Ijazah dalam Ekonomi Lanjutan, Universiti Warwick, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi, Universiti Warwick, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi, Universiti Warwick, United Kingdom.

Pengalaman Releven

YM Dr Lutfi menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam dari International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) pada Disember 2019 dengan tesis bertajuk "Kesan Prestasi Sosial Korporat Terhadap Risiko Kredit". Beliau juga menerima Anugerah Presiden INCEIF bagi Pencapaian Prestasi Akademik Terbaik dalam Kelas Graduan 2019 untuk Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam.

Sebelum mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah beliau, YM Dr Lutfi memperolehi Diploma CIA dalam Kewangan Islam, Diploma Lepasan Ijazah dalam Ekonomi Lanjutan (Universiti Warwick, UK), Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi (Universiti Warwick, UK) dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Universiti Warwick, UK).

Sebelum mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah beliau dari INCEIF, YM Dr Lutfi memegang jawatan sebagai Pensyarah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Beliau juga pernah bekerja di Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS), Brunei Darussalam di mana beliau melaksanakan sejumlah projek nasional seperti Pengoptimuman Tanah, Produktiviti Nasional, Literasi Kewangan dan Kemudahan Melakukan Perniagaan.

BIBD At-Tamwil



Yang Mulia Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 7 tahun

Kelayakan
- Doktor Falsafah dalam Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
- Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dan Perbankan Islam, Universiti Yarmouk, Kerajaan Hasyimiah Jordan
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam (Syariah), Universiti Brunei Darussalam

Pengalaman Relevan

YM Dr Abdul Nasir adalah Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau banyak terlibat dan berperanan dalam berbagai aspek di industri kewangan Islam seperti Penasihat Syariah, ahli akademik, pensyarah dan jurulatih. Beliau menjadi Ali Badan Penasihat Syariah BIBD semenjak tahun 2014. Belau telah menerbitkan banyak buku, kertas penyelidikan dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan. Beliau juga aktif membuat pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara serta mengendalikan latihan-latihan kewangan Islam di dalam negara.



Yang Mulia Pg Dr. Md Hasnol Alwee Pg Haji Md Salleh
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 6 bulan

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam dari University Durham, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kewangan, Universiti Lancaster, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Brunei Darussalam.

Pengalaman Releven

YM Pg Dr. Md Hasnol Alwee ialah pensyarah di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam dari tahun 2009. Beliau telah mengajar beberapa modul berkaitan dengan Perbankan dan Kewangan Islam seperti Pengenalan Perbankan dan Kewangan Islam, Etika Perniagaan Islam, Pelaburan dalam Kewangan Islam dan Pembiayaan Mikro Islam. Kepakaran dan minat beliau adalah dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan literasi kewangan Islam, Literasi Kewangan, Awqaf, dan Kewangan Sosial. Beliau telah menulis banyak artikel jurnal, bab dalam buku, dan kertas penyelidikan dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan.



Yang Mulia Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli : 1 tahun

Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah, Universiti Al-Azhar, Mesir.

RPengalaman Releven

YM Hj Md. Syahiran ialah Penolong Pensyarah di Kolej Universiti Pengajian Ugama Seri Begawan. Beliau mempunyai latar belakang Syariah yang kuat dengan pengetahuan perbankan dan kewangan yang relevan. Pengalaman beliau dalam pengajaran bermula pada tahun 2007 dan sehingga kini telah menjalankan pelbagai kursus Syariah dan Kewangan seperti Principles of Figh (Usul Fiqh), Islamic Legal Maxims (Qawa'id Fiqhiyyah), Fiqh Muamalat & isu semasa dan *Fatwas of jurisprudential rulings* (Fatawa AlAhkam Al-Fiqhiyyah).

Forum Kepimpinan



Yang Mulia Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Pemangku Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif

YM Hajah Noraini sebelum ini memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan BIBD dan Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Takaful Brunei Darussalam, diperbantukan daripada BIBD. Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Kewangan BIBD, dan telah memegang beberapa jawatan perakaunan dan kewangan dalam pelbagai syarikat-syarikat Brunei seperti Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Pada masa ini, beliau adalah pengarah BIBD At-Tamwil Berhad, BIBD Securities, BIBD Management Services, Pusat Pakar Pantai Jerudong dan Pusat Perubatan Jerudong Park. Beliau juga pernah menjadi pengarah di Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit TAP. Beliau adalah ahli Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam.



Yang Mulia Irwan bin Haji Lamit
Timbalan Pengarah Urusan & Ketua Perbankan Runcit

YM Irwan menyertai BIBD untuk mengetuai Kumpulan Perbankan Runcit dan mempunyai lebih lima belas tahun pengalaman dalam industri Kewangan, di mana, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan dan ahli Lembaga Pengarah BIBD At-Tamwil Berhad sejak 2011. BIBD At-Tamwil menjadi salah sebuah syarikat kewangan paling menguntungkan dalam negara, dan telah mencatat peningkatan keuntungan yang berterusan dan tidak terjejas dari 2006 hingga 2017 di bawah kepimpinan YM Irwan. Beliau ialah seorang Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Berkanun (ACCA). Sebelum menyertai kumpulan BIBD, YM Irwan bekerja dengan Brunei Shell Marketing Company Sdn Bhd. YM Irwan memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan Gunaan dari Universiti Oxford Brookes, UK dan baru-baru ini menerima EMBA dari Universiti Oxford, UK.



Yang Mulia Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan
Pemangku Ketua Pegawai Operasi

YM Haji Minorhadi mempunyai pengalaman perbankan komersial selama tiga puluh tahun dengan BIBD dan Kumpulan HSBC melalui peranan kepimpinan dalam perniagaan perbankan Runcit, Korporat dan Institusi. Kerjaya beliau juga termasuk menyampaikan pembiayaan projek utama dan menerajui penubuhan dan pembangunan pelbagai fungsi termasuk Pemasaran Runcit, pengurusan Aset & Dana dan disiplin Perbankan Pelaburan yang merangkumi pembangunan modal insan masing-masing. Beliau berjaya mengetuai usaha akreditasi Sistem Pengurusan Kualiti BIBD ISO 9001:2015. Beliau adalah pengerusi pengasas Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (BCMA) dan dilantik sebagai anggota ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam (UBD), sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit UBD.

YM Haji Minorhadi memperoleh Kelayakan Kewangan Islam (IFQ) dari *Chartered Institute for Securities and Investments* (CISI) UK dan merupakan Rakan Sekutu Institut. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS), Malaysia dan telah menjalani kursus Asas dalam Pemikiran Reka Bentuk dengan IDEOU US. Beliau memperolehi MBA dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Diploma Nasional Tinggi BTEC (HND) dalam Perniagaan dan Kewangan dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Sijil Perancangan Kewangan Islam.



Yang Mulia Tan Pheng Leong
Ketua Pegawai Kewangan

YM Pheng Leong memegang lebih daripada 20 tahun pengalaman bekerja dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan juruaudit di pelbagai institusi kewangan. Beliau menyertai BIBD sebagai CFO pada tahun 2017, mengetuai Bahagian Kewangan dan bertanggungjawab untuk urusan kewangan kumpulan. Sebelum menyertai BIBD, YM Pheng Leong bekerja untuk firma audit antarabangsa di Singapura, United Kingdom, Taiwan dan Brunei dan merupakan rakan kongsi di Brunei dan Singapura yang menjaga pelanggan dalam pelbagai industri dari perbankan, insurans, pengurusan dana, minyak dan gas dan telekomunikasi. Beliau menasihati pelanggan dalam penukaran Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan diaudit penyata kewangan beberapa bank dan syarikat insurans di bawah IFRS. YM Pheng Leong mempunyai penghargaan yang kuat terhadap amalan kerja global, penukaran IFRS dan IFRS, yang telah bekerja dengan BIBD di pejabat Brunei dan di pelbagai negara. YM Pheng Leong memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Teknologi Nanyang dan merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Bertauliah Singapura, Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales serta Akauntan Awam Bertauliah Negara Brunei Darussalam Institut Akauntan Awam Bertauliah. Beliau juga merupakan Penganalisis Kewangan Bertauliah Institut CFA.



Yang Mulia Effendy Othman
Kaunsel Am & Setiausaha Syarikat

Sebelum menyertai BIBD, YM Effendy berkecimpung dalam bidang undang-undang swasta di Kuala Lumpur selama 24 tahun, yang mana 10 tahun adalah rakan kongsi kanan dengan firma undang-undang serantau terbesar di Malaysia dengan kehadiran di seluruh negara Asean. Pelanggan YM Effendy terdiri daripada institusi kewangan tempatan dan antarabangsa, multinasional, awam dan syarikat awam yang tersenarai. YM Effendy adalah setiausaha syarikat bertauliah dengan Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia.

Beliau juga merupakan pengarang bersama beberapa penerbitan termasuk *Malaysian Company Law: Principles and Practice* (Edisi ke-3 2021 - Wolters Kluwer), pengarang *Malaysian chapter on Asian Conflict of Laws - East and Southeast Asia* (2017 - Wolters Kluwer), dan penyumbang *Malaysia for the Global Perspectives on the Hague principles chapter of the Choice of Law in International Commercial Contracts* (2021 - Oxford University Press).

YM Effendy lulus dengan kepujian kelas Pertama dalam bidang undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Dia juga memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dari University of Cambridge dan London School of Economics and Political Science.



Yang Mulia Edmundo Horacio Uribe Bobadilla
Ketua Pegawai Risiko

YM Edmundo mempunyai tiga puluh tahun pengalaman dalam perbankan, dua puluh empat tahun dalam Pengurusan Risiko dan enam dalam Perbankan Korporat dan Pelaburan. Beliau telah bekerja selama dua puluh dua tahun di Bank of America, Chase Manhattan Bank dan baru- baru ini untuk Citibank. Dalam lapan tahun kebelakangan, beliau telah bekerja di Timur Tengah, pada dasarnya dalam perbankan Islam untuk Bank Aljazira di Arab Saudi, Al Khaliji Perancis di Qatar dan Emirates Islamic di Dubai. Di mana, beliau telah dijemput untuk menaik taraf fungsi Risiko dan melaksanakan amalan terbaik antarabangsa, termasuk pelbagai latihan berkaitan Risiko merentasi pelbagai bidang. Dalam tugas beliau sebelumnya, sebagai Ketua Kredit dan Risiko di Emirates Islamic, beliau telah mengubah sepenuhnya struktur Risiko, termasuk proses, sistem dan orang yang berkaitan. YM Edmundo memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universidad Iberoamericana dan Sarjana Kewangan dari University of Exeter.



Yang Mulia Habibah Haji Harry
Ketua Pegawai Sumber Manusia

YM Habibah membawa bersama beliau pengalaman yang mendalam daripada pelbagai fungsi sumber manusia korporat yang diperolehnya ketika bertugas dengan Brunei Shell Petroleum (BSP) yang menjangkau lebih tujuh belas tahun, di mana beliau kali terakhir memegang peranan Ketua Jabatan Keberkesanan Organisasi. Pengalaman beliau termasuk tiga tahun bertugas di Malaysia sebagai Penasihat HR Serantau untuk Asia Pasifik dan Timur Tengah untuk Shell IT International Sdn Bhd. Habibah mempunyai pengetahuan dan kemahiran meluas dalam pengurusan isu organisasi, membina kumpulan kakitangan efektif dan produktif, menggabungkan nilai strategik HR dan sumbangan dalam membuat keputusan perniagaan dan panduan dasar, serta memperkenalkan perubahan strategik kepada dasar dan amalan HR. YM Habibah memegang ijazah BA (Kepujian) dalam Kajian Pengurusan dari Universiti Brunei Darussalam pada 1990.



Yang Mulia Adi Shamsul Haji Sabli
Ketua Pegawai Maklumat

YM Adi Shamsul mempunyai dua puluh tiga tahun pengalaman kerja dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal IT yang kukuh. Beliau ialah pemimpin IT yang ulung dengan pengalaman yang luas di dalam dan luar negara. Beliau mempunyai rekod yang kukuh dalam membina perniagaan yang positif dan perkongsian stakeholder, memaju dan melaksana strategi utama IT, memimpin projek-projek besar serta melaksana penyelesaian inovatif serta mempertingkat proses perniagaan. Selepas memegang peranan sebagai Ketua Pengurusan Maklumat dalam Brunei LNG pada 2010, beliau dipinjam untuk perkhidmatan kerajaan, menyandang jawatan kanan di pejabat Perdana Menteri selama tujuh tahun. Pada tahun 2017, beliau kembali ke Brunei Shell dan dilantik sebagai Ketua Pengurusan Data Teknikal.



Yang Mulia Hajah Nurul Akmar Haji Mohd Jaafar
Ketua Pegawai Pemasaran

YM Hajah Nurul Akmar telah berkhidmat dengan BIBD selama lebih daripada dua puluh lima tahun dengan kepakaran dalam bidang kewangan, pelaburan dan perbankan runcit. Beliau terlibat dalam usaha transformasi strategik BIBD melalui penjenamaan semula, inovasi produk, kecemerlangan perkhidmatan pelanggan, dan mengukuhkan ekuiti jenama, dan meningkatkan pemerolehan pelanggan.

Beliau mempelopori pembangunan program CSR BIBD sejak tahun 2008 yang menekankan nilai-nilai 'Berjiwa Brunei', dengan inisiatif utama termasuk BIBD ALAF. Kini beliau ditugaskan sebagai Ketua Pegawai Pemasaran untuk menerajui peranan pemasaran strategik bagi Kumpulan syarikat dan meningkatkan lagi ekuiti dan kedudukan jenama BIBD, supaya setanding dengan yang terbaik dalam industri serantau dan global. Baru-baru ini beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan Transformasi Mampan organisasi, yang telah menubuhkan Rangka Kerja Kemampanan Bank dan pelan hala tuju kumpulan syarikat semasa Sidang Kemuncak Pelaburan Perniagaan ASEAN.

YM Hajah Nurul memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera Kepujian dalam Perakaunan dan Kewangan dari United Kingdom dan merupakan Islamic Bank of Brunei Scholar sebelum menyertai BIBD pada tahun 1995.



Yang Mulia Koh Swam Sing
Ketua Perbankan Korporat

YM Swam Sing mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang Perbankan Korporat, Operasi dan Risiko Kredit. Kerjaya beliau bermula dengan The Island Development Bank Bhd pada tahun 1983, di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan di operasi cawangan, pentadbiran dan pengurusan kredit. Sebagai salah seorang perintis BIBD, beliau memainkan peranan penting dalam transformasi Bank ke perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam, dan berperanan dalam memperkenalkan beberapa kemudahan teras Bank. Beliau kini adalah Ketua Bahagian Perbankan Korporat, yang bertanggung-jawab untuk membina potfolio Perbankan Korporat, dan menyokong perniagaan tempatan bagi dapat menyumbang ke arah pertumbuhan infrastruktur Brunei Darussalam.



Yang Mulia Hazimah Izzati binti Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
Pemangku Ketua Perbendaharaan dan Pasaran Global

YM Hazimah baru-baru ini dilantik sebagai Pemangku Ketua Bahagian Perbendaharaan & Pasaran Global pada April 2021. Dengan pengalaman lebih daripada sepuluh tahun, Hazimah memegang beberapa peranan seperti Peniaga Pasaran Wang, Ketua Peniaga, Ketua Pertukaran Asing dan Pasaran Wang dan Timbalan Ketua TGM sebelum peranannya sekarang. Tanggungjawab utamanya termasuk kawalan dan pengurusan modal dan kecairan Bank, dengan saiz aset kira-kira US$3 bilion. Hazimah memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Ekonomi dan Sosial (Kewangan) dari University of Manchester. Beliau juga seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah.



Yang Mulia Haji Muhd Yazid Dato Paduka Haji Mahadi
Pengarah Urusan BIBD Securities Sendirian Berhad (BIBDS)

YM Haji Muhd Yazid menyertai BIBD pada tahun 2017, mempelopori strategi pengurusan aset kumpulan. Tanggungjawab utama beliau termasuk memajukan strategi perniagaan berhubung dengan pengurusan aset sebagai sebahagian daripada dasar strategik utama kumpulan dan beliau juga menyelia semua aktiviti BIBD Securities Sendirian Berhad. Sebelum menyertai BIBD, beliau bekerja di Divisyen Pelaburan, Kementerian Kewangan di mana beliau memimpin strategi ekuiti dan hasil pulangan mutlak untuk Dana Pesaraan dan Dana Rizab Penstabilan Fiskal. YM Haji Muhd Yazid lulus dengan cemerlang dalam Sarjana Falsafah (MPhil) dalam Ekonomi dari Universiti Cambridge. Sebelum itu, beliau memperoleh ijazah kelas pertama dengan kepujian dalam ijazah Sarjana Muda Sains (BSc Hons) dalam Ekonomi dari Universiti Manchester, di mana beliau juga dianugerah Anugerah Sekolah Manchester. Beliau menyumbang kertas penyelidikan bertajuk "The Dutch Disease Hypothesis: Evidence from the Gulf Cooperation Council" dalam Jurnal Strategi dan Dasar CSPS, 2011. YM Haji Muhd Yazid juga seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah.



Yang Mulia Haji Mohd Said Haji Zania
Pengarah Urusan BIBD At-Tamwil Berhad

YM Haji Mohd Said mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam industri perbankan dan kewangan Brunei. Beliau menyertai BIBD At-Tamwil Berhad pada tahun 2000 dan tokoh yang sering berperanan penting dalam kejayaan berterusan BIBD At-Tamwil Berhad. Dalam peranan sebelumnya sebagai Ketua Operasi, beliau menunjukkan kualiti kepimpinan mantap dan keupayaan untuk menguruskan hal ehwal strategik dan operasi yang membawa kepada penambahbaikan signifikan dalam operasi BIBD At-Tamwil Berhad.



Yang Mulia Chua Peng Sim
Ketua Audit Dalaman

YM Peng Sim mempunyai pengalaman meluas dan rekod pencapaian yang kukuh dalam industri minyak dan gas dan telah bekerja di dalam dan luar negara. Pengalaman beliau termasuk sebagai Ketua Audit Dalaman selama enam tahun untuk Brunei Shell Joint Venture Companies. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan merupakan seorang akauntan berkelulusan profesional dari Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales.



Yang Mulia Hajah Hanifah Haji Jenan
Ketua Syariah

YM Hajah Hanifah adalah Ketua Syariah BIBD yang mempunyai lebih dari sepuluh tahun pengalaman yang luas meliputi Perbankan Cawangan, Jabatan Pemuliharaan dan Penasihat Perundangan sebelum mengetuai Jabatan Syariah pada masa ini. Beliau juga berpengalaman di bidang Takaful apabila beliau diperbantukan ke Takaful BIBD di mana beliau mengendalikan perkara perundangan dan tuntutan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Universiti Malaya, Malaysia dan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga adalah Perancang Kewangan Islam bertauliah dari Al-Hijrah Consultancy dan pemegang Sijil Program Profesional Fiqh Muamalat (FMPP) dari CIBFM Brunei.



Yang Mulia Susanna Maria Goh Ghim Hong
Ketua Pematuhan

YM Susanna mempunyai pengalaman lebih tiga belas tahun dalam industri perbankan khususnya lebih tujuh tahun dalam bidang perundangan dan pematuhan, setelah menjadi Ketua Pematuhan untuk HSBC Brunei. Sebelum ini, beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah untuk HSBC Finance (Brunei) Berhad. Beliau menyertai BIBD sebagai Ketua pematuhan pada Julai 2018 dan mengendali Divisyen Pematuhan untuk BIBD dan menyelia penglibatan bersama pengawal selia perbankan dan semua aspek pematuhan jenayah kewangan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang LLB dari Universiti Nottingham dan seorang Barrister-at-Law yang berkelayakan.



Yang Mulia Haji Mohd Yusri Haji Wahsalfelah
Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek-Projek Khas

YM Haji Mohammad Yusri memulakan kerjaya beliau pada sebagai seorang ahli ekonomi di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab dalam mengawasi perumusan dasar dan perancangan ekonomi dalam bidang Penswastaan, Public Private Partnership (PPP), Dasar Persaingan, Amalan Perdagangan Adil, dan Perlindungan Pengguna. Beliau menyertai BIBD sebagai Pengurus Perhubungan Kanan pada tahun 2012, menyelia hubungan keseluruhan Bank dengan Kementerian Kewangan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), serta pihak berkepentingan strategik yang lain di dalam Kerajaan dan agensi korporat. Pada masa ini, YM Haji Mohammad Yusri mengetuai Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, tumpuan utama bank untuk penyelarasan dengan pihak-pihak berkepentingan utama dalam sektor kerajaan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Leicester, United Kingdom, dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dan Perancangan Kewangan, dari Curtin University of Technology, Australia Barat.



Yang Mulia Lyndsay Spray
Timbalan Pegawai Operasi

Lyndsay Spray menyertai BIBD pada Julai 2020 dan mempunyai 30 tahun pengalaman dalam industri perbankan, dengan BIBD dan Kumpulan HSBC. Pengalaman profesional beliau terdiri daripada pemasaran, sumber manusia dan latihan dan perbankan runcit, dengan kepakaran beliau adalah operasi. Beliau berkhidmat selama 28 tahun dengan HSBC Brunei, di mana beliau juga diperbantukan ke Singapura, Vietnam dan New Zealand. Selepas peranannya sebagai Ketua Perbankan Runcit dan Ketua Pegawai Operasi HSBC Brunei dan sebelum menyertai BIBD, beliau adalah Ketua Pegawai Operasi di HSBC New Zealand. Dalam peranannya sekarang, Lyndsay menyelia operasi rangkaian cawangan, serta jabatan operasi dan perkhidmatan pelanggan dan memberi sokongan kepada Jabatan lain di bawah kepimpinan Ketua Pegawai Operasi BIBD.

Lyndsay memegang BSc dalam Perkhidmatan Kewangan dari United Kingdom dan Ahli Bersekutu *Chartered Institute of Bankers*, UK.

BAB 02

Tadbir Urus Korporat

2.1 Laporan Tadbir Urus Korporat (Bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir Pada 31 Disember 2021) 46

2.2 Badan Penasihat Syariah 82

2.1 Laporan Tadbir Urus Korporat (Bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir Pada 31 Disember 2021)

Berdasarkan Garis Panduan Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam

Pengenalan

Rangka kerja tadbir urus korporat Kumpulan yang kuat adalah penting untuk memastikan pertumbuhan Kumpulan BIBD tercapai secara beretika dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai.

Pada tahun 2021, satu tumpuan Lembaga Pengarah BIBD ("**Lembaga**") dari segi tadbir urus korporat ialah untuk mempertingkat dan mengukuhkan penjajaran antara BIBD dan anak-anak syarikatnya ("**Kumpulan BIBD**") seperti yang telah dibayangkan oleh Prinsip 6 dari Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Bank Islam ("**Garis Panduan**") yang dikeluarkan oleh Brunei Darussalam Central Bank ("**BDCB**"). Pada pandangan Lembaga, bertugas dan bekerjasama sebagai kumpulan bagi menegakkan tahap tadbir urus tertinggi serta mengiktiraf ciri-ciri tersendiri setiap anak syarikat dalam Kumpulan BIBD adalah penting untuk memastikan pertumbuhan Kumpulan BIBD dicapai secara beretika dan mematuhi undang-undang. Berdasarkan objektif di atas, Lembaga Pengarah telah meluluskan Garis Panduan Laporan dan Penjajaran Fungsi Kawalan untuk Kumpulan BIBD ("**CFRA**") bagi tujuan merasmikan:

- Tanggungjawab tadbir urus kumpulan kepada fungsi kawalan BIBD sebagai bank induk.
- Kewajipan anak-anak syarikat BIBD untuk membuat laporan dan perundingan kepada fungsi kawalan.
- Memusatkan senarai dasar, rangka kerja, garis panduan, terma rujukan dan dokumen lain yang berkaitan dengan tadbir urus fungsi kawalan BIBD yang akan diterima pakai oleh anak syarikat masing-masing.

CFRA akan secara berkesan memudahkan pematuhan seluruh Kumpulan terhadap prinsip tadbir urus korporat dan amalan terbaik, serta pemantauan dan penyeliaan BIBD sebagai bank induk selaras dengan aspirasi BDCB di bawah Prinsip 6 dari Garis Panduan.

INDEKS

2.1.1 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO OLEH KETUA PEGAWAI RISIKO

2.1.2 PENDEDAHAN MENGENAI PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN OPERASI DAN KEWANGAN

I. Perkara-Perkara Signifikan yang mempengaruhi Operasi Masa Hadapan

II. Jangkaan Perkembangan bagi Operasi Masa Depan

2.1.3 PRINSIP-PRINSIP TADBIR URUS KORPORAT

Principle 1 Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah - fungsi dan tanggungjawab

Principle 2 Komposisi Lembaga dan kedudukan Pengarah Bebas

Principle 3 Pembahagian Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO")

Principle 4 Kriteria untuk pengenalan, penilaian dan pelantikan Pengarah-Pengarah

Principle 5 Struktur tadbir urus dan penilaian bagi keberkesanan Lembaga Pengarah

Principle 6 Tanggungjawab Lembaga Pengarah terhadap rangka kerja tadbir urus bagi Kumpulan

Principle 7 Mesyuarat Lembaga dan kehadiran ahli Lembaga Pengarah

Principle 8 Dasar Imbuhan bagi Pengurusan Kanan dan pekerja lain

Principle 9 Tanggungjawab Lembaga Pengarah terhadap prestasi dan kedudukan risiko Bank

Principle 10 Tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk tadbir urus risiko

Principle 11 Fungsi pengurusan risiko bebas yang berkesan di dalam Bank

Principle 12 Prasarana pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bank

Principle 13	Jawatankuasa Audit Bank melalui Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko
Principle 14	Rangka Kerja Audit Dalaman Bank
Principle 15	Pengurusan risiko berdasarkan pematuhan Bank
Principle 16	Pendekatan Tadbir Urus untuk menegakkan kepentingan Pemegang Saham
Principle 17	Penglibatan Pemegang Saham
Principle 18	Langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham dalam mesyuarat agung
Principle 19	Pengurusan bagi situasi Konflik Kepentingan

2.1.1 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO OLEH KETUA PEGAWAI RISIKO

BIBD memberikan penekanan yang besar terhadap peranan pengurusan risiko untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang berterusan dan bertanggungjawab bagi Kumpulan. Untuk menyokong aspirasi BIBD, fungsi dan proses pengurusan risiko yang mantap telah dikuatkuasakan bagi penilaian, pemantauan dan pengawasan bebas dari risiko kewangan dan bukan kewangan di seluruh Kumpulan BIBD.

Pengurusan yang menyeluruh bagi semua risiko yang dihadapi oleh BIBD adalah sebahagian daripada usaha kami untuk mengekalkan kualiti yang tinggi bagi tadbir urus, risiko dan pematuhan di seluruh Kumpulan. BIBD melakukan berbagai usaha dan dikehendaki untuk mengatur, memantau dan melaporkan semua risiko secara jelas dengan pendekatan holistik.

BIBD telah menerapkan berbagai dasar Risiko yang bertujuan untuk melindungi risiko dan perniagaan yang berbeza dan disemak pada setiap tahun.

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi Pengurusan Risiko disemak dan diluluskan oleh Lembaga pada setiap tahun. Strategi Pengurusan Risiko memberikan pendekatan secara menyeluruh dalam menguruskan risiko bagi Kumpulan BIBD.

Penyata Selera Risiko

Dalam Strategi Pengurusan Risiko, Penyata Selera Risiko ("**RAS**") yang holistik ditetapkan sebagai parameter risiko utama dan diselaraskan dengan objektif pengurusan risiko keseluruhan bagi Kumpulan seperti berikut:

a) Untuk melebihi keperluan modal peraturan minimum secara konsisten
b) Untuk memastikan tahap kecairan dan pembiayaan yang mencukupi
c) Untuk menguruskan tahap risiko dalam portfolio ke tahap yang boleh diterima,
d) Untuk mengekalkan penilaian hutang luaran.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan

Kumpulan BIBD telah menerapkan pendekatan di seluruh perusahaan yang merangkumi 19 (sembilan belas) risiko teras di dalam struktur pengurusan risiko operasinya. Ini disokong oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan ("**ERMF**") sebagai pendekatan yang seragam untuk menguruskan semua risiko dalam Kumpulan. Salah satu alat utama yang digunakan dalam ERMF adalah untuk menubuhkan RAS dan Petunjuk Risiko Utama ("**KRI**") tertentu yang dipantau pada setiap bulan bagi setiap bahagian BIBD.

Struktur Tadbir Urus Risiko

Struktur tadbir urus yang kuat telah disediakan untuk memastikan bahawa ERMF dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walaupun Lembaga pada dasarnya dipertanggungjawabkan untuk aktiviti pengurusan risiko BIBD, pihaknya telah menyerahkan tanggungjawab bagi pengawasan pengurusan risiko BIBD tersebut kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarahnya; Jawatankuasa Kecil Audit dan Kewangan ("**AF**"), Jawatankuasa Kecil Risiko ("**RC**"), dan Jawatankuasa Eksekutif ("**ExCom**"). Jawatankuasa Lembaga ini dikemaskini mengenai perihal yang berkaitan dengan risiko pada setiap suku tahun atau apabila diperlukan. Badan Penasihat Syariah ("**BPS**") juga telah diwakilkan oleh Lembaga untuk memberikan pengawasan terhadap risiko Syariah. BPS bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun dan akan dikemaskini dengan sewajarnya.

ADi peringkat Pengurusan, Risiko Kumpulan dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Kredit ("**CRC**"), Jawatankuasa

Aset & Liabiliti ("**ALCO**"), dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan ("**ERM**"). Jawatankuasa pengurusan ini bermesyuarat pada setiap minggu, bulanan dan suku tahunan. Perihal khusus seperti Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("**ICAAP**") dan Pelan Pemulihan adalah disemak dalam ERM.

Model Pengurusan Risiko Kumpulan

Model Pengurusan Risiko Kumpulan menggunakan pendekatan "Tiga Barisan Pertahanan" untuk menampung sebarang risiko. Hal ini dicapai dengan menjaga proses pemantauan secara berterusan dan pelaksanaan yang tepat bagi setiap kawalan.


Tanggungjawab tersebut dibahagikan seperti berikut:

Barisan Pertahanan Pertama (Pemilik Risiko), unit Perniagaan / Sokongan.

Barisan Pertahanan Kedua (Fungsi Pemantauan dan Pengawasan), Pengurusan Risiko dan Pematuhan.

Barisan Pertahanan Ketiga (Jaminan Risiko), Audit Dalaman.

Walaupun risiko dikendalikan pada titik aktiviti pengambilan risiko, terdapat pertanggungjawaban yang jelas mengenai pemilikan risiko di seluruh BIBD seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut:



Risiko utama dalam Kumpulan adalah dikawal dan dipantau di bawah Bahagian Pengurusan Risiko ("**RMD**"), sebagai barisan pertahanan kedua yang meliputi:

- **Risiko Kredit**
- **Risiko Pasaran**
- **Risiko Operasi**
- **Risiko Kadar Keuntungan Buku Perbankan ("PRRBB")**
- **Risiko Kecairan**
- **Risiko Pembiayaan**
- **Risiko Penumpuan**
- **Risiko Negara**
- **Risiko Rentas Sempadan**
- **Risiko Reputasi**
- **Risiko Perundangan**
- **Risiko Peraturan**
- **Risiko Syariah**
- **Risiko Pematuhan**
- **Risiko Siber**
- **Risiko Teknologi**
- **Tadbir Urus Maklumat**
- **Risiko Sumber Luar**
- **Risiko Model**

RMD mengambil pendekatan untuk menganalisis semua cadangan pembiayaan dan pelaburan serta menilai proses operasi Kumpulan dan bekerjasama dengan unit perniagaan yang terlibat untuk memastikan bahawa pendedahan Kumpulan terhadap semua risiko difahami, dibincangkan dan dikendalikan secara proaktif agar kepentingan semua pihak berkepentingan dilindungi.

Risiko kewangan dianalisa dengan melakukan ujian tekanan yang berbeza dan menggunakan senario ekonomi yang berbeza dalam ICAAP dan Rancangan Pemulihan serta ujian tekanan lain setiap tahun sebagaimana yang dikehendaki oleh BDCB. Ianya juga digabungkan dengan kajian lain yang dibentangkan dalam ALCO.

BIBD menggunakan pendekatan proaktif dalam memantau pendedahan risiko bagi Kumpulan dengan memiliki Rangka Kerja Risiko Operasi yang kuat dengan menggunakan beberapa alat untuk terus memantau risiko yang timbul dari faktor Manusia, Sistem, Proses dan faktor-faktor Luaran. Tanggungjawab Risiko Operasi terletak pada semua kakitangan BIBD dan didorong oleh latihan secara berkala untuk mempertingkatkan Kesedaran Risiko dan Budaya Risiko.

Terdapat beberapa inisiatif dari BDCB yang telah diterima pakai atau dalam proses untuk diterima pakai oleh BIBD bagi menyelaraskan Sektor Perbankan Brunei dengan piawaian antarabangsa. Inisiatif ini merangkumi:

1. Garis panduan dan tadbir urus pengurusan risiko
2. Garis panduan pengurusan risiko kredit
3. Peraturan minimum bagi keperluan modal
4. Perlaksanaan Model IFRS9
5. Klasifikasi bagi kemudahan kredit yang terjejas dan aset kewangan untuk tujuan penyediaan
6. Garis panduan Risiko Pasaran
7. Garis panduan Risiko Siber dan Teknologi
8. Basel II - Pillar 3 Dokumen pendedahan awam
9. Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam
10. Perlakuan berhemah terhadap aset bermasalah dan peruntukan kerugian kredit
11. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah
12. Garis panduan Penyumberan Luar
13. ICAAP
14. Pelan Pemulihan

Langkah-Langkah Pengawalseliaan Sementara (COVID-19)

Pada bulan Mac 2020, AMBD bekerjasama dengan Persatuan Bank Brunei ("**BAB**") dalam melaksanakan program bantuan kecairan selama 1 tahun untuk menyokong pelanggan Korporat dan Runcit yang terjejas oleh pandemik COVID-19. Program bantuan tersebut bertujuan untuk memberikan penangguhan pembayaran pokok bagi industri dan sektor yang dikenal pasti sehingga April 2021; dengan tarikh akhir permohonan sehingga Disember 2020.

Menjelang April 2020, BIBD segera melaksanakan arahan tersebut dengan menambahkan program ini ke dalam dasar kredit BIBD. Menjelang Disember 2021, program ini telah dilanjutkan beberapa kali oleh BDCB seperti berikut: Sambungan pertama dilaksanakan dari April hingga September 2021 dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Semua sambungan program ini telah diluluskan oleh BDCB dan arahan dikemas kini dengan sewajarnya dalam dasar BIBD.

Risiko Kredit Standard & Poor

Sebagai bukti pendekatan berhemah BIBD terhadap pengurusan risiko, Bank telah disahkan semula dengan pengiktirafan A- (Stabil) oleh salah satu daripada tiga agensi penarafan kredit antarabangsa yang terbesar, Standard & Poor's (S&P Global).

Pengurusan Risiko Bahan

Penekanan budaya pengurusan risiko yang kuat adalah asas mekanisme kawalan bagi Kumpulan. Ini melibatkan proses pengenalan, penilaian, pengendalian, pemantauan dan pelaporan risiko bahan yang sedang berjalan yang mempengaruhi prestasi objektif strategik Kumpulan seperti berikut:

1. Risiko-risiko Kredit dan Penumpuan

Rangka kerja risiko kredit yang kuat adalah merangkumi garis panduan pembiayaan yang bijak untuk mengurangi kegagalan kredit dan kerugian sambil mengekalkan portfolio kredit dalam Strategi Pengurusan Risiko Kumpulan. Bank telah menyediakan beberapa sistem untuk mengawal dan memantau semua risiko dalam spektrum pengurusan risiko.

Faktor penumpuan setiap industri, had, obligor dan produk adalah aspek penting dalam portfolio Kumpulan dan terus dipantau. Dalam spektrum Bukan Runcit, portfolio industri Kumpulan tetap stabil dengan tumpuan tertinggi dalam industri minyak dan gas sejak berkurun lalu kerana pentingnya pendapatan minyak dan gas dalam negara kepada Ekonomi Brunei. Dalam spektrum Runcit, tiada tumpuan yang disebabkan oleh garis panduan kawal selia (*Capital Adequacy Framework* 13 Februari 2019) yang mana setiap peminjam runcit tidak dapat mewakili lebih dari 0.2% dari portfolio runcit.

Portfolio Bukan Runcit

Di ruang bukan runcit, Bank menerapkan sistem penilaian risiko dalaman oleh S&P Global bagi membantu Lembaga dan Pihak Pengurusan untuk membezakan tahap risiko di seluruh pembiayaan dan pelaburan untuk memudahkan proses membuat keputusan.

Proses analisis adalah melalui analisa asas dengan mengkaji maklumat kualitatif dan kuantitatif. Pembiayaan yang bertempoh lebih dari setahun memerlukan analisa tambahan untuk unjuran dan andaian tertentu. Cagaran pembiayaan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan kredit selalu berdasarkan kepada penjanaan aliran tunai sebagai sumber pembayaran utama yang digabungkan dengan penstrukturan kemudahan yang betul. Semua kemudahan mempunyai had tertentu bagi setiap jenis risiko (Risiko yang dibiayai, Tidak Dibiayai dan Prapenyelesaian).

Terdapat skop pemantauan umum, termasuk dua proses:

- Akaun Senarai Pantau
  Ini merangkumi semua akaun yang melebihi Tempoh Masa 1 Hari ("**DPD**") serta pergerakan di dalam DPD (1-30, 31-60, 61-90 dan di atas 90 hari).
- Akaun yang dipantau secara dekat
  Ini hanya merangkumi akaun semasa yang mempunyai isu kecil yang boleh menjadi amaran jika tidak dijaga dengan baik.

Untuk akaun di atas 30 DPD tetapi di bawah 90 DPD, Exposure at Default ("**EAD**") hendaklah dipindahkan ke Tahap 2 (IFRS9) dan apabila mencapai 90 DPD, hendaklah didefinisikan sebagai terjejas dan EAD dipindahkan ke Tahap 3 bersamaan dengan Expected Credit Losses ("**ECL**") atau penurunan.

Di dalam Kumpulan Perbankan Korporat, Jabatan Aset Khas ("**SAD**") bertanggungjawab untuk membuat susulan dan menilai arah aliran secara berterusan untuk semua akaun yang mempunyai DPD di atas 30 hari bagi usaha penyelesaian. Pengurusan Risiko bekerjasama dengan SAD secara aktif untuk menangani semua usaha yang berkaitan serta tahap penurunan nilai yang betul.

Portfolio Runcit

Di ruang niaga runcit, Bank mempunyai pendekatan portfolio dalam menilai setiap jenis produk dengan menggunakan model risiko dalaman melalui scorecard yang berbeza dan kadangkala memerlukan analisa asas kredit untuk penilaian akhir dan persetujuan yang berkaitan. Semua kemudahan mempunyai had tertentu bagi setiap jenis risiko (Risiko yang dibiayai, Tidak Dibiayai dan Pra-penyelesaian).

Terdapat tindakan susulan yang berterusan terhadap arah aliran / tingkah laku pasaran dan analisis portfolio bagi setiap jenis produk seperti prestasi buku pada bulan dan analisis pergerakan DPD.

Di dalam portfolio runcit, terdapat pembiayaan yang dijamin yang mana cagaran tersebut merangkumi sepenuhnya jumlah pembiayaan dan penambahan penyerahan gaji. Untuk pembiayaan tanpa jaminan, tidak ada jaminan yang diberikan. Walau bagaimanapun, kebanyakan peminjam mempunyai penyerahan gaji.

Kutipan dan Pemulihan

Jabatan Kutipan dan Pemulihan di bawah Ketua Pegawai Operasi bertanggungjawab untuk mengesan semua DPD dan arah aliran untuk menilai strategi yang tepat untuk setiap jenis produk. Bahagian Pengurusan Risiko

bekerjasama dengan jabatan ini untuk memahami corak tingkah laku yang boleh digunakan untuk penambahbaikan lebih lanjut terhadap dasar yang sedia ada.

Jangkaan Kerugian Kredit

BIBD telah merumuskan proses IFRS9 yang membolehkannya untuk mengira Jangkaan Kerugian Kredit atau penurunan kredit. Proses ini memberikan jangkaan kerugian kredit yang dijangka baik untuk 12 bulan *Probability of Default* ("**PD**") atau PD Sepanjang Hayat berdasarkan data bersejarah statistik berkenaan dengan pelbagai portfolio PD BIBD, *Loss Given Defaults* ("**LGD**") dan tindanan Makroekonomi dan E*xposure at Default* ("**EAD**").

2. Risiko Syariah dan Operasi

Kejadian Risiko Operasi yang berpunca dari Faktor Manusia, Sistem, Proses dan Luaran boleh menyebabkan kerugian bagi Kumpulan. Faktor-faktor ini sentiasa dipantau dan dilaporkan.

Sebagai langkah proaktif yang berterusan untuk mencatat semua peristiwa berkaitan risiko operasi dengan lebih baik, Kumpulan telah memberikan penekanan yang kuat untuk memberikan latihan berkala kepada semua kakitangan. Kumpulan telah mempertanggungjawabkan kakitangan di semua Bahagian untuk bertindak sebagai Koordinator Risiko ("**RC**") untuk menangani sebarang masalah risiko operasi, termasuk Risiko Syariah.

RMD juga telah melaksanakan beberapa alat dan proses untuk memberikan pandangan holistik di seluruh Kumpulan. Sebarang Laporan Peristiwa Risiko dikaji dengan teliti menggunakan metodologi Root Cause bersama dengan faktor penyebab masing-masing untuk mengenal pasti penyelesaian yang tepat dalam jangka masa yang wajar. Alat utama lain yang digunakan untuk masalah risiko operasi adalah penjejakan bulanan RAS dan KRI yang dilaksanakan oleh setiap unit seperti yang dipersetujui dengan RMD.

3. Risiko Pasaran, PRRBB, Pembiayaan, Kecairan, Negara dan Rentas Sempadan

Sebagai sebahagian daripada pemantauan dan pelaporan pendedahan pasaran BIBD secara berkala untuk memastikan pendedahan ini berada dalam had selera risiko yang diluluskan, pasukan Pengurusan Risiko terus mengikuti perkembangan pasaran di serantau dunia yang mungkin mempengaruhi portfolio rentas sempadan BIBD dan garis panduan risiko khusus. BIBD mengekalkan aset cair berkualiti tinggi dan sumber pendanaan yang pelbagai dan berfungsi sebagai penyangga kecairan.

Aspek lain dari risiko pasaran adalah pergerakan kadar faedah / keuntungan yang mempengaruhi prestasi buku perbankan dan kesannya terhadap pendapatan dan modal. Analisis ini disampaikan kepada ALCO oleh RMD pada setiap bulan.

BIBD menggunakan beberapa proses dan teknik analisis untuk menguruskan risiko yang relevan dan menyokong keperluan perniagaan:

a) Proses Had Rakan Niaga menggunakan teknik kualitatif dan kuantitatif,
b) Had Negara menggunakan analisis asas ekonomi, politik dan sosial,
c) Cross Border Risk analysis covering the Analisis Risiko Merentas Sempadan merangkumi risiko Nasionalisasi, Pengambilalihan, Kebolehtukaran dan Kebolehpindahan (NECT).

BIBD juga menggunakan penilaian risiko Country Sovereign International, dari S&P Global, Moody's dan Fitch untuk memastikan penyelarasan lebih lanjut dengan amalan antarabangsa.

4. Risiko Undang-Undang, Peraturan, Pematuhan dan Reputasi

Kumpulan BIBD telah mengutamakan kepatuhan terhadap garis panduan tadbir urus antarabangsa dan tempatan dan sangat memahami akan pelaksanaan yang tepat dan proaktif untuk mengurangkan atau menghindari semua risiko yang berkaitan dengan undang-undang, peraturan, kepatuhan, dan dampak buruk terhadap reputasi BIBD.

5. Risiko Siber dan Teknologi

Pengujian berkala, peningkatan dan kajian untuk semua sistem IT (perkakas dan perisian), serta infrastruktur siber BIBD, dilakukan untuk mengelakkan gangguan dalaman dan luaran yang mungkin mempengaruhi kemampuan umum Kumpulan untuk beroperasi. Ini memastikan pelanggan mendapat keuntungan daripada pelaburan teknologi berterusan dalam Kumpulan. Pendekatan ini memungkinkan untuk memperkukuhkan keupayaan pengurusan risiko Teknologi dan Siber BIBD secara keseluruhan dengan melaksanakan amalan terbaik. Sebagai sebahagian daripada skop ini, rangka kerja risiko Teknologi dan Siber dinilai dan dikaji secara berkala agar BIBD terus mengembangkan budaya pengurusan risiko yang dapat diramalkan.

6. Risiko Tadbir Urus Maklumat dan Penyumberan Luar

Lembaga dan Pihak Pengurusan BIBD telah memberikan penekanan yang besar untuk memastikan pengurangan dan pengelakan risiko yang berkaitan dengan kualiti data, pengurusan rekod dan privasi data pelanggan. Kumpulan BIBD telah melaksanakan proses pemantauan penyumberan luar untuk memastikan bahawa perkhidmatan dan data yang diterima oleh sumber luaran dapat dipercayai dan penyedia mempunyai rekod prestasi yang baik dan terbukti.

7. Risiko Model

Risiko berkaitan dengan kerugian akibat penggunaan model, data, tinjauan model dan pengemaskinian perkhidmatan yang tidak sesuai. Kumpulan BIBD sedang membangun inventori modelnya untuk memiliki catatan komprehensif dari berbagai model untuk memungkinkan pengawalan, penyelenggaraan dan pengesanan model yang berlainan ini.

Dengan adanya model rangka kerja risiko ini, BIBD akan sentiasa bersiap sedia untuk bertindak terhadap perubahan pasaran dan selaras dengan pengawal selia dan amalan antarabangsa.

Faktor-Faktor Risiko yang Dapat Diramal

Cabaran yang dibawa oleh gelombang kedua COVID-19 pada bulan Ogos 2021 adalah perkara yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang membawa kepada satu kejutan yang kuat di Brunei serta memberi kesan ringan dalam ekonomi dunia. Beberapa langkah diambil oleh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia untuk menangani pengurangan kegiatan ekonomi dalam negara dan antarabangsa.

Ketika mana penyebaran COVID-19 berterusan pada tahun 2021, ekonomi global telah perlahan-lahan kembali produktif, walaupun kesan pandemik masih ada.

Adalah dijangkakan bahawa perbelanjaan pengguna yang didorong oleh rangsangan monetari yang diberikan oleh beberapa kerajaan akan meningkat. Terdapat juga kemungkinan inflasi meningkat di atas jangkaan yang mengakibatkan kenaikan kadar faedah jangka panjang yang mana akan mempengaruhi harga beberapa jenis aset kewangan yang akan mempengaruhi institusi-institusi kewangan.

Dalam Negara (Brunei)

- Keterhadan bagi pertumbuhan permintaan agregat di semua ekonomi.
- Keterhadan bagi projek besar kerajaan dalam tahun 2022.
- Masih kebergantungan kepada minyak & gas, yang menyumbang 38.1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Brunei (3Q21 - MOFE).
- Beberapa industri terjejas oleh sekatan perjalanan semasa COVID-19 yang dijangkakan berterusan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.
- Bagi tahun 2022, perbelanjaan dalam negara akan meningkat disebabkan oleh pembendungan pandemik di Brunei yang mana telah mengakibatkan pengurangan langkah-langkah kawalan secara beransur-ansur, sejak November 2021.

Antarabangsa

- Dijangkakan bahawa ekonomi di seluruh dunia akan menjadi aktif semula secara besar bagi tahun 2022, walau bagaimanapun, situasi dan pembolehubah lazim masih wujud di semua blok ekonomi, seperti:
  - Inflasi yang meningkat.
  - Kadar faedah yang meningkat.
  - Ketidaktentuan yang tinggi dalam pasaran saham, bon dan kadar pertukaran.
  - Rantaian bekalan yang masih terganggu.
  - Harga tenaga yang meningkat.
- Program Vaksinasi telah dilaksanakan dalam G20.
- Ketidakpastian pada varian Covid baharu dan kadar penularan bagi tahun 2022.

2.1.2 PENDEDAHAN MENGENAI PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN OPERASI DAN **KEWANGAN**

Peruntukan Undangundang / Peraturan	Keperluan Pendedahan	Respon Pendedahan
Reg 18(3)(d) SMR, 2015	Penzahiran butiran bagi sebarang perkara atau keadaan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan sama ada yang telah menjejaskan atau mungkin boleh menjejaskan secara signifikan: *(i)* operasi entiti pelaporan pada tahun tahun kewangan akan datang; *(ii)* keputusan operasi tersebut pada tahun-tahun kewangan akan datang; atau *(iii)* keadaan hal ehwal entiti pelaporan pada tahun-tahun kewangan akan datang.	• Tidak ada peristiwa penting berikutnya, antara tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2021 dan tarikh laporan kewangan 26 Mac 2022, yang memberi kesan kepada: *(i)* operasi entiti pelapor pada tahun kewangan akan datang; *(ii)* hasil operasi tersebut pada tahun kewangan akan datang; *(iii)* keadaan entiti pelapor dalam tahun kewangan akan datang. • Oleh itu, tidak ada penzahiran seperti itu dibuat dalam penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2021.
Reg 18(3)(e) SMR, 2015	Penzahiran mengenai kemungkinan bagi perkembangan operasi entiti pelapor pada tahuntahun kewangan akan datang dan hasil jangkaan dari operasi tersebut.	• Bank pada dasarnya terlibat dalam penyediaan perniagaan perbankan Islam sesuai dengan prinsip Syarak seperti yang dibenarkan di bawah Perintah Perbankan Islam 2008. • Anak-anak syarikat (bersama dengan Bank disebut sebagai Kumpulan BIBD) adalah pada dasarnya menyediakan sewa beli secara Islam, pembrokeran saham, pengurusan aset dan dana, penyewaan dan perkhidmatan pengurusan. • Tiada sebarang perubahan yang signifikan dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada berakhir 31 Disember 2021. • Kumpulan BIBD berharap dapat meneruskan kegiatan utama yang serupa dengan hasil operasi yang menggambarkan kegiatan ini dalam tahun kewangan yang akan datang. • Hasil operasi bagi kegiatan ini adalah tertakluk kepada risiko yang berikut iaitu risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko operasi daripada instrumen kewangan dan diterapkan ke dalam proses dan pengawalan bagi pengurusan risiko kewangan seperti yang dinyatakan dalam nota 36 pada Penyata Kewangan yang diaudit untuk tahun yang berakhir pada 31 Disember 2021.

2.1.3 PRINSIP TADBIR URUS KORPORAT

PRINSIP 1

Setiap Bank hendaklah diketuai oleh Lembaga yang berkesan untuk memimpin dan mengawal Bank. Lembaga mempunyai tanggungjawab tunggak untuk strategi perniagaan Bank dan kekukuhan kewangan dan secara kolektif bertanggungjawab untuk kejayaan jangka panjang Bank. Ini termasuk meluluskan dan mengawasi pelaksanaan pengurusan objektif strategik, rangka kerja tadbir urus dan budaya korporat bagi Bank. Lembaga bekerjasama dengan Pengurusan Kanan untuk mencapai objektif ini dan Pengurusan Kanan adalah bertanggungjawab kepada Lembaga.

Peranan utama bagi Lembaga Pengarah ("**Lembaga**") BIBD adalah untuk menentukan strategi, objektif dan dasar BIBD untuk memberikan nilai mampan kepada pemegang sahamnya. Lembaga memberikan bimbingan dan kepimpinan yang diperlukan oleh Pihak Pengurusan untuk Kumpulan BIBD.

Untuk memastikan bahawa tanggungjawab Lembaga kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain (kakitangan, pelanggan, pengawal selia, dan lain-lain) adalah paling utama, aspirasi dan nilai berikut diterapkan di seluruh Kumpulan BIBD:

Visi BIBD

Berkhidmat untuk Brunei sebagai institusi kewangannya yang terulung dengan menyediakan penyelesaian secara Islam melalui penyatuan bertanggung jawab Nilai, Ekonomi Sebenar dan Kewangan Islam.

Misi BIBD

Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik. Oleh itu, BIBD didorong oleh strategi ABCDEF: -

A - Aligned (Selaras)
B - Bank of Choice (Bank Pilihan)
C - Customer Trust (Kepercayaan Pelanggan)
D - Digital (Pendigitalan)
E - Employees (Kakitangan)
F - Focus and Finish (Fokus dan Penyelesaian)

Nilai I-CUE

Integriti
Fokus kepada Pelanggan
Perpaduan Tujuan
Kecemerlangan

Tugas dan tanggungjawab Lembaga telah ditubuhkan dengan jelas mengikut undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pengawal selia yang dinyatakan di dalam Terma Rujukan ("**TOR**") Lembaga.

Di bawah TOR Lembaga BIBD bertarikh 12 September 2019, tanggungjawab Lembaga adalah seperti berikut:

- Memberi pengawasan pengurusan bagi pihak pemegang saham.
- Mengawasi proses untuk menilai kecukupan kawalan dalaman, pengurusan risiko, pelaporan kewangan dan pematuhan dengan undangundang dan Tatakelakuan bagi Kumpulan.
- Menilai dan menentukan pampasan Pengarah Urusan.
- Mengkaji program pampasan dan faedah bagi Kumpulan serta program perancangan dan kepelbagaian.
- Mengkaji inisiatif strategik utama termasuk pendigitalan kewangan dan objektif / inisiatif lain bagi Kumpulan BIBD.
- Mengkaji kegiatan kemasyarakatan bagi Kumpulan.
- Mencalonkan pengarah dan menilai struktur dan amalan Lembaga Pengarah untuk menyediakan tadbir urus korporat yang mantap.
- Menerima kemas kini daripada semua jawatankuasa Lembaga Pengarah mengenai perihal utama yang dibincangkan, keputusan yang dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk disemak dan diluluskan.

- Menyoal dan mengkaji penjelasan dan maklumat yang diberikan oleh pihak pengurusan secara kritis.
- (Menyediakan penilaian yang seimbang dan dapat difahami mengenai prestasi, kedudukan dan prospek BIBD (termasuk laporan sementara dan lain-lain laporan awam yang sensitif harga), dan laporan kepada pengawal selia (seperti yang diperlukan)
- Meluluskan urus niaga penting bagi BIBD dan Kumpulannya termasuk urus niaga pihak yang berkaitan.
- Menerima jaminan tahunan dari Badan Penasihat Syariah bahawa operasi BIBD dan Kumpulannya mematuhi peraturan dan prinsip Syarak.

Selain itu, untuk memastikan bahawa tanggungjawab dan pengawasannya terhadap perniagaan dan operasi Kumpulan BIBD dapat dilaksanakan secara berkesan, Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada Jawatankuasa Utama Lembaga Pengarah yang beroperasi mengikut peranan dan tanggungjawab mereka sebagaimana yang ditakrifkan dalam TOR masing-masing:

Jawatankuasa Audit, Kewangan, Risiko ("AFRC")

Jawatankuasa memastikan bahawa rangka kerja tadbir urus risiko ditubuhkan bagi Kumpulan yang merangkumi tanggungjawab organisasi yang jelas untuk pengurusan risiko yang biasanya dirujuk sebagai tiga barisan pertahanan;

(a) Barisan Perniagaan (Barisan Pertahanan Pertama);

(b) fungsi pengurusan risiko dan fungsi pematuhan yang bebas dari barisan pertahanan pertama (Barisan Pertahanan Kedua); dan

(c) fungsi audit dalaman yang bebas dari barisan pertahanan pertama dan kedua (Garis Pertahanan Ketiga).

Jawatankuasa ini dibentuk sebagai dua jawatankuasa kecil yang berasingan iaitu:

(a) Jawatankuasa Kecil Audit dan Kewangan (**AFSC**);

(b) Jawatankuasa Kecil Risiko (**RSC**); dan

Di bawah *AFSC TOR*, jawatankuasa mesti terdiri sepenuhnya dari pengarah bukan eksekutif yang dianggap bebas. Sementara *RSC* sekurang-kurangnya terdiri daripada kebanyakan pengarah bukan eksekutif yang dianggap bebas. Pengerusi Lembaga Pengarah bukan merupakan ahli Jawatankuasa. *AFSC* bertanggungjawab untuk:

- memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pelantikan semula, imbuhan dan pemecatan Juruaudit Luar dan skop bagi audit luaran dan perkhidmatan lain, yang akan diserahkan kepada ahli-ahli untuk diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan;
- memberi peluang kepada Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar untuk membincangkan sebarang penemuan;
- merangka dasar audit dalaman dan pelaporan kewangan;
- mengkaji penyata kewangan akhir tahun dengan Juruaudit Luar;
- merangka dasar audit dalaman dan pelaporan kewangan;
- mengawasi proses pelaporan kewangan;
- memberikan pengawasan dan bekerjasama dengan Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar Bank;
- mengkaji dan meluluskan skop dan kekerapan audit;
- menerima laporan audit utama dan memastikan bahawa Pihak Pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang diperlukan pada masa yang tepat untuk menangani sebarang kelemahan kawalan, ketidakpatuhan terhadap dasar, undang undang dan peraturan serta masalah lain yang dikenal pasti oleh juruaudit dan fungsi kawalan lain;
- mengawasi pembentukan dasar dan amalan perakaunan oleh Bank;
- mengkaji pendapat pihak ketiga mengenai reka bentuk dan keberkesanan keseluruhan rangka kerja tadbir urus risiko dan sistem kawalan dalaman; dan
- tanggungjawab lain yang ditentukan oleh Lembaga.

Jawatankuasa Kecil Risiko - Kawalan Dalaman

- *RSC* hendaklah membincangkan, memberi nasihat dan meluluskan semua strategi dan dasar risiko Bank berkenaan dengan risiko kewangan dan bukan kewangan secara agregat dan berdasarkan jenis risiko dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenainya.
- *RSC* hendaklah membincangkan, memberi nasihat dan meluluskan penyata selera risiko (RAS) bagi Bank.
- *RSC* hendaklah mengkaji keberkesanan dasar dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bank

secara berterusan dan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun. Kajian tersebut tidak terhad kepada kawalan kewangan, operasi, pematuhan dan teknologi maklumat. Kajian semula itu boleh dijalankan secara dalaman atau dengan bantuan dari mana-mana pihak ketiga yang berwibawa.

- *RSC* hendaklah memastikan bahawa Pihak Pengurusan mempunyai proses pelaksanaan untuk menggalakkan kepatuhan Bank terhadap dasar risiko yang disetujui.

Berhubung dengan penilaian risiko, *RSC* hendaklah:

- Sentiasa mengkaji proses penilaian risiko Bank secara keseluruhan untuk membantu Lembaga Pengarah membuat keputusan yang tepat dengan memastikan penggunaan metrik kualitatif dan kuantitatif;
- mengkaji secara berkala dan meluluskan parameter yang digunakan dalam langkah-langkah ini dan kaedah yang digunakan; dan
- menetapkan piawaian untuk pemantauan yang mantap dan menetapi masa bagi pendedahan yang besar dan jenis risiko tertentu yang sangat penting.

Jawatankuasa eksekutif ("ExCom")

Jawatankuasa ini kebanyakannya terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan Setiausaha Syarikat Bank hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa. Tanggungjawab Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- Berfungsi sebagai forum perbincangan untuk perihal Lembaga Pengarah dan sebagai forum untuk membuat sebarang keputusan mengenai perkara-perkara yang tidak memerlukan kelulusan dari Lembaga Pengarah.
- Menyelia sebarang keputusan yang signifikan dari pihak pengurusan.
- Mengkaji perkara-perkara strategik utama termasuk Rancangan Operasi Tahunan dan Prestasi Kewangan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dioperasikan oleh Kumpulan BIBD.
- Mengkaji dan meluluskan cadangan pembiayaan dalam negara dengan pendedahan bersih sekurang-kurangnya B$20,000,000 berdasarkan cadangan dari Jawatankuasa Risiko Kredit.
- Mengkaji dan meluluskan pendedahan yang berkaitan dengan Bahagian Perbendaharaan, permohonan baru bagi had negara / institusi kewangan dan cadangan pendedahan luar pesisir dengan pendedahan kasar melebihi AS$20,000,000 berdasarkan cadangan daripada Jawatankuasa Risiko Kredit.

Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan Sumber Manusia ("HRNC")

HRNC telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan tanggungjawab tadbir urus korporat di bawah Garis Panduan AMBD untuk Tadbir Urus Korporat bagi Bank. Tanggungjawab HRNC adalah:

- Untuk membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan.
- Untuk merumuskan proses yang formal dan telus untuk pengenalpastian, penilaian, pelantikan dan pelantikan semula pengarah kepada Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa rancangan penggantian yang sesuai untuk Lembaga Pengarah telah dilaksanakan.
- Untuk membantu Lembaga Pengarah dalam merangka, melaksana dan mengkaji dasar dan prosedur imbuhan bagi Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan dan semua kakitangan BIBD yang bukan hanya selaras dengan nilai etika, objektif dan budaya Bank tetapi juga menggalakkan pengambilan, motivasi, kesetiaan dan pengekalan.

Berhubung dengan imbuhan bagi Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan dan kakitangan BIBD, tanggungjawab HRNC adalah seperti berikut: -

- Merangka, melaksana dan mengkaji semula Dasar dan Prosedur Imbuhan ("**RPP**") untuk Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan dan semua kakitangan BIBD.
- Memastikan bahawa imbuhan bagi para Pengarah adalah mencukupi untuk menarik dan mengekalkan pengarah yang berkaliber, serta setimpal dengan keperluan untuk memastikan dana Bank tidak digunakan untuk memberi subsidi pakej imbuhan yang berlebihan dan tidak menjejaskan daya maju, kesolvenan dan reputasi BIBD.
- HRNC hendaklah bekerjasama rapat dengan Bahagian Risiko dan Sumber Manusia BIBD untuk memastikan bahawa perumusan RPP mengambil kira faktor-faktor berikut:

  (a) Modal dan kecairan BIBD.

  (b) Nilai etika, objektif dan budaya Bank.

  (c) Mempromosikan budaya risiko yang mantap dengan memastikan bahawa kakitangan BIBD bertindak demi kepentingan BIBD dan pelanggannya dan bukannya untuk diri mereka sendiri atau hanya untuk bahagian mereka. Dengan kata lain, RPP tidak

boleh mendorong pegawai untuk mengambil risiko yang tidak perlu.

(d) Sejajar dengan piawaian industri semasa supaya imbuhan, setakat yang dapat dilaksanakan, berdaya saing dan mampu menggalakkan pengambilan, motivasi, kesetiaan dan pengekalan.

- Bekerjasama dengan Bahagian Sumber Manusia untuk mewujudkan rangka kerja penilaian prestasi ("**PEF**") yang objektif dan telus yang merangkumi kriteria yang diperlukan (termasuk KPI) di mana prestasi dapat diukur setiap tahun.
- Menjalankan kajian berkala mengenai RPP dan PEF (sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh HRNC) untuk memastikan keselarasan dengan undangundang semasa, amalan tadbir urus dan piawaian industri.

Lembaga Pengarah terus memberikan komitmen yang teguh untuk mengekalkan kualiti yang luar biasa bagi tadbir urus korporat BIBD dengan memastikan nilai dan tingkah laku yang konsisten di seluruh perniagaan. Lembaga Pengarah menguruskan hal ehwal Kumpulan dengan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan serta menggalakkan perbincangan terbuka dan telus. Di samping itu, Lembaga Pengarah terus memastikan amalan terbaik dan proses tadbir urus yang kuat ini merupakan sebahagian dari strategi dan proses membuat keputusan BIBD. Oleh itu, nilai-nilai ini dikekalkan untuk kepentingan pemegang saham BIBD dan pihak berkepentingan yang lain.

Bagi Pengarah Kali Pertama, BIBD memerlukan para Pengarah yang baru dilantik tersebut untuk menghadiri program induksi Lembaga Pengarah BIBD bagi membiasakan diri dengan operasi Kumpulan dan membina asas pengetahuan yang kuat mengenai Kumpulan. Lembaga Pengarah juga akan memastikan bahawa setiap pengarah menghadiri latihan berterusan dan berkala mengenai isu-isu yang relevan termasuk antara lain latihan mengenai undang-undang, peraturan baru yang berkaitan dan perubahan risiko komersial, kewangan dan latihan lain yang berkaitan.

Senarai latihan yang dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

1. YB Dato Seri Setia Awang Hj Mohd Amin Liew bin Abdullah
2. YM Dr Jan Hendrik van Greuning
3. YM Junaidi bin Hj Masri
4. YM Haji Sofian bin Mohammad Jani

Bil.	Nama Kursus/Latihan dll	Tarikh Menghadiri	Penganjur	Penyampaian
1.	Tadbir Urus Korporat dan Keberkesanan Lembaga Pengarah *Nota: Ini adalah sebahagian daripada program latihan BIBD untuk para pengarah pada tahun 2021 tetapi tarikh yang dijadualkan telah ditangguhkan kepada 2022 kerana pandemik COVID-19.*	11 Mac 2022	BIBD – pemudah cara from PricewaterhouseCoopers ("PwC")	Webinar

5. YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan

Bil.	Nama Kursus/Latihan dll	Tarikh Menghadiri	Penganjur	Penyampaian
1.	"Siri Kepimpinan" Akademi Fajr oleh Prof. Vivek Wadhwa mengenai "Insights on Technological & Innovative Disruptions"	14 Januari 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian

2.	Tinjauan untuk Webinar Pasaran Alternatif Global & Hartanah, Pinjaman Langsung dan Forum Hutang Swasta 2021	21 Januari 2021	Florida Alternative Investment Association (FLAIA)	Seminar Dalam Talian
3.	Edisi ke-4 Inisiatif Pelaburan Masa Depan (FII) di Neo-Renaissance	27-28 Januari 2021	Future Investment Initiative (FII)	Persidangan
4.	Strategi Ekonomi UAE Pasca COVID-19 - Perbualan dengan Menteri	2 Febuari 2021	Crescent Petroleum	Seminar Dalam Talian
5.	Forum Pelaburan Tahunan MASIC - Rangsangan Global: Implikasi Pelaburan & Ekonomi	7 Febuari 2021	Mohammaed I. Alsubeaei & Sons Investment Company (MASIC)	Persidangan
6.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Howard S. Marks mengenai *"Insights on Value vs Growth investing and the overall market landscape"*	23 Febuari 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
7.	Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia | Dialog WGS 21	9-10 Mac 2021	World Government Summit	Seminar Dalam Talian
8.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Profesor Sir Malcolm Grant mengenai "*Insights on how COVID-19 will shape the healthcare and education sectors*"	24 Mac 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
9.	Acara Maya mengenai Keselamatan Siber oleh Tanium oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu	31 Mac 2021	U.S. Commercial Service	Seminar Dalam Talian
10.	*"Outlook on the GCC under the economic reforms"* disampaikan oleh Mr. Tarek Fadlallah	6 April 2021	MASIC	Seminar Dalam Talian
11.	Pelaburan Impak Panduan: Pendekatan Berasaskan Iman	7 April 2021	Global Impact Investing Network (GIIN)	Seminar Dalam Talian
12.	Kuliah Peringatan Stephen W. Bosworth dalam Diplomasi dengan Presiden Bill Clinton	7 April 2021	Harvard Kennedy School	Syarahan
13.	Bilik Hijau & Bilik Langsung-SuperReturn Pasaran Muncul 2021: Menghubungkan GP pasaran pertumbuhan dengan LP dari seluruh dunia	24 Jun 2021	SuperReturn	Persidangan
14.	Masa Depan Pasaran Muncul: Di Mana Pertumbuhannya	29 Jun 2021	Florida Alternative Investment Association (FLAIA)	Seminar Dalam Talian

15.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Tan Sri Andrew Sheng mengenai *"Asia's re-emergence as the engine for global trade and growth and the future of the Asian and world economy post COVID-19"*	30 Jun 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
16.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Mudassir Sheikha yang membincangkan *"the remarkable journey of Careem so far and also explore the growing entrepreneurial ecosystems in our core markets"*	28 Julai 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
17.	Latihan AML dan Pematuhan Tahunan dengan Praesidium	29 Julai 2021	APEX	Seminar
18.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Sir Michael Barber mengenai *"the Delivery Associates to discuss themes of the private and public sector"*	25 Ogos 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
19.	A&O - Fajr: ESG di Timur Tengah	21 September 2021	Allen & Overy	Syarahan
20.	Siri Kepimpinan Akad-emi Fajr oleh Chris Masterson mengenai *"Private Equity and In-vestment in Today's Uncertain and Complex World"*	22 September 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
21.	Program Kepimpinan Muslimat Muda Ke-15 2021	1 Oktober 2021	Oxford Centre for Islamic Studies	Syarahan
22.	Pelaburan Impak Pan-duan: Perbincangan Khalayak Berasaskan Iman	5 Oktober 2021	Global Impact Investing Network (GIIN)	Seminar Dalam Talian
23.	Siri Kepimpinan Akademi Fajr oleh Hon Juan Zarate dan Jeremy Kroll (Sesi Integriti K2)	21 Oktober 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian
24.	Inisiatif Pelaburan Masa Depan (FII) - Ulang Tahun ke-5 - Melabur dalam Kemanusiaan	26-28 Oktober 2021	Future Investment Initiative (FII)	Persidangan
25.	Selepas COVID: Cara Meningkatkan Ekuiti & Penghantaran Vaksin	18 November 2021	Center for International Development (CID) at Harvard	Seminar Dalam Talian
26.	Fajr Capital Academy Leadership Series 2021 bersama Profesor Shahid Jameel mengenai *"Financial Risk and regulation to the risks & challenges posted by COVID-19 and wider healthcare-related trends"*	25 November 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian

27.	Sesi Latihan Pitch dengan Benjamin Ball, James Phillips dan Ste-ve Jacobs	6 Disember 2021	Benjamin Ball	Pembelajaran-E
28.	Kursus Pembelajaran Pematuhan Thomson Reuters	19 Disember 2021	Thomas Reuters	Kursus
29.	Siri Kepimpinan Modal Fajr oleh Dr. Asim Yusuf mengenai *"Emotional resilience and mental wellbeing"*	21 Disember 2021	Fajr Capital Academy	Seminar Dalam Talian

6. YM Mubashar Hanif Khokhar

Bil.	Nama Kursus/Latihan dll	Tarikh Menghadiri	Penganjur	Penyampaian
1.	Dialog Gabenor Bank Pusat ASEAN & Ketua Pegawai Eksekutif Institusi Kewangan pada 2021 – Pendigitalan dan Kemampanan: Mengubah Wajah Perkhidmatan Kewangan di ASEAN	29 Mac 2021	Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) – kini dikenali sebagai BDCB	Persidangan
2.	Membayangkan Brunei sebagai Hab Kewangan Islam	22 April 2021	Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF)	Webinar
3.	Persidangan Pasaran Modal Islam	2 Jun 2021	BILIF	Persidangan
4.	Persidangan Meja Bulat bagi Perniagaan & Pelaburan 2021 mengenai Fintech dan Kecelikan Kewangan	30 Ogos 2021	ASEAN Business Advisory Council	Webinar
5.	Sidang Kemuncak bagi Kewangan Islam & SDGs 2021	28 September 2021	Islamic Finance Council UK, United Nations, Islamic Development Bank	Webinar

7. YM Hjh Noraini binti Hj Sulaiman

Bil.	Nama Kursus/Latihan dll	Tarikh Menghadiri	Penganjur	Penyampaian
1.	Membayangkan Brunei sebagai Hab Kewangan Islam	22 April 2021	BILIF	Webinar
2.	Program Pendidikan Eksekutif Lembaga 2021	6 – 8 Julai 2021	BILIF	Webinar
3.	Siri Penasihat Syariah II - Pasaran Modal Islam: Wawasan dan Inovasi Baru	2 November 2021	BILIF	Webinar

4.	Tadbir Urus Korporat dan Keberkesanan Lembaga Pengarah *Nota: Ini adalah sebahagian daripada program latihan BIBD untuk para pengarah pada tahun 2021 tetapi tarikh yang dijadualkan telah ditangguhkan kepada 2022 kerana pandemik COVID-19.*	11 Mac 2022	BIBD – pemudah cara from PwC	Webinar

Penyelarasan Lembaga dengan Pihak Pengurusan

Forum Kepimpinan ("**LF**") telah dibentuk oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan visi, misi, nilai, aspirasi dan objektif Kumpulan BIBD selaras dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pihak pengurusan.

LF adalah sebuah jawatankuasa terdiri daripada pihak pengurusan yang bertanggungjawab untuk keseluruhan pengurusan Kumpulan BIBD. Ahli LF berjumpa sekurang-kurangnya sekali setiap bulan pada hari Isnin pertama bekerja pada bulan tersebut. Peranan dan tanggungjawab LF adalah seperti berikut:

- Untuk menjalankan Pemilikan, Tadbir Urus dan Pelaksanaan operasi harian dan projek strategik;
- Untuk menyediakan kepimpinan yang kolektif, selaras dan bersepadu ke arah strategi ABCDE Kumpulan BIBD;
- Untuk mempertimbangkan dan melaksanakan keputusan yang bersesuaian bagi perkara-perkara kritikal yang mempengaruhi kumpulan BIBD.

Selain daripada LF, Forum Kepimpinan yang baru (**eLF**) telah ditubuhkan sebagai jawatankuasa kolaborasi peringkat kedua bagi pihak pengurusan. Sebagai sebahagian dari perancangan penggantiannya untuk eLF mengambil alih peranan LF di masa hadapan. Objektif utama eLF adalah untuk menyokong LF sepenuhnya dalam menyediakan idea inovatif selaras dengan Visi, Misi dan strategi ABCDE BIBD berpandukan nilai-nilai teras I-CUE BIBD. Peranan eLF adalah seperti berikut:-

- Untuk mengenal pasti, menilai dan menyetujui pelan tindakan berasaskan penyelesaian untuk mengembangkan perpaduan berkumpulan, penjenamaan, kesetiaan pelanggan dan keuntungan perniagaan BIBD.
- Untuk mengenal pasti dan membuat usahasama di antara bahagian dan memanfaatkan sumber yang ada untuk meningkatkan penglibatan kakitangan dan pengalaman perkhidmatan pelanggan BIBD secara keseluruhan.
- Untuk mengkaji proses dalaman, meningkatkan rasa tanggungjawab dan pemilikan setiap kakitangan bagi memudahkan peluang perniagaan, mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap segala halangan yang dihadapi oleh perniagaan-perniagaan.
- Untuk mengenal pasti cadangan nilai utama yang berani untuk membantu BIBD dalam meningkatkan penjenaamannya bagi mencapai strategi ABCDE termasuk aspek CSR.
- Melaporkan kepada Ketua LF tahap kemajuan sebarang projek pada setiap suku tahun ataupun bila diperlukan.
- Untuk menyasarkan sekurang-kurangnya 1 (satu) pencapaian utama berdasarkan strategi ABCDE bagi setiap setengah tahun. Pencapaian sasaran harus ditentukan berdasarkan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.

PRINSIP 2

Komposisi Lembaga hendaklah efektif dengan elemen bebas yang kuat di mana tidak ada individu ataupun sekumpulan kecil individu yang dibenarkan untuk menguasai keputusan Lembaga.

Setakat 31 Disember 2021, terdapat 5 anggota dalam Lembaga BIBD yang terdiri daripada 4 pengarah bebas dan 1 pengarah eksekutif. Kesemua anggota tersebut membawa pelbagai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran pengurusan dalam sektor perbankan, kewangan dan tadbir urus kepada kumpulan BIBD.

Komposisi Lembaga

Pengarah	Jawatan	Ulasan
YB Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah	IPengarah Bebas (Pengerusi)	-
YM Dr Jan Hendrik van Greuning	Pengarah Bebas	-
YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan	Pengarah Bebas	Meletakkan jawatan pada 1 Disember 2021
YM Junaidi bin Hj Masri	Pengarah Bebas	-
YM Hj Sofian bin Mohammad Jani	Pengarah Bebas	-
YM Mubashar Hanif Khokhar	Pengarah Eksekutif (Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif)	Meletakkan jawatan pada 1 Disember 2021
YM Hjh Noraini binti Hj Sulaiman	Pengarah Eksekutif (Pemangku Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif)	Dilantik pada 1 Disember 2021

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Ketua Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Oleh yang demikian, peranan Ketua Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan hendaklah dilaksanakan oleh individu yang berbeza untuk memastikan keseimbangan yang optimum bagi meningkatkan pertanggungjawaban dan keupayaan membuat keputusan.

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh YB Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah ("**Dato Amin**"), merupakan Pengarah Bebas yang memainkan peranan penting dalam memastikan Lembaga Pengarah beroperasi dengan berkesan dan melaksanakan tanggungjawab dalam hal undang-undang dan peraturan sepenuhnya.

BIBD juga memastikan Pengarah Bebas adalah bebas daripada Pengurusan dan bebas dari sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu kemampuannya untuk bertindak demi kepentingan BIBD. Oleh itu, Pengarah Bebas dapat:-

- Memberikan dan meningkatkan kebebasan yang diperlukan.
- Memastikan keseimbangan antara ahli-ahli Lembaga Pengarah.
- Mengurangkan sebarang konflik kepentingan antara proses pembuatan dasar dan kegiatan perniagaan harian.

Sebagai Pengerusi, YB Dato Amin juga memimpin Lembaga Pengarah dalam pengawasan Pengurusan dan menerapkan budaya, nilai dan tingkah laku yang betul, sama ada di peringkat atasan mahupun organisasi secara menyeluruh. Lembaga Pengarah juga menyerahkan tugas dan tanggungjawab untuk keseluruhan perniagaan dan pengurusan harian Kumpulan BIBD kepada Ketua Pegawai

Eksekutif Kumpulan. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bertanggungjawab untuk menerajui Pengurusan serta membuat dan melaksanakan keputusan operasi. Disamping itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan juga dapat mengesan dan mengukur prestasi program teras terhadap strategi dan roadmap yang dipersetujui dan memberikan maklum balas secara berkala dan memastikan pembetulan dibuat tepat pada waktunya.

Sebagai tambahan terhadap perkara di atas, beberapa ahli Lembaga Pengarah juga dilantik sebagai Pengerusi atau sebagai ahli Lembaga kepada anak syarikat milik BIBD ("**Lembaga Subsidiari**"). Amalan ini menyediakan kesinambungan di antara Lembaga Pengarah dan Lembaga Subsidiari, yang mana tujuan dan objektif keseluruhan Rancangan dan Strategi Perniagaan Kumpulan dapat disampaikan kepada Lembaga Subsidiari untuk penyelarasan dan pelaksanaan yang lebih baik.

PRINSIP 3

Pembahagian tanggungjawab hendaklah jelas diantara kepimpinan Lembaga Pengarah dan eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan perniagaan Bank. Kuasa untuk membuat keputusan tidak boleh tertumpu pada satu individu.

Seperti yang dijelaskan dalam Prinsip 2, jawatan Pengerusi dan CEO BIBD hendaklah dipegang oleh individu yang berbeza dengan pembahagian peranan dan tanggungjawab yang jelas sesuai dengan amalan terbaik. Perbezaan tersebut membolehkan pemahaman dan pengagihan bidang kuasa dan kebertanggungjawaban dengan lebih baik. Struktur hierarki yang jelas dengan pendekatan yang berfokus akan memudahkan kecekapan dan mempercepatkan pembuatan keputusan.

PRINSIP 4

Hendaklah ada proses formal dan telus untuk pengenalpastian, penilaian, pelantikan dan pelantikan semula pengarah ke Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, bukan Pihak Pengurusan, menamakan calon dan mempromosikan perancangan penggantian pengarah yang bersesuaian.

Jawatankuasa Pencalonan Sumber Manusia ("**HRNC**") bertanggungjawab untuk membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai semua pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan termasuk memastikan proses pemilihan yang relevan adalah dipatuhi.

HRNC akan menilai keperluan untuk mengambil pengarah baru atau untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pengarah bebas ataupun bukan eksekutif. Jawatankuasa itu kemudian akan mengembangkan profil calon seperti industri utama mereka, jantina dan bukti kelayakan. Pemilihan akan berdasarkan pencalonan dari Lembaga Pengarah, pemegang saham utama dan pencarian jawatankuasa itu sendiri, dan calon yang dipilih akan disenarai pendek.

Calon yang disenarai pendek akan dinilai berdasarkan kriteria berikut.

Bagi pengarah baru:

- Pengetahuan, kemahiran & pengalaman dalam mempromosikan kepelbagaian.
- Memahami ekonomi & pasaran tempatan/serantau.
- Integriti & reputasi yang baik.
- Keupayaan untuk meluangkan masa.
- Perwatakan – mampu bekerja secara kolektif tanpa mempengaruhi suara bebas, iaitu, mengelakkan pemikiran berkumpulan.
- Tiada konflik untuk menyertai BOD – menilai jawatan pengarah lain

(Tambahan) untuk pengarah bebas:

- Tidak hilang kelayakan di bawah peraturan 4 dan 5 syarikat (Tadbir Urus Korporat) (Syarikat Awam), 2016
- Memenuhi kriteria kebebasan berdasarkan prinsip 2.11 Garis Panduan Tadbir Urus Korporat BDCB untuk Bank.

Proses temuduga dimulakan sebelum penilaian akhir, sebelum penyerahan cadangan kepada Lembaga Pengarah. Jika diluluskan oleh Lembaga Pengarah, tindakan berikut akan dilakukan:

- Menyerahkan permohonan untuk kelulusan BDCB.
- Mengeluarkan surat pelantikan;
- Penandatanganan Surat Akujanji untuk menjaga Kerahsiaan dari pengarah baru.
- Sekiranya pelantikan tersebut memerlukan persetujuan dari Pemegang-Pemegang Saham, resolusi ahli yang diperlukan akan disediakan untuk dibentangkan kepada Pemegang-Pemegang Saham tersebut.

Berkuat kuasa dari 19 Mac 2020, BIBD tidak lagi mempunyai pelantikan pengarah alternatif di Lembaga Pengarah.

Maklumat penting mengenai pengarah seperti kelayakan akademik dan profesional, pegangan saham di bank dan syarikat-syarikat berkaitan, pelantikan dan tarikh pelantikan sebagai pengarah di jawatankuasa Lembaga Pengarah boleh didapati di bahagian profil pengarah-pengarah dalam Laporan Tahunan ini.

Berhubung dengan Prinsip 4.7, Garispandu BDCB bagi Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam mengenai jawatan pengarah bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah di syarikatsyarikat lain, senarai jawatan-jawatan di syarikat-syarikat lain bagi setiap pengarah dalam Lembaga Pengarah BIBD adalah seperti berikut:

YB Dato Seri Setia Dr Hj Awang Mohd Amin Liew bin Abdullah (setakat 11 Januari 2022)

1. Jerudong International School Sdn Bhd
2. Jerudong Park Medical Centre Sdn Bhd (JPMC)
3. Gleaneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (GJPMC)
4. JPH Sdn Bhd
5. Muara Port Company Sdn Bhd
6. Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad
7. Brunei Gas Carriers Sdn Bhd
8. Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad
9. Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad
10. Brunei LNG Sendirian Berhad
11. Lembaga Dana Sustainabiliti (SF)
12. Lembaga Eksekutif Dana Modal Pembangunan Strategik
13. Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd
14. Marzuq Holdings Limited
15. Amann Shipping Group Sdn Bhd
16. Makmur Holdings Limited
17. Hengyi Industries Sdn Bhd
18. Damai Holdings Limited
19. Khazanah Satu Sdn Bhd
20. Sukuk Holdings Properties (SHOP) Sdn Bhd
21. Profin Sdn Bhd
22. Bursa Brunei Darussalam Sdn. Bhd.
23. Bank Usahawan Berhad
24. Agensi Pelaburan Brunei
25. Syarikat EVYD Technologies Sdn Bhd
26. Darussalam Enterprise
27. Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing (FDI) & Pelaburan Industri Hilir
28. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD)
29. Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC)

30. Takaful Brunei Darussalam (TBD; TBA & TBK)
31. Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei
32. Lembaga Penasihat Unitisasi

YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan (meletak jawatan sebagai Pengarah BIBD pada 1 Disember 2021)

1. Fajr Capital Advisors Limited (UAE)
2. Fajr Capital Advisors Limited (UAE)
3. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) – hingga 30 November 2021
4. MENA Infrastructure (GP) Limited
5. Saudi Mechanical Industries Company
6. Cravia Group Holdings Limited
7. Jadwa Investment, Saudi Arabia
8. Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd – hingga Ogos 2021
9. Syarikat Takaful Brunei AM Sdn Bhd - hingga Ogos 2021
10. Syarikat Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd - hingga Ogos 2021

YM Hennie van Greuning

1. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

YM Junaidi bin Haji Masri (setakat 25 Januari 2022)

1. Amann Shipping Group Sdn Bhd
2. Amann Shipping Container Line Sdn Bhd
3. Bank Islam Brunei Darussalam Sdn Bhd
4. Barramundi Asia (B) Sdn Bhd
5. BIBD Tamwil Berhad
6. Blue Ocean Tech Sdn Bhd
7. Brunei Energy Services & Trading Sdn Bhd
8. Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd
9. Brunei Methanol Company Sdn Bhd
10. CAE Brunei MPTC Sdn Bhd
11. Darussalam Pilotage Services Sdn Bhd
12. Everbright Adv Investments Sdn Bhd
13. Fajr Capital Limited
14. Hengyi Industries Sdn Bhd
15. Jets Sdn Bhd
16. Jerudong Park Hotel Sdn Bhd
17. Jerudong International School Sdn Bhd
18. Lianfeng Investments Sdn Bhd
19. Piper Aircraft Asia Sdn Bhd
20. Polygel Organometallic (B) Sdn Bhd
21. Progresif Sdn Bhd
22. RBA Golf Club Sdn Bhd
23. RBGCC Sdn Bhd
24. Royal Brunei Technical Services Sdn Bhd
25. SBI (B) Sdn Bhd
26. Simpor Pharma Sdn Bhd
27. Syarikat P3 Sdn Bhd (Syarikat P Cube)
28. Takaful Brunei Am
29. Western Foods & Packaging Sdn Bhd

YM Haji Sofian bin Mohammad Jani (setakat 24 Januari 2022)

1. Tabung Amanah Pekerja
2. Royal Brunei Catering Sdn Bhd
3. Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam
4. DST Digital
5. Bursa Saham Brunei Darussalam (BNX)
6. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD)
7. Oman Brunei Investment Company (OBIC)
8. Pak Brunei Investment Company

YM Mubashar Hanif Khokhar (Meletak jawatan sebagai Pengarah Urusan pada 1 Disember 2021)

1. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
2. BIBD At-Tamwil Berhad
3. BIBD Securities Sdn Bhd
4. BETTER Sdn Bhd
5. BIBD (Middle East) Limited
6. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF)

YM Hjh Noraini binti Hj Sulaiman (Dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Disember 2021)

1. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
2. BIBD At-Tamwil Berhad
3. BIBD Securities Sdn Bhd
4. BETTER Sdn Bhd
5. BIBD (Middle East) Limited
6. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF)
7. Jerudong Park Medical Centre Sdn Bhd (JPMC)
8. Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)

PRINSIP 5

Lembaga Pengarah hendaklah mentakrifkan struktur dan amalan tadbir urus yang sesuai untuk pengurusan kerja sendiri dan meletakkan agar cara untuk amalan tersebut diikuti dan dikaji semula secara berkala untuk keberkesanan yang berterusan. Harus ada penilaian tahunan rasmi untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan oleh setiap pengarah kepada keberkesanan Lembaga.

Peranan utama Lembaga Pengarah ("**Lembaga**") BIBD adalah untuk menentukan strategi dan objektif dan dasar BIBD untuk memberikan nilai yang mampan kepada para pemegang sahamnya. Lembaga memberikan bimbingan dan kepimpinan yang diperlukan oleh Kumpulan. Seperti yang dijelaskan dalam Prinsip 1, Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan membantu Lembaga dalam memberikan pengawasan yang berkesan terhadap operasi Bank. Lembaga akan mengkaji struktur secara berkala dan menasihati struktur semasa jika dianggap perlu.

Keberkesanan Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga diperkukuhkan lagi oleh komposisi majoriti Pengarah Bebas di Lembaga BIBD serta pengerusi Jawatankuasa Lembaga yang mana dipegang oleh Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan di bawah:

- **ExCom dan HRNC** – YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan
- **AFRC** – YM Dr. Jan Hendrik Van Greuning

Pada 21 Januari 2022, berikutan peletakan jawatan YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan, Lembaga melantik Pengarah Bebas berikut sebagai Pengerusi Jawatankuasa Lembaga di bawah:

- **EXCOM** - YB Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
- **HRNC** – YM Junaidi bin Hj Masri
- **AFRC** – YM Dr. Jan Hendrik Van Greuning

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Effendy bin Othman, Penasihat Am untuk Bank dan ahli Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia, juga merupakan Setiausaha Syarikat yang dilantik untuk BIBD. Beliau dan pasukannya memberikan sokongan undang-undang, kesetiausahaan dan tadbir urus kepada Lembaga. Berikut merupakan beberapa tanggungjawab utama Setiausaha Syarikat:

- Mentadbir kesemua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga termasuk penjadualan, pengambilan minit, penyediaan bahan mesyuarat Lembaga dan maklumat yang diberikan kepada Lembaga.
- Memastikan maklumat yang dibekalkan kepada Lembaga seperti minit mesyuarat adalah tepat, menepati masa dan memadai untuk Lembaga bagi melaksanakan fungsinya.
- Memastikan penyimpanan rekod yang betul dari kesemua perbincangan dan keputusan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.
- Menyediakan pengemaskinian dan nasihat secara kerap kepada Lembaga mengenai sebarang perubahan kepada keperluan undangundang dan peraturan termasuk yang berkaitan dengan perkara tadbir urus.
- Memudahkan komunikasi dua hala di antara Pihak engurusan dan Lembaga untuk memastikan keputusan Lembaga dapat disampaikan tepat pada masanya.

Minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga direkodkan dan didokumentasikan dengan sewajarnya oleh Setiausaha Syarikat. Rekod sedemikian disediakan untuk mana-mana pihak berkuasa atas permintaan.

Penilaian Lembaga dan Badan Penasihat Syariah ("BPS")

Untuk memastikan keberkesanan Lembaga dan SAB, Lembaga telah meluluskan satu penilaian bebas Lembaga dan SAB yang akan dilakukan oleh *PricewaterhouseCoopers* (PWC) yang telah disiapkan pada Ogos 2021. Laporan dan penemuan utama penilaian dijangka akan dibentangkan kepada Lembaga pada Mac 2022.

Latihan penilaian bebas ini dijalankan pada setiap dua tahun dan latihan penilaian diri dilakukan pada setiap tahun.

PRINSIP 6

Dalam struktur kumpulan, Lembaga bagi Bank induk mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi kumpulan dan untuk memastikan penubuhan dan pengendalian rangka kerja tadbir urus yang jelas yang bersesuaian dengan struktur, perniagaan dan risiko kumpulan dan entitinya. Lembaga dan Pihak Pengurusan hendaklah mengetahui dan memahami struktur organisasi kumpulan Bank dan risiko yang ditimbulkannya.

Anak-anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank adalah seperti berikut:

- BIBD Securities Sdn Bhd,
- BIBD At-Tamwil Berhad,
- BIBD (Middle East) Limited
- BIBD Management & Services Sdn Bhd.

Untuk memastikan bahawa Kumpulan BIBD mematuhi rangka kerja tadbir urus yang konsisten dalam menguruskan risiko perniagaan dan operasinya, BIBD sebagai syarikat induk telah menubuhkan struktur kumpulan yang merangkumi Bank yang mempunyai perwakilan Lembaga di seluruh anak-anak syarikat untuk melengkapkan nilai tadbir urus korporat Bank, prinsip dan pendekatan bagi anak-anak syarikatnya untuk mengadaptasi setakat yang mereka tidak bertentangan dengan kepentingan anakanak syarikat dan keperluan undang-undang atau peraturan mereka sendiri. Semua keputusan utama yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan Bank atau Kumpulan akan dinilai oleh Lembaga Pengarah dan Bank sebagai pemegang saham boleh membuat keputusan untuk faedah anak-anak syarikat selaras dan selaras dengan rangka kerja Tadbir Urus Korporat Kumpulan BIBD.

Lembaga mengiktiraf tanggungjawab para pengarah anak-anak syarikat BIBD untuk melaksanakan penilaian dan membuat keputusan sesuai dengan kepentingan terbaik anak-anak syarikat walaupun di mana kepentingan tersebut mungkin bercanggah dengan kepentingan terbaik Bank. Ini selanjutnya dipaparkan kerana lembaga anak syarikat dan struktur pengurusan kanan telah menentukan peranan dan tanggungjawab yang jelas.

Bahagian Audit, Risiko, Pematuhan, Kewangan, Undang-undang dan Syariah Bank juga membuat pengawasan kepada anak-anak syarikat di dalam perkara ini di mana perundingan antara bahagian-bahagian Bank dan anak-anak syarikat yang diadakan dari semasa ke semasa untuk menangani apa-apa perkara yang timbul di dalam bidang tersebut. Untuk tujuan itu, Pihak Pengurusan BIBD bertanggungjawab untuk mengembangkan dasar, prosedur dan proses yang memberi manfaat kepada Kumpulan BIBD. Mereka bertanggung jawab untuk menetapkan strategi dan halatuju korporat kumpulan ("**Strategi Kumpulan**").

Sebaik saja Strategi Kumpulan diluluskan oleh Lembaga Bank dan anak-anak syarikatnya, pengurusan anak-anak syarikat masing-masing akan diarahkan untuk melaksanakan perkara yang sama dan melaporkan perkembangan pelaksanaan tersebut kepada lembaga mereka masing-masing. Di samping itu, operasi anak-anak syarikat dikaji semula secara berkala oleh bahagian Audit Dalaman dan Risiko Bank.

Fungsi kawalan dan Garis Panduan Penjajaran ("**Garis Panduan *CFRA***") untuk Kumpulan BIBD adalah untuk meningkatkan penjajaran kumpulan dan untuk memenuhi kewajipan Lembaga di bawah Prinsip 6 Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam ("**CGIB**") sebagai bank induk, dengan penekanan khusus mengenai pengukuhan proses pelaporan kumpulan dalaman.

Garis panduan CFRA bertujuan untuk merasmikan:

- Tanggungjawab tadbir urus kumpulan mengenai fungsi kawalan BIBD sebagai bank induk.
- Kewajipan laporan dan konsultasi bagi anak-anak syarikat BIBD ke fungsi kawalan.
- Memusatkan senarai dasar, rangka kerja, garis panduan, terma rujukan dan dokumen berkaitan tadbir urus lain bagi fungsi kawalan BIBD yang akan diterima pakai oleh anak-anak syarikat masing-masing.

Garis Panduan CFRA hendaklah menjadi sebahagian daripada Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Kumpulan BIBD seperti yang dikehendaki di bawah Prinsip 6 *CBIG*.

PRINSIP 7

Lembaga haruslah bertemu dengan kerap dan dilengkapi dengan maklumat yang lengkap dan tepat pada masanya.

Lembaga bermesyuarat secara tetap, dengan sekurang-kurangnya 4 mesyuarat dijadualkan dalam tahun kewangan atau lebih kerap mengikut keadaan. Tarikh mesyuarat yang dijadualkan ditentukan dengan lebih lebih awal untuk membolehkan Pengarah merancang ke hadapan.

Pada tahun 2021, ahli-ahli Lembaga menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga sepertimana yang diperincikan di bawah:

Peranan	Nama	Jawatankuasa Lembaga bagi 2021									
		BOD		HRNC		ExCom		AFRC		AGM	
		H*	A**	H	A	H	A	H	A	H	A
Pengerusi	YB Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah	4	4	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	1	1
Pengarah	YM Awang Junaidi bin Haji Masri	4	4	7	7	6	6	4	4	1	1
Pengarah	YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan	4	4	7	7	6	6	4	4	1	1
Pengarah	YM Dr Jan Hendrik van Greuning	4	4	N/A	N/A	N/A	N/A	4	4	1	1
Pengarah	YM Haji Sofian bin Hj Mohd Jani (Dilantik pada 20 Mac 2020)	4	4	7	7	6	6	4	4	1	1
Pengarah Urusan/CEO	YM Mubashar H. Khokhar	4	4	7	7	6	6	N/A	N/A	1	1

H* = Diadakan
A = Dihadiri**
N/A = Tidak berkenaan kerana pengarah bukan ahli Jawatankuasa

Untuk mesyuarat Lembaga, Setiausaha Syarikat akan memastikan bahawa agenda mesyuarat dan dek pembentangan mestilah dikeluarkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum setiap mesyuarat Lembaga untuk membolehkan masa yang mencukupi untuk semua pengarah mempertimbangkan maklumat yang relevan. Agenda mesyuarat merangkumi antara lain perkara yang khusus dikhaskan untuk keputusan Lembaga. Perbincangan dan kesimpulan mesyuarat Lembaga akan diminit secara jelas, tepat, konsisten, lengkap dan tepat pada masanya. Minit tersebut antara lain merekodkan keputusan Lembaga, termasuk perbincangan utama bagi setiap keputusan yang dibuat. Draf minit kemudian akan dibentangkan pada mesyuarat yang berikutnya untuk diluluskan dan ditandatangani.

Selaras dengan tadbir urus yang betul tentang rekod, minit dimasukkan ke dalam Daftar Minit yang disimpan oleh Setiausaha Syarikat yang boleh diakses oleh Lembaga pada bila-bila masa. Untuk memastikan ketepatan dan konsistensi dalam bentuk dan kandungan, penghasilan semula mana-mana bahagian dari minit hanya dapat dilakukan melalui permintaan kepada Setiausaha Syarikat yang akan mengesahkan minit tersebut.

Pada bulan Jun 2020, Lembaga telah melantik Effendy Othman sebagai Setiausaha Syarikat. Sebelum menyertai BIBD, Effendy mempraktikan bidang undang-undang secara swasta di Kuala Lumpur selama 24 tahun, yang mana 10 tahun adalah sebagai rakan kongsi kanan dengan firma undang-undang serantau terbesar di Malaysia dengan kehadiran di semua negara ASEAN. Pelanggan YM Effendy terdiri daripada institusi kewangan tempatan dan antarabangsa, syarikat multinasional, awam dan syarikat awam yang tersenarai.

Di samping bertindak sebagai penasihat dalam pelbagai pertikaian komersial dan korporat, Effendy juga menasihati pelanggan mengenai tuntutan kontrak, pematuhan korporat, pertikaian pemegang saham, perkara yang berkaitan dengan perbankan, penyiasatan pengawalseliaan, penerimaan dan insolvensi korporat. Effendy juga merupakan penasihat utama dalam mendapatkan perintah mahkamah yang berkaitan untuk beberapa latihan penstrukturan semula dan penggabungan syarikat tersenarai awam yang tersenarai dan institusi kewangan di Malaysia.

Effendy adalah setiausaha syarikat bertauliah dengan Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia.

Beliau juga adalah pengarang bersama beberapa penerbitan termasuk *Malaysian Company Law: Principles and Practice* (Edisi ke-2 2018 - Wolters Kluwer), penulis *Malaysian chapter on Asian Conflict of Laws - East and Southeast Asia* (2017 - Wolters Kluwer), dan penyumbang bagi *Malaysia for the Global Perspectives on the Hague principles chapter of the Choice of Law in International Commercial Contracts* (2021 - Oxford University Press).

Effendy lulus dengan penghormatan kelas Pertama dalam undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Universiti Cambridge dan L*ondon School of Economics and Political Science.*

PRINSIP 8

Haruslah ada prosedur yang formal dan telus untuk menetapkan pakej imbuhan ahli Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan, dasar dan amalan imbuhan harus sejajar dengan nilai etika, objektif dan budaya Bank.

Dasar imbuhan untuk Pihak Pengurusan dan kesemua kakitangan Bank berada di bawah penyeliaan dan pengawasan Jawatankuasa Sumber Manusia dan Pencalonan ("***HRNC***") di mana pelaksanaan dasar-dasar ini dilakukan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan ("***HRHCD***"). Anggota *HRNC* terdiri daripada 2 Pengarah Bebas dan 1 Pengarah Eksekutif. Fungsi HRNC dari segi dasar imbuhan antara lain-

- memastikan bahawa dasar imbuhan menyokong objektif, budaya dan strategi Bank;
- imbuhan dan keadaan pekerjaan industri;
- prestasi relatif Bank untuk tahun kewangan yang berkenaan;
- unsur-unsur imbuhan yang berkaitan dengan prestasi perlu membentuk sebahagian besar dari jumlah pakej imbuhan bagi pengarah eksekutif. Walaubagaimanapun, skala gaji harus berada dalam skop dasar perniagaan umum dan bukan semata-mata berdasarkan prestasi jangka pendek untuk mengelakkan insentif bagi pengambilan risiko yang berlebihan;
- untuk menampung semua aspek imbuhan termasuk yuran pengarah, gaji, elaun, bonus, opsyen dan faedah dalam bentuk dan faedah penamatan; dan
- tanggung jawab utama lain yang dinyatakan dalam Terma Rujukan HRNC.


Falsafah bagi imbuhan Bank adalah untuk berdaya saing di pasaran dengan matlamat untuk menarik bakat yang tepat untuk organisasi. Dari segi amalan tempatan dan keperluan berkanun, kami memastikan bahawa kami sejajar, memenuhi keperluan minimum atau lebih baik daripada apa yang telah ditetapkan oleh kedua-duanya. Objektif perniagaan adalah salah satu pengaruh utama dalam memacu dasar pampasan kami.

Nilai bank adalah berdasarkan sejarah dan budaya, yang berasal dari budaya dalaman, persekitaran luaran, dan pasaran yang kita beroperasi di dalamnya.

Dasar imbuhan Bank terutamanya dengan mematuhi amalan terbaik antarabangsa dan terdapat latihan berterusan untuk meningkatkan penyelarasan dasar imbuhan Bank termasuk mandat Lembaga / Jawatankuasa, rawatan terhadap Pengambil Risiko Bahan dan Sistem Pengurusan Prestasi dengan amalan terbaik antarabangsa. Untuk tujuan ini, Bank akan mengambil bahagian dalam tinjauan penanda aras pampasan dan manfaat tahunan terhadap amalan pesaing kami. Dari latihan penanda aras ini, Bank akan dapat menilai di mana organisasi itu berbanding dengan pesaingnya melalui penanda arasnya.

Latihan ini juga menyediakan rujukan kompetitif mengenai kadar pampasan pasaran yang dapat membantu organisasi untuk merumuskan strategi pampasan keseluruhan, membuat keputusan mengenai dasar pampasan semasa, membantu kami menyediakan pakej imbuhan yang tepat untuk pekerjaan baru dan mendiagnosis masalah pampasan.

Dari segi proses penilaian pampasan, Forum Kepemimpinan / Pengurusan Kanan dan semua kakitangan, pampasan mereka adalah berdasarkan amalan pasaran semasa dan mereka di nilai setiap tahun untuk prestasi mereka dan ditimbang dari segi kewangan, bukan kewangan serta pertimbangan tingkah laku. Pertimbangan ini diakses berdasarkan sasaran prestasi yang pada umumnya ditetapkan pada awal tahun kewangan. Ini digambarkan seperti rajah berikut:



Penilaian adalah berdasarkan kriteria berikut:

Kewangan dan Bukan Kewangan	Audit	Kelakuan	Pembelajaran dan Pembangunan
Objektif awda seharusnya memberi hala tuju, keutamaan dan jangkaan yang jelas untuk prestasi serta menjelaskan bagaimana keutamaan awda sejajar dengan perniagaan dan Strategi BIBD. Tetapan objektif boleh dibahagikan kepada Kewangan dan Bukan Kewangan. Objektif ini harus menyediakan asas untuk mengurus dan menilai prestasi awda sepanjang tahun	Seksyen Audit mesti dilengkapkan dan digunakan dan digunakan oleh semua Ketua Bahagian, Ketua Jabatan yang berkaitan dan kakitangan yang memegang tanggungjawab dan tugas dalam memastikan perkara-perkara Seksyen Audit diambil tindakan. Kakitangan yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan seksyen audit dikecualikan daripada melengkapkan bahagian ini.	Ini adalah DIMESTIKAN untuk tujuan menilai tingkah laku dan nilai kakitangan	Kakitangan dan pengurus barisan sama-sama melengkapkan bahagian ini untuk mengenal pasti bidang pembanguhan untuk memberi tumpuan dan membantu kakitangan mencapai prestasi dan / atau aspirasi kerjaya mereka.

Pemberat

50%
Kewangan dan Bukan Kewangan

50%
Audit (sehingga 20%) dan Kelakuan

HRHCD akan mengumpulkan penilaian prestasi yang telah lengkap dari semua bahagian dan unit perniagaan Bank dan akan melakukan latihan moderasi untuk memastikan penilaian keseluruhan yang seimbang yang akan dibentangkan dalam mesyuarat HRNC untuk mendapat kelulusannya.

PRINSIP 9

Lembaga harus memberikan penilaian yang seimbang dan dapat difahami mengenai prestasi, kedudukan risiko dan prospek Bank.

Secara keseluruhan, Lembaga mempunyai pemahaman yang jelas, kemahiran dan pengalaman untuk menilai kedudukan dan prospek risiko prestasi BIBD. Lembaga juga telah menubuhkan rangka kerja tadbir urus kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko yang kuat untuk memudahkan tanggungjawab pengawasan risiko dan kawalannya ke atas Kumpulan BIBD.

Untuk memastikan keselarasan di dalam penghayatan dan pelancaran perlaksanaan strategi perniagaan, selera risiko dan dasar lain sepertimana yang telah diluluskan oleh Lembaga di dalam aktiviti dan operasi perniagaan BIBD oleh Pengurusan Kanannya, Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa 2 peringkat dalam BIBD, iaitu:

1) Jawatankuasa Peringkat Pengurusan:

a) Lembaga
b) AFRC
c) ExCom
d) HRNC

2) Management Level Committees

Jenis Jawatankuasa Peringkat Pengurusan	Penerangan
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi (“***ERMC***”)	Tujuan utama adalah untuk melaksanakan pengawasan risiko secara berpusat, penetapan dasar, perhimpunan maklumat dan komunikasi kepada Lembaga, mengenai risiko penting dan aktiviti pengurusan risiko yang berkaitan, memantau Audit dan Isu Risiko yang terbuka. Di samping itu, Jawatankuasa akan membantu Lembaga dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan yang berkaitan dengan penilaian risiko dan proses pengurusan syarikat. ERMC juga menangani masalah Kecukupan Modal (ICAAP) dan isu Pelan Pemulihan. Mesyuarat ERMC diadakan setiap suku tahun.
Jawatankuasa Risiko Kredit (“***CRC***”)	Jawatankuasa mempunyai kewajiban untuk meluluskan kredit berdasarkan cadangan dari pihak berkuasa masing-masing yang mencadangkan. Kelulusan dibuat selepas pertimbangkan pelbagai perspektif risiko. Kelulusan risiko mesti dibuat dalam sempadan selera risiko BIBD seperti yang dipandu oleh *ExCom* dan Lembaga Pengarah. Mesyuarat CRC diadakan setiap minggu.
Jawatankuasa Liabiliti Aset (“***ALCO***”)	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji semula kecairan, pembiayaan dan posisi dan dasar Kumpulan BIBD, keuntungan dan kecekapan termasuk penilaian dan pengurusan Kunci Kira-kira dan Pengurusan Modal. Mesyuarat ALCO diadakan setiap bulan.

Jawatankuasa Peringkat Pengurusan ini terdiri daripada ahli-ahli Pihak Pengurusan Kanan dan Pengarah Urusan, dan mereka memberikan pandangan dan kelulusan, dan jika perlu, meningkatkan cadangan kepada Jawatankuasa Lembaga yang berkenaan dan seterusnya jika perlu, kepada Lembaga.

PRINSIP 10

Lembaga bertanggungjawab terhadap tadbir urus risiko. Lembaga hendaklah memastikan bahawa pihak Pengurusan Kanan mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap untuk melindungi kepentingan para pemegang saham dan aset Bank dan harus menentukan sifat dan tahap risiko yang penting akan akan diambil oleh Lembaga dalam mencapai objektif strategiknya.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan set Penyata Selera Risiko (RAS) yang menyeluruh untuk memastikan bahawa BIBD kekal dalam ambang Risiko yang boleh diterima.

BIBD juga memiliki Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (***ERMF***) yang berfungsi sebagai pendekatan yang diselaraskan untuk menguruskan risikonya. Struktur tadbir urus yang kuat sama penting untuk memastikan bahawa *ERMF* dapat dilaksanakan dengan berkesan.

odel Pengurusan Risiko Kumpulan adalah berdasarkan pendekatan "**Tiga Barisan Pertahanan**" untuk membendung sebarang risiko dengan mengekalkan proses pemantauan yang berkelanjutan dan pelaksanaan pengawalan masing-masing.

Lembaga pada akhirnya adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti pengurusan risiko BIBD, yang di sokong dari AFRC dan ExCom yang mengadakan sekurang-kurangnya 4 mesyuarat suku tahun, serta SAB yang mengadakan mesyuarat apabila diperlukan.

Di peringkat Pengurusan, pengurusan 19 risiko bagi Kumpulan BIBD yang dijalankan oleh jawatankuasa berikut yang berfungsi dan kekerapan mesyuaratnya adalah telah diperincikan di dalam **Prinsip 9** di atas:

- **ERMC**
- **ALCO**
- **CRC**

PRINSIP 11

Bank haruslah mempunyai fungsi pengurusan risiko yang bebas dan berkesan, di bawah arahan Ketua Pegawai Risiko *(CRO)*, dengan kedudukan, kebebasan, sumber dan akses yang mencukupi kepada Lembaga.

BIBD mempunyai CRO Kumpulan dengan 33 tahun pengalaman berkerja di dalam sektor Perbankan di enam buah negara yang berbeza (Mexico, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Qatar, UAE dan Brunei). Pengalamannya menyumbang selama 23 tahun di bank-bank terkemuka global seperti *Bank of America*, *Chase Manhattan Bank* dan *Citibank*.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan set secara keseluruhan bagi Penyata Selera Risiko (RAS) untuk memastikan BIBD berada di dalam had Risiko yang boleh diterima. Kumpulan juga mempunyai RAS khusus dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) di setiap unit dalam Kumpulan, yang dinilai pada setiap bulan, sebagai sebahagian daripada proses Pengurusan Risiko Operasi.

BIBD telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi ("***ERMF***") sebagai skop atau pendekatan yang diselaraskan untuk menguruskan semua risikonya (19 secara keseluruhan) yang dikaji semula pada setiap suku tahun oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Syarikat ("***ERMC***").

Bagi tahun 2021, Kumpulan BIBD memulakan program Kesedaran / Budaya Risiko yang merangkumi latihan risiko pada setiap dua minggu kepada kakitangan Kumpulan BIBD untuk mewujudkan Kesedaran / Budaya Risiko di kalangan semua ahli komuniti Kumpulan BIBD.

Seni bina mengawalan Risiko Kredit adalah berdasarkan pemantauan yang berterusan yang dijalankan oleh beberapa proses di seluruh Kumpulan BIBD setiap hari, mingguan dan

bulanan. Sebarang pelanggaran mestilah diiktiraf oleh tahap keluluskan masingmasing dan semua isu tersebut akan dibincangkan oleh jawatankuasa masing-masing.

Kumpulan Risiko mempunyai 26 orang kakitangan yang mungkin akan ditambah jika terdapatnya keperluan. Latihan luaran dan dalaman serta bimbingan semasa berkerja yang berterusan disediakan untuk memastikan peningkatan kemahiran dan pengalaman yang berterusan di kalangan kakitangan.

PRINSIP 12

Risiko perlu dikenalpasti, dipantau dan dikawal secara berterusan pada keseluruhan entiti bank dan individu. Kecanggihan pengurusan risiko dan prasarana kawalan dalaman Bank haruslah mengikuti perubahan kepada profil risiko Bank, landskap risiko luar dan amalan industri.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan set secara keseluruhan Penyata Selera Risiko ***(RAS)*** untuk memastikan BIBD berada di dalam ambang Risiko yang boleh diterima. Seperti yang dijelaskan pada Prinsip 11, BIBD telah menyediakan *ERMF* yang mana pelaksanaan yang berkesan hanya akan dapat direalisasikan melalui struktur tadbir urus yang kuat. Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasanya iaitu AFRC adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap keputusan *ERMC* BIBD. AFRC akan mengkaji semula ERMF pada setiap suku tahun.

Sebagai sebahagian daripada struktur tadbir urus, BIBD mempunyai pelbagai dasar / garis panduan di seluruh Kumpulan. Dasar / garis panduan yang berkaitan dengan Risiko di seluruh Kumpulan meliputi bidang-bidang seperti Risiko Kredit, Pasaran, *Middle Office*, Operasi, IT & Siber dan Pengurusan *Capital*, antara lain yang dipantau dengan teliti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga masing-masing dan pengawal selia yang berkaitan.

- Had yang berkaitan dengan kredit di analisa bagi setiap jenis risiko, seperti dibiayai, tidak dibiayai dan pra penyelesaian. Analisis mengambil kira pendekatan kualitatif dan kuantitatif dan digabungkan dengan faktor luaran yang boleh menjejaskan.
- Risiko Kecairan dipantau setiap hari.
- Pengurusan Capital dipantau setiap bulan, di mana Nisbah Kecukupan Capital dikira dan ditekankan dengan menganggap saluran kredit penuh yang tersedia pada masa itu.

Di samping itu, BIBD telah menerima pakai beberapa latihan tekanan seperti *ICAAP* dan Pelan Pemulihan yang dikemukakan kepada BDCB seperti yang diperlukan. Teknik pemodelan berbeza yang ditawarkan oleh *Standard & Poors, Moody's, Bloomberg* dan lain-lain, adalah diterima pakai oleh BIBD untuk menjalankan penilaian risiko yang lebih meluas.

PRINSIP 13

Lembaga Pengarah perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit dengan terma rujukan bertulis yang menerangkan secara jelas kuasa dan tugasnya. Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas dan tidak boleh menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah atau mana-mana jawatankuasa lain.

Pada 19 Januari 2011, Lembaga Pengarah menubuhkan sebuah jawatankuasa audit yang dikenali sebagai Jawatankuasa Audit, Kewangan & Risiko ("**AFRC**"). Syarat rujukan dan perlembagaan AFRC adalah seperti yang diperuntukkan pada Prinsip 1. AFRC mengawasi rangka kerja dan dasar pengurusan risiko Bank. Ini dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam Prinsip 10, 11 dan 12 laporan Tadbir Urus Korporat BIBD.

AFRC Bank terdiri daripada pengarah-pengarah bukan eksekutif yang mana semuanya adalah dianggap bebas. Pengerusi Jawatankuasa ("**Pengerusi**") yang merupakan Pengarah Bebas dilantik oleh Lembaga Pengarah BIBD.

Keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa kecil AFRC telah diterangkan dalam Prinsip 1. Bank juga memastikan bahawa sekurang-kurangnya 1 ahli AFSC adalah akauntan Berkanun dan ahli kepada badan perakaunan (iaitu ahli IFAC) serta sekurangkurangnya 2 ahli mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang pelaporan kewangan, pengurusan risiko atau pengauditan.

Keperluan yang dinyatakan pada Prinsip 13.3 telah dimasukkan ke dalam TOR AFRC.

Mesyuarat AFRC diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan diadakan sebelum mesyuarat Lembaga. Sekiranya terdapat sebarang perbincangan dalam mesyuarat AFRC yang memerlukan kelulusan atau bimbingan dari Lembaga Pengarah, Pengerusi AFRC akan menyampaikan perihal tersebut di mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan atau bimbingan mereka.

PRINSIP 14

Bank perlu menubuhkan fungsi audit dalaman yang berkesan yang mempunyai sumber yang secukupnya dan bebas daripada aktiviti pengauditannya. Fungsi audit dalaman harus memberi jaminan bebas kepada Lembaga dan harus menyokong Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan dalam mempromosikan proses tadbir urus yang berkesan dan kekukuhan jangka panjang Bank.

Audit Dalaman ditadbir oleh Piagam Audit Dalaman. Bahagian Audit Dalaman BIBD melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko (**AFRC**) dan menyediakan jaminan ojektik dan bebas kepada AFRC dan secara muktamad kepada Lembaga Pengarah bahawa kawalan dalaman di antara BIBD dan anak-anak syarikatnya adalah direka dan beroperasi secara efektif.

Audit Dalaman mengamalkan pendekatan berasaskan risiko terhadap audit yang memberi tumpuan kepada bahagian berisiko tinggi di seluruh Bank dan anak-anak syarikatnya dengan kekerapan audit yang berbeza dari satu entiti kepada yang lain. Audit yang dijalankan termasuk pematuhan terhadap Garispanduan BDCB, keperluan perundangan yang berkenaan serta prinsip-prinsip Syara'.

Audit Dalaman melaksanakan Pelan Auditnya bagi 2021 dan menjalankan audit berasaskan risiko Bank dan anak-anak syarikatnya. Pada 2021 Aduit Dalaman akan memperkuatkan fungsi audit dalaman berdasarkan Piawaian Antarabangsa bagi *Professional Practice of Internal Auditing of The Institute of Internal Auditors and its Code of Ethics* dengan mematuhi garis pandu pengawalseliaan Fungsi Audit Dalaman dan Tadbir Urus Korporat untuk Bank. (Prinsip 14)

PRINSIP 15

Lembaga Pengarah Bank adalah bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko pematuhan Bank. Lembaga hendaklah menubuhkan fungsi pematuhan dan meluluskan dasar dan proses Bank untuk mengenal pasti, menilai, memantau, melaporkan dan memberi nasihat mengenai risiko pematuhan.

Bahagian pematuhan BIBD bertindak sebagai penasihat yang dipercayai mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan, pengubahan wang haram, sekatan dan pembiayaan keganasan dan menyokong BIBD dengan melindungi nilai dan imejnya melalui pemantauan transaksi dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian:

1) Pematuhan Peraturan (**RC**) yang merupakan pusat bagi semua hal-ehwal pengawalseliaan melalui penglibatan yang berkesan antara pengawal selia dan Bahagian dalam organisasi BIBD;
2) Dasar, Penasihat dan Latihan ("**FCC PAT**") yang mengawasi pengurusan risiko pematuhan dilaksanakan, menyatakan risiko pematuhan Kumpulan dan menyelaraskan latihan untuk organisasi yang lebih luas untuk memastikan budaya Pematuhan yang berkesan dilaksanakan;
3) Operasi Pematuhan Jenayah Kewangan ("**Fcc Ops**") memastikan pengawasan risiko pematuhan yang berkesan berhubung dengan transaksi; dan
4) Jaminan Pematuhan yang menjalankan pemantauan dan ujian untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap peraturan

Tumpuan bagi Bahagian Pematuhan untuk tahun 2021 adalah memastikan peningkatan berterusan dan penambahbaikan kepada program pematuhan yang melibatkan semakan berterusan terhadap sistem dan platform yang berbeza. Di samping itu, Bahagian ini terlibat secara aktif dalam pengurusan audit yang berkesan dan penglibatan berkaitan audit, dengan tumpuan ke arah mengenal pasti penambahbaikan selanjutnya yang diperlukan untuk memastikan Rangka Kerja Pematuhan yang berkualiti bagi Kumpulan BIBD.

BIBD terus melabur kepada Pematuhan dengan penekanan terhadap latihan dan pensijilan kakitangan Bahagian Pematuhan. BIBD bekerjasama dengan pakar-pakar antarabangsa dalam bidang pematuhan jenayah kewangan terus dilaksanakan dengan tujuan menyelaraskan rangka kerja pematuhan BIBD dengan piawaian global.

PRINSIP 16

Bank harus mengendalikan kesemua pemegang saham 1) secara adil dan saksama, dan 2) harus mengiktiraf, melindungi dan memudahkan pelaksanaan hak pemegang saham dan terus mengkaji semula dan mengemaskini pengaturan tadbir urus tersebut.

Bagi mematuhi R18(1) - (3) dalam SMR 2015, BIBD memastikan bahawa semua maklumat atau perubahan yang relevan dan material di dalam maklumat kewangan, operasi atau perniagaan Bank jelas dinyatakan dalam Laporan Tahunannya.

Berhubung dengan status pemilikan saham BIBD, senarai pemegang saham utama dinyatakan dalam jadual berikut:

Nama pemegang saham	Peratusan saham yang dipegang
Khazanah Satu Sdn Bhd	33.87%
Salam Investments Limited	29.73%
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah	25.24%
Awam	11.16%

Tambahan pula, dalam memastikan ketelusan dan pendedahan sepenuhnya bagi maklumat material termasuk maklumat kewangan Bank dan maklumat yang berkaitan dengan operasi dan perniagaan Bank, para pemegang saham boleh mengakses maklumat ini melalui laman web BIBD yang dikemaskini secara kerap untuk memperlihatkan segala perubahan material apabila ianya berlaku.

Sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk memastikan terdapat penglibatan yang bermakna dan bermaklumat antara para pemegang saham dan Lembaga BIBD di Mesyuarat Agung Tahunan ("**AGM**"), laporan tahunan disediakan di Laman Web BIBD untuk para pemegang saham dua puluh satu (21) hari sebelum mengadakan AGM. Oleh itu, para pemegang saham diberikan peluang yang mencukupi untuk mengkaji laporan tahunan dan penyata kewangan dan menyatakan sebarang kebimbangan atau isu mengenai sebarang aspek yang berkaitan dengan operasi atau pengurusan Bank di AGM.

Di samping itu, BIBD telah meletakkan prosedur yang teratur dan sistematik untuk memastikan bahawa:

1) semua aspek prosedur AGM dijalankan mengikut undang-undang.

2) Pemegang saham yang tidak dapat menghadiri AGM secara langsung berhak untuk melantik proksi untuk menghadiri AGM.

3) Sebelum permulaan AGM secara fizikal, para pemegang saham diberi taklimat dengan betul tentang prosedur pengundian dan seperti yang dijelaskan di atas kemudiannya diberikan peluang untuk bertanya sebarang isu atau kebimbangan yang akan ditangani oleh Pengerusi AGM atau jika diperlukan, oleh ahli-ahli SAB atau Pihak Pengurusan. Apabila AGM tidak dapat dilaksanakan secara fizikal, arahan lengkap berkaitan proses pengundian dan pelantikan proksi adalah dinyatakan dalam notis AGM.

PRINSIP 17

Bank-bank haruslah mengambil peranan aktif di dalam melibatkan para pemegang saham, pendeposit dan pihak berkepentingan berkaitan yang lain dan meletakkan dasar hubungan pelabur untuk menggalakkan komunikasi yang konsisten, berkesan dan adil dengan pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk memastikan komunikasi yang berkesan, telus dan adil dengan pihak berkepentingan, semua maklumat yang berkaitan dengan perubahan material atau perkembangan dalam maklumat kewangan Bank, operasinya dan / atau perniagaan adalah disebarkan melalui pelbagai saluran komunikasi termasuk laman webnya.

Laman web BIBD dikekalkan oleh Pejabat Ketua Pemasaran ("**CMO**") dan sentiasa dikemas kini untuk memastikan bahawa pihak berkepentingan dapat sentiasa mengikuti sebarang perkembangan yang berkaitan dengan maklumat, operasi dan perniagaan kewangan BIBD. Selanjutnya, BIBD juga menyedari akan peranan kritikal bagi platform media sosial yang telah mengambil alih saluran lainnya pada tahuntahun kebelakangan ini dalam penyampaian maklumat. Untuk itu, apabila dianggap sesuai, berita dan notis yang berkaitan dengan operasi, perniagaan dan produknya akan disampaikan kepada pelanggannya melalui platform media sosial rasmi seperti Instagram dan Facebook. Laporan Tahunan BIBD yang diterbitkan setiap tahun

semasa AGMnya memberikan maklumat penting perihal Lembaga dan Jawatankuasanya bagi peranan, fungsi dan tanggungjawab mereka, maklumat yang relevan mengenai prestasi kewangannya untuk tempoh perakaunan yang terdahulu serta memberikan maklumat mengenai inisiatif dan tindakan tadbir urus korporat..

Berkenaan dengan dasar pampasan BIBD, ini telah ditangani di bawah Prinsip 8 Laporan ini manakala pendedahan risiko dan strategi pengurusan risiko telah dijelaskan secara terperinci di bawah Prinsip 9 sehingga 12 Laporan ini.
Berkenaan dengan dasar dividennya, ini telah didedahkan di bawah Nota "Pengurusan *Capital*" dalam Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2021 yang menyatakan seperti berikut:

"Kumpulan dan Bank mempunyai dasar dividen untuk pengagihan dividen yang mengambil kira keperluan Capital, keuntungan disimpan yang tersedia yang boleh diagihkan, kecairan dan faktor lain sambil memastikan pematuhan terhadap undangundang dan peraturan yang sedia ada".

PRINSIP 18

Bank-bank haruslah menggalakkan penyertaan pemegang saham yang lebih besar pada mesyuarat umum para pemegang saham dan memberikan para pemegang saham peluang untuk menyampaikan pandangan mereka mengenai pelbagai perkara-perkara yang mempengaruhi Bank.

Seperti yang dijelaskan dalam Prinsip 16 dan 17, BIBD telah menyediakan tadbir urus yang bercirikan perundangan dan prosedur yang diperlukan untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan para pemegang saham yang bermakna dan bermaklumat di AGM.

Bagi AGM yang dilaksanakan secara fizikal, Pendaftar Saham akan menyediakan informasi kepada para pemegang saham mengenai penggunaan peranti pengundian sebelum bermulanya AGM. Keputusan mengundi pada setiap resolusi, menunjukkan bilangan undi yang akan diumumkan dan dipaparkan semasa AGM. Pada tahun 2021, disebabkan oleh sekatan pandemik COVID-19 bagi perkumpulan ramai, AGM telah diadakan dengan kehadiran proxy yang ditetapkan yang dicalonkan oleh pemegang-pemegang saham untuk hadir bagi pihak mereka. Sebahagian daripada prosedur sebelum AGM, setiausaha syarikat telah memberikan penerangan yang sewajarnya bagi Ahli Lembaga Pengarah sekarang, wakil-wakil pengurusan dan proksi-proksi yang ditetapkan tentang proses AGM.

Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah termasuk wakil-wakil SAB akan hadir secara umumnya di AGM dan bersedia untuk menangani sebarang isu atau kebimbangan yang dibangkitkan oleh para pemegang saham. Juruaudit luar BIBD juga akan hadir di AGM untuk menangani sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan perlakuan audit dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.Untuk AGM 2021, kehadiran secara fizikal adalah terhad kepada proksi yang ditetapkan, dan sebilangan kecil dari Lembaga dan wakil pengurusan sementara selebihnya menghadiri AGM secara maya.

Semua agenda untuk AGM akan dibincangkan dan ditangani secara berasingan. Terdapat resolusi yang berasingan yang diluluskan untuk setiap agenda yang memerlukan kelulusan para pemegang saham. Prosiding AGM termasuk komen atau pertanyaan yang dibangkitkan oleh para pemegang saham akan direkodkan dengan sewajarnya. Setiausaha Korporat ditugaskan untuk menyediakan minit AGM. Pemegang saham berhak meminta salinan minit AGM dan hendaklah disediakan dengan sewajarnya.

PRINSIP 19

Orang yang diperkasakan dengan kuasa untuk membuat keputusan (termasuk pengarah) haruslah sentiasa berhati-hati bagi mengelakkan situasi yang mungkin menimbulkan keadaan konflik kepentingan.

Dasar mengenai Konflik Kepentingan & Kewajipan Fidusiari

BIBD melalui Lembaga Pengarah telah menyediakan Dasar Konflik Kepentingan ("**COI**") yang terpakai di seluruh Lembaga, daripada ahli Lembaga untuk memastikan perniagaannya dijalankan dengan nilai etika dengan telus.

Situasi COI boleh mempengaruhi keupayaan seseorang untuk bertindak secara objektif demi kepentingan BIBD dan mungkin timbul dalam keadaan seperti berikut:

- Di mana mereka mempunyai kepentingan peribadi dan boleh mempengaruhi prestasi di dalam tugasan mereka.
- Ahli dari Lembaga Pengarah atau kakitangan Bank yang menerima sebarang manfaat, ganjaran, imbuhan atau hadiah yang melebihi jumlah adat kebiasaan atau yang boleh diabaikan sama ada dalam bentuk kewangan atau tidak dari mana-mana sumber.
- Tidak mendedahkan sebarang kepentingan kewangan yang dimiliki oleh ahli Lembaga atau kakitangan BIBD sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Ahli Lembaga Pengarah yang mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau proses membuat keputusan berkenaan dengan perkara-perkara di mana terdapat atau keadaan yang berpotensikan COI.
- Apabila struktur laporan dan aliran maklumat di antara Bank dan / atau anakanak syarikat lain boleh membawa kepada kemunculan situasi konflik kepentingan.

Untuk menguruskan situasi COI yang berpotensi, BIBD menpunyai polisi-polisi berikut:

- Dasar Tadbir Urus Korporat Kumpulan BIBD;
- Dasar Pemberian Pinjaman & Hospitaliti Korporat BIBD
- "Fitness and Propriety / Soal Selidik Konflik Kepentingan" yang ditadbir oleh Bahagian HR dan Modal Insan;
- mandat untuk pendedahan penuh oleh mana-mana ahli Lembaga yang mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara mengenai keputusan atau kontrak yang dibuat oleh BIBD akan kepentingan mereka pada mesyuarat pertama Lembaga selepas fakta-fakta yang relevan telah diterima oleh mereka dan pendedahannya akan direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga;

Pelanggaran dasar COI oleh mana-mana pengarah, ahli SAB atau kakitangan adalah dipandang serius oleh BIBD dan BIBD akan mengambil segala tindakan yang perlu untuk melindungi kepentingannya dan pelanggannya terpelihara. Di mana keadaan COI tidak dapat dicegah, ia akan bertanggungjawab untuk menangani dan mendedahkan kepada BDCB mengikut prosedur pemberitahuan BDCB.

Dasar mengenai Transaksi Pihak Berkaitan ("**RPT**")

Sebagai tambahan kepada COI, BIBD mempunyai Dasar RPT yang akan merangkumi mana-mana transaksi atau hubungan kewangan di mana BIBD atau anak-anak syarikatnya adalah peserta, dan pengarah (termasuk penama), pengurus kanan, pemegang saham yang mempunyai 5% saham, keluarga terdekat ahli atau ahli perniagaan utama yang mempunyai atau akan mempunyai kepentingan yang utama secara langsung atau tidak langsung ("**Transaksi Pihak Berkaitan**").

AFRC memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan dan pematuhan yang berkesan dengan RPT kerana ia bertanggungjawab untuk mengkaji, meluluskan, mengesahkan, atau menolak mana-mana RPT.

AFRC akan mengkaji maklumat berikut apabila menilai RPT:

- Terma, kepentingan orang yang berkaitan serta tujuan dan masa bagi transaksi tersebut.
- Sama ada BIBD adalah pihak kepada urus niaga, dan jika tidak, sifat penyertaan Bank dalam urus niaga.
- Sekiranya transaksi itu melibatkan penjualan aset, keterangan aset, termasuk tarikh yang diperoleh dan kos.
- Maklumat mengenai pihak yang berpotensi dalam urus niaga.
- Anggaran nilai kewangan dan kepentingan orang yang berkaitan dalam transaksi.

- Keterangan mana-mana peruntukan atau batasan yang dikenakan akibat daripada memasuki transaksi yang dicadangkan.
- Sama ada transaksi yang dicadangkan mempunyai sebarang isu risiko reputasi yang mungkin timbul akibat atau berkaitan dengan transaksi yang dicadangkan.
- Sebarang maklumat lain yang berkaitan dengan transaksi.

Kecuali dengan kelulusan AFRC, tiada Pengarah atau Pihak Pengurusan boleh melabur dalam entiti pihak ke-3 jika peluang pelaburan yang disediakan kepadanya itu adalah hasil daripada status individu tersebut iaitu sebagai seorang Pengarah atau pengurus kanan BIBD.

AFRC akan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan relevan yang dinyatakan di atas dan akan menilai semua pilihan yang tersedia untuk BIBD termasuk ratifikasi, pindaan atau penamatan RPT tersebut. Jika sekiranya berlaku ketidakdedahan RPT, AFRC boleh merujuk perkara itu kepada Penasihat Am untuk pertimbangan tindakan yang sesuai diambil.

2.2 Badan Penasihat Syariah

Keahlian

Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD adalah:

- YM Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof (Pengerusi)
- YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (Timbalan Pengerusi)
- YM Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin (Ahli)
- YM Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar (Ahli)
- YM Dr Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari (Ahli)

Pelantikan ahli BPS adalah bagi tempoh 3 tahun berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 sehingga 31 Januari 2023.

Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD At-Tamwil (BIBD ATW) adalah:

- YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (Pengerusi)
- YM Pg Dr Md Hasnol Alwee Pg Haji Md Salleh (Ahli)
- YM Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian (Ahli) Pelantikan ahli BPS BIBD ATW adalah bagi tempoh 3 tahun berkuat kuasa mulai 1 September 2020 sehingga 31 Ogos 2023.

Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD Securities (BIBDS) adalah:

- YM Dr Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari (Pengerusi)
- YM Dr Amnisuhailah binti Abarahan (Ahli)
- YM Dr Ahmad Lutfi bin Abdul Razak (Ahli) Pelantikan ahli BPS BIBD ATW adalah bagi tempoh 3 tahun berkuat kuasa mulai 1 September 2020 sehingga 31 Ogos 2023.

Pelantikan ahli-ahli BPS diluluskan oleh Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS) Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi tempoh 3 tahun.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli BPS adalah:

1. Menyelia hal-hal Syariah yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaan Bank.
2. Menghadiri apa jua latihan seperti yang dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa.
3. Menasihati Lembaga dan Pihak Pengurusan mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah agar Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syarak pada setiap masa. Ahli-ahli BPS bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap semua keputusan, pendapat dan pandangan Syariah ang mereka sediakan.
4. Meluluskan polisi dan garis panduan berkaitan Syariah.
5. Menasihati pihak berkaitan seperti Bank, pelanggan, penasihat undang-undang, juruaudit atau perunding mengenai perkara-perkara Syariah apabila diminta.
6. Menyediakan resolusi Syariah bertulis dan/atau pendapat dalam mana-mana keadaan di mana Bank merujuk kepada BPS untuk perbincangan lanjut atau di mana Bank mengemukakan permohonan kepada BDCB untuk kelulusan produk baru.
7. Meluluskan metodologi pengiraan Zakat.
8. Meluluskan penyelarasan pendapatan yang tidak patuh Syarak kepada badan amal.
9. Meluluskan produk dan perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prinsip Syarak yang merangkumi:

   (a) Mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, perjanjian atau dokumen undang undang yang digunakan dalam melaksanakan urus niaga.

   (b) Mengesahkan manual produk, iklan, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan.

10. Menilai kerja-kerja yang dijalankan selaras dengan semakan Syariah dan audit Syariah yang menjadi sebahagian daripada tugas BPS dalam menyediakan penilaian pematuhan Syarak dan jaminan dalam Laporan Tahunan Bank dan Kumpulannya setelah berunding dengan BPS anak anak syarikat Bank.
11. Mengkaji penemuan dan laporan yang dijalankan oleh fungsi semakan Syariah dan audit Syariah bagi memastikan pematuhan terhadap hal-hal tadbir-urus Syariah.
12. Memberi nasihat mengenai perkara-perkara yang akan dirujuk kepada LPKS. BPS boleh menasihati Bank untuk berunding dengan LPKS mengenai hal hal kewangan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.
13. Untuk memberi jaminan tahunan bahawa operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syarak kepada Lembaga Pengarah.

Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli BPS BIBD ATW adalah:

1. Menyelia hal-hal Syariah yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaan BIBD ATW.
2. Menghadiri apa jua latihan seperti yang dikehendaki oleh BIBD ATW dari semasa ke semasa.
3. Menasihati Lembaga dan Pihak Pengurusan mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah agar BIBD ATW mematuhi peraturan dan prinsip Syarak pada setiap masa. Ahli-ahli BPS bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap semua keputusan, pendapat dan pandangan Syariah yang mereka sediakan.
4. Meluluskan polisi dan garis panduan berkaitan Syariah.
5. Menasihati pihak berkaitan seperti BIBD ATW, pelanggan, penasihat undang-undang, juruaudit atau perunding mengenai perkara-perkara Syariah apabila diminta.
6. Menyediakan resolusi Syariah bertulis dan/atau pendapat dalam mana-mana keadaan di mana BIBD ATW merujuk kepada BPS untuk perbincangan lanjut atau di mana BIBD ATW mengemukakan permohonan kepada BDCB untuk kelulusan produk baru.

7.Meluluskan metodologi pengiraan Zakat.

8. Meluluskan penyelarasan pendapatan yang tidak patuh Syarak kepada badan amal.
9. Meluluskan produk dan perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prinsip Syarak yang merangkumi:

   (a) Mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, perjanjian atau dokumen undang undang yang digunakan dalam melaksanakan urus niaga.

   (b) Mengesahkan manual produk, iklan, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan.

10. Menilai kerja-kerja yang dijalankan selaras dengan semakan Syariah dan audit Syariah yang menjadi sebahagian daripada tugas BPS dalam menyediakan penilaian pematuhan Syarak dan jaminan dalam Laporan Tahunan BIBD ATW.
11. Mengkaji penemuan dan laporan yang dijalankan oleh fungsi semakan Syariah dan audit Syariah bagi memastikan pematuhan terhadap hal-hal tadbir-urus Syariah.
12. Memberi nasihat mengenai perkara-perkara yang akan dirujuk kepada LPKS. BPS boleh menasihati BIBD ATW untuk berunding dengan LPKS mengenai hal hal kewangan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli BPS BIBDS adalah:

1. Menyelia hal-hal Syariah yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaan BIBD ATW.
2. Menghadiri apa jua latihan seperti yang dikehendaki oleh BIBDS dari semasa ke semasa.
3. Menasihati Lembaga dan Pihak Pengurusan mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah agar BIBDS mematuhi peraturan dan prinsip Syarak pada setiap masa. Ahli-ahli BPS bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap semua keputusan, pendapat dan pandangan Syariah yang mereka sediakan.
4. Meluluskan polisi dan garis panduan berkaitan Syariah.
5. Menasihati pihak berkaitan seperti BIBDS, pelanggan, penasihat undang-undang, juruaudit atau perunding mengenai perkara-perkara Syariah apabila diminta.
6. Menyediakan resolusi Syariah bertulis dan/atau pendapat dalam mana-mana keadaan di mana BIBDS merujuk kepada BPS untuk perbincangan lanjut atau di mana BIBDS mengemukakan permohonan kepada BDCB untuk kelulusan produk baru.
7. Meluluskan metodologi pengiraan Zakat.

8. Meluluskan penyelarasan pendapatan yang tidak patuh Syarak kepada badan amal.

9. Meluluskan produk dan perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prinsip Syarak yang merangkumi:

   (a) Mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, perjanjian atau dokumen undang undang yang digunakan dalam melaksanakan urus niaga.
   (b) Mengesahkan manual produk, iklan, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan.

10. Menilai kerja-kerja yang dijalankan selaras dengan semakan Syariah dan audit Syariah yang menjadi sebahagian daripada tugas BPS dalam menyediakan penilaian pematuhan Syarak dan jaminan dalam Laporan Tahunan BIBDS.

11. Mengkaji penemuan dan laporan yang dijalankan oleh fungsi semakan Syariah dan audit Syariah bagi memastikan pematuhan terhadap hal-hal tadbir-urus Syariah.

12. Memberi nasihat mengenai perkara-perkara yang akan dirujuk kepada LPKS. BPS boleh menasihati BIBDS untuk berunding dengan LPKS mengenai hal hal kewangan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Kekerapan Mesyuarat

BPS bermesyuarat secara kerap dengan kehadiran minimum sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat yang diadakan pada tahun 2021.

Mesyuarat BPS BIBD pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan (Tempoh)	Mesyuarat BPS	
			Diadakan	Kehadiran
1	YM Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof	Pengerusi (2020-2023)	6	6
2	YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani	Timbalan Pengerusi (2020-2023)	6	5
3	YM Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin	Ahli (2020-2023)	6	6
4	YM Hajah Noraini binti Haji Buntar	Ahli (2020-2023)	6	6
5	YM Dr Haji Aidil Yusri bin Haji Shari	Ahli (2020-2023)	6	6

Mesyuarat BPS BIBD ATW pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan (Tempoh)	Mesyuarat BPS	
			Diadakan	Kehadiran
1	YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani	Pengerusi (2020-2023)	2	2
2	YM Pg Dr Md Hasnol Alwee Pg Haji Md Salleh	Ahli (2020-2023)	2	2
3	YM Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian	Ahli (2020-2023)	2	2

Mesyuarat BPS BIBDS pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan (Tempoh)	Mesyuarat BPS	
			Diadakan	Kehadiran
1	YM Dr Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari	Pengerusi (2020-2023)	2	2
2	YM Dr Amnisuhailah binti Abarahan	Ahli (2020-2023)	2	2
3	YM Dr Ahmad Lutfi bin Abdul Razak	Ahli (2020-2023)	2	2

Ringkasan Mesyuarat pada tahun 2021

BPS telah mengkaji, menasihati dan meluluskan semua cadangan perniagaan termasuk dokumentasi undang-undang untuk produk dan perkhidmatan yang dikemukakan oleh bahagian perniagaan dan anak-anak syarikat BIBD.

Sebanyak 50 cadangan dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat BPS yang diadakan sejak Januari hingga Disember 2021.

No	Cadangan dari Perniagaan dan Anak Syariat	Bilangan Cadangan
1	Kumpulan Perbankan Runcit	7
2	Kumpulan Perbankan Korporat	2
3	Bahagian Perbendaharaan dan Pasaran Global	1
4	Bahagian Audi Dalaman	2
5	Bahagian Kewangan dan Strategi	3
6	Bahagian Syariah	9
7	Bahagian Hubungan Kerajaan dan Projek Khas	2
8	Tanggungjawab Sosial Korporat	2
9	Pejabat Ketua Pegawai Operasi	1
10	Bahagian Undang-Undang dan Setiausaha Korporat	1
11	Bahagina Pengurusan Risiko	4
12	BIBD At-Tamwil Berhad	9
13	BIBD Securities Sdb Bhd	7
Total		**50**

Ringkasan Latihan Ahli-Ahli BPS

Ahli-ahli BPS menghadiri pelbagai forum maya dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka serta memastikan mereka mengikuti perkembangan terkini dalam industri Kewangan Islam.

Bil	Butiran Latihan	Ahli BPS BIBD dan anak-anak Syarikatnya								
		YM Dato Dr Haji Mazanan	YM Dr Abdul Nasir	YM Dr Hjh Mas Nooraini	YM Hjh Noraini	YM Dr Hj Mohd Aidil	YM Dr Ahmad Lutfi	YM Dr Amnisuhailah	YM Pg Dr Hj Mohd Hasnol Alwee	YM Hj Md Syahiran
1	*Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) Conference*					•	•	•	•	
2	*14th Regional Shariah Scholars Dialogue (Muzakarah 2021)*	•	•	•	•	•	•	•	•	•
3	*AAOIFI 19th Shariah Boards Conference*	•	•	•	•	•	•	•	•	•
4	*Shariah Advisory Series II-Islamic Capital Market: Insight and New Innovation*	•		•	•	•	•	•		
5	*Syariah Advisory Series-Putting Theory into Contemporary Applications*			•	•	•	•	•	•	•

CHAPTER 03

Ulasan Tahun 2021


3.1 Ringkasan BIBD 89

3.2 Sorotan Kewangan Kumpulan 90


3.3 Penganugerahan dan Pengiktirafan 91

3.1 Ringkasan Aktiviti BIBD

Pertumbuhan




Pertumbuhan dalam Jumlah Aset Kumpulan




Perbankan Runcit

>250,000

Jumlah Pelanggan Perbankan Runcit



Kadar Penembusan Kad




Pertumbuhan Transaksi Dalam Talian Kad


Perbankan Korporat

>11K

Pelanggan Korporate Tempatan



Pelanggan Korporat adalah PMKS




Kadar Penembusan BizNet (%)



Perkembangan Tahunan Transaksi Digital Perbankan Korporat (%)

Perbankan Digital



Kadar Penembusan Digital



20M

Jumlah Transaksi Perbankan Digital

B$2B

Nilai Transaksi Perbankan Digital

3.2 Sorotan Kewangan Kumpulan

Modal Tier 1 (B$ Juta)

TK2021	1,284.70
TK2020	1,269.88
TK2019	1,263.20
TK2018	1,184.42

Jumlah Aset (B$ Juta)

TK2021	10,570.89
TK2020	9,710.08
TK2019	10,680.67
TK2018	10,061.62

Keuntungan Bersih (B$ Juta)

TK2021	149.17
TK2020	136.03
TK2019	155.37
TK2018	147.90

Jumlah Pendapatan (B$ Juta)

TK2021	316.96
TK2020 (FS)	328.86
TK2019	342.91
TK2018	325.86

Pulangan Ke atas Ekuiti

TK2021	11.6%
TK2020	10.7%
TK2019	12.3%
TK2018	12.5%

Pulangan ke Atas Aset

TK2021	1.4%
TK2020	1.4%
TK2019	1.5%
TK2018	1.5%

Nisbah Kecukupan Modal

TK2021	20.5%
TK2020	20.0%
TK2019	18.3%
TK2018	17.2%

Nisbah Kos Berbanding Pendapatan

TK2021	44.9%
TK2020	43.0%
TK2019	39.5%
TK2018	40.0%

Nisbah Pembiayaan Tertunggak Bersih (%)

TK2021	2.0%
TK2020	2.5%
TK2019	1.9%
TK2018	1.9%

Jumlah Simpanan (B$ Juta)

TK2021	8,949.94
TK2020	7,486.12
TK2019	8,988.88
TK2018	8,172.66

Jumlah Pembiayaan (B$ Juta) - Kasar

TK2021	4,246.69
TK2020	4,076.46
TK2019	4,066.74
TK2018	3,754.90

Nisbah Pembiayaan Berbanding Simpanan

TK2021	47.4%
TK2020	54.5%
TK2019	45.2%
TK2018	45.9%

3.3 Penganugerahan dan Pengiktirafan

Anugerah dan Pengiktirafan Antarabangsa

Pada tahun 2021, kami menerima beberapa penghargaan daripada penerbitan antarabangsa yang terkenal.

Setiap anugerah adalah bukti komitmen kami untuk menyampaikan kecemerlangan kepada pemegang saham dan pelanggan kami, sebagai sebahagian daripada nilai kami. Akreditasi ini sangat penting sebagai usaha supaya pencapaian kami disahkan oleh pakar industri bebas dan untuk memastikan kami kekal teguh dalam semua aspek perniagaan dan tadbir urus jika dibandingkan dengan landskap industri di peringkat serantau dan global.

Kami akan terus mendapatkan penilaian dan akreditasi bebas ini sebagai salah satu usaha kami untuk menajdi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik.

A- S&P Global Ratings

Penilaian A- dari S&P Global (Sejak 2015)

Pensijilan ISO 9001:2015

PRI Principles for Responsible Investment

Menandatangan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

The Banker Bank of the Year 2021 BRUNEI

The Banker
Bank Terbaik Tahun 2021

Asset Triple A Asian Awards 2021 Islamic Finance

The Asset Triple A
Pengurus Aset Islam Terbaik 2021

Best Bank Award 2021 Global Finance

Global Finance
Bank Terbaik di Brunei 2021

Best Islamic Financial Institutions 2021 Global Finance

Global Finance
Institusi Kewangan Islam Terbaik di Brunei 2021

Best Islamic Financial Institutions 2021 Global Finance

Global Finance
Bank Paling Selamat di Brunei 2021

The Asian Banker Excellence in Retail Financial Services International Awards 2021 Best Retail Bank, Brunei

The Asian Banker
Bank Runcit Terbaik 2021

The Asian Banker Strongest Banks 2021 by balance sheet

The Asian Banker
Bank Terkukuh mengikut Penyata Imbangan 2021



Global Good Governance Award
Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik



Global Good Governance Award
Inisiatif Pembangunan Masyarakat Terbaik



Employee Experience Award (Bronze) Program Pembangunan Siswazah Latihan Terbaik

Best of the Best Awards 2021 Asia Asset Management

Asia Asset Management
Best of the Best Award
Rumah Institusi Terbaik

Best of the Best Awards 2021 Asia Asset Management

Asia Asset Management
Best of the Best Award
Pendidikan Pelabur Terbaik

Best of the Best Awards 2021 Asia Asset Management

Asia Asset Management
Best of the Best Award
Rumah Dana Islam Terbaik

Best SME Bank Brunei 2021 Finance

Global Banking & Finance Review
Bank PKS Terbaik

Best CSR Bank Brunei 2021 Finance

Global Banking & Finance Review
Bank TSK Terbaik

BAB 04

Menyokong Negara

4.1 Ke Arah Masa Depan yang Lebih Mampan 93

4.2 Mendokong Komitmen Serantau Brunei 98

4.3 Bersama-Sama Meratakan Lengkungan 103

4.4 Mengongsikan Rezeki Kami 105

4.1 Ke Arah Masa Depan yang Lebih Mampan

Kemampanan adalah nilai asas utama yang akan menentukan dan membentuk masa depan kita. Dengan pergerakan global dan meningkatnya kesedaran mengenai peralihan kepada ekonomi yang mampan, BIBD, melalui Rangka Kerja Kemampanan, akan berusaha untuk menjadi pemangkin perubahan bagi negara, dengan menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab dan berusaha secara aktif untuk menjadikan dunia lebih baik dan lebih hijau.

Komitmen Kepada Kemampanan

Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, BIBD sentiasa aktif menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai aspirasi negara dalam membangunkan ekonomi yang dinamik dan mampan. Sebagai institusi kewangan terbesar di Negara Brunei Darussalam, BIBD akan sentiasa menjadi pemimpin pemikiran dan pemangkin perubahan.



SCENE SETTING PANEL DISCUSSION ON ASEAN

Pada bulan Oktober, semasa Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN, BIBD dan anak-anak syarikatnya mengumumkan permulaan perjalanan yang akan membawa pihak Bank lebih dekat lagi dalam mengukuhkan prinsip Maqasid Syariah, melalui Rangka Kerja Kemampanan BIBD atau *BIBD Sustainability Framework*.

Rangka Kerja Kemampanan BIBD memang sejajar dengan Maqasid Syariah — prinsip dan nilai asas yang menjadi panduan BIBD sebagai institusi kewangan Islam — dan prinsip-prinsip kemampanan yang lebih meluas, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Sustainable Development Goals (UN SDG)*. Menyokong prinsip-prinsip ini juga sejajar dengan prinsip 'Berjiwa Brunei yang sentiasa bertujuan untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan masyarakat kita.

Rangka kerja ini menandakan fokus dan keputusan strategik pihak Bank untuk menyokong komitmen yang lebih luas terhadap kemampanan dan akan diintegrasikan ke dalam strategi perniagaan BIBD secara keseluruhannya melalui tiga tunggak iaitu Perlindungan Alam Sekitar, Keusahawanan Bertanggungjawab dan Impak Sosial Inklusif.

Dengan usaha bersepadu Kumpulan Transformasi Kemampanan, BIBD mensasarkan komitmen **sebanyak B$2 bilion ke arah pembiayaan kemampanan menjelang tahun 2030**. Melalui komitmen sasaran dan Rangka Kerja Kemampanan, BIBD berusaha untuk menerajui amalan dan aktiviti perniagaan di pasaran domestik terutamanya di kalangan pihak swasta, yang disokong oleh pendigitalan, pembiayaan kemampanan, pendidikan komuniti dan kemasukan sosial.

Pihak BIBD juga bepeluang untuk mempamerkan komitmen dan usaha ke arah kemampanan semasa Majlis Ramah Mesra & Bersama Rakyat bagi daerah Brunei Muara ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda telah dipersembahkan dengan pelbagai inisiatif perniagaan dan program kelestarian korporat yang sejajar dengan UN SDG, dengan 9 bidang tumpuan utama, khususnya SDG 1 (Tiada Kemiskinan), 2 (Tiada Kelaparan), 3 (Kesihatan Yang Baik dan Kesejahteraan), 4 (Pendidikan Berkualiti), 8 (Pekerjaan Layak dan Pembangunan Ekonomi), 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), 13 (Tindakan Iklim) dan 17 (Kerjasama Bagi Matlamat).

Dalam usaha ke arah masa depan yang lebih mampan, BIBD komited untuk bekerjasama dengan masyarakat bagi menyokong kesemua UN SDG. Matlamat-matlamat ini memang sudah sejajar dengan amalan perbankan dan aktiviti tanggungjawab korporat BIBD, dan pihak Bank terus berazam untuk meningkatkan usaha bagi mempercepatkan pencapaian matlamat ini dalam masa terdekat.

Selaras dengan kepercayaan bahawa pemerkasaan belia dan pendidikan adalah elemen utama kemampanan, BIBD juga terus menyokong inisiatif-inisiatif belia yang bertujuan untuk mencapai matlamat nasional - iaitu Wawasan Brunei 2035, serta isu-isu global yang ditangani dalam UN SDG.



Memastikan Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab: Brunei Bebas Plastik







BIBD terus meningkatkan usaha dalam menggalakkan amalan hijau di kalangan orang ramai melalui inisiatif Brunei Bebas Plastik atau *Plastic Free Brunei*. Dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pihak Bank mengagihkan lebih 1500 keping beg guna semula di Gerai Ramadhan yang terletak di Stadium Negara Nasional Hassanal Bokiah dan Jalan Bendahara.

Penyerahan dan pengagihan beg guna semula tersebut adalah secara langsung menyokong SDG 12 iaitu memastikan penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab. Pada masa yang sama, BIBD juga berharap dapat mendokong usaha Kerajaan dalam mencapai UN SDG dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dari segi amalan perniagaan, BIBD telah mengambil beberapa langkah ke arah memenuhi SDG 12 dengan usaha untuk mengurangkan penggunaan kertas dan menyokong amalan bebas plastik. Pihak Bank telah memberhentikan langganan akhbar bercetak dan menukar kepada langganan digital. Pada bulan April, promosi *Go Green* dilancarkan untuk menggalakkan pelanggan beralih daripada penyata kertas kepada penyata secara digital. Pelanggan juga diberi

insentif dengan hadiah cabutan bertuah berupa peralatan Apple dan Samsung terkini.

Pihak Bank juga berusaha mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dengan menggantikan botol air plastik di Ibu Pejabat BIBD dengan botol air kaca dan boleh diguna semula.

Tahun ini, BIBD juga mula mengurangkan cetakan dan risalah, dengan memastikan penggunaan secara *digital* di mana mungkin. Pihak Bank kini menyediakan risalah digital yang dapat diakses melalui kod QR di setiap cawangan, jerayawara dan acara. Kalendar, buku serta paket Hari Raya kini dicetak menggunakan kertas kitar semula, dengan tong kitar semula disediakan di cawangan-cawangan tertentu untuk menggalakkan pihak pelanggan mengitar semula bahan-bahan tersebut.

Kehidupan Dalam Air: *Coastal Marvel*



Lebih 180 wakil BIBD mengambil bahagian dalam kempen kebersihan persisiran pantai bagi serpihan laut (*marine debris*) dalam sama-sama menyokong acara *Coastal Marvel* yang diadakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.

Acara tersebut adalah kolaborasi antara Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan dan BIBD dan bertujuan untuk mendokong usaha Kerajaan dalam mencapai UN SDG; iaitu SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), SDG13 (Tindakan Iklim), SDG14 (Kehidupan dalam Air) ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat serta menyertai kempen berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Isham bin Haji Jaafar selaku pengerusi-pengerusi bersama Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kedua, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah selaku pengerusi BIBD dan anak syarikatnya.

Sebanyak 2,785.5 kilogram sampah dikutip dari Pantai Muara, Pantai Lumut dan Pantai Danau dimana 1,309.5kg daripadanya adalah botol plastik, 619.5kg adalah sisa plastik am dan 853.5kg adalah sampah lain.

Sebanyak 2,826 kilogram lagi serpihan marin termasuk 1,957 kilogram botol plastik dikumpulkan selepas kempen kebersihan Pantai di Pantai Meragang, yang juga dianjurankan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di bawah Kementerian Pembangunan dengan kerjasama BIBD.



4.2 Mendokong Komitmen Serantau Brunei

"We Care, We Prepare, We Prosper": Negara Brunei Darussalam sekalu Pengerusi ASEAN

2021 menandakan peristiwa bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam ketika negara mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 dan Sidang Kemuncak Berkaitan. Membawa tema *"We Care, We Prepare, We Prosper"*, sidang kemuncak itu berusaha untuk menyatukan negara-negara anggota ASEAN dan rakan-rakan dialog untuk memanfaatkan sifat penyayang rakyat di rantau ini, mempersiapkan ASEAN untuk masa depan pasca pandemik, dan menjana kemakmuran ekonomi yang mampan di rantau yang dihuni kira-kira 660 juta penduduk.

Sebagai Pengerusi ASEAN untuk 2021, tumpuan utama Negara Brunei Darussalam adalah kepada tiga bidang keutamaan, iaitu: menjaga kesejahteraan rakyat dan kesejahteraan setiap orang; bersedia untuk peluang dan cabaran masa depan; dan makmur bersama-sama di wilayah yang bersatu.

Sebanyak 13 pencapaian ekonomi utama atau *Priority Economic Deliverables* (PED) telah disokong, jatuh di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang berlabuh di tiga teras strategik iaitu Pemulihan, Pendigitalan dan Kemampanan. PED juga berusaha untuk memacu agenda integrasi ekonomi ke hadapan dengan usaha pemulihan ASEAN. Sehingga kini, tujuh PED telah dilaksanakan.



Membangun Masa Depan Digital yang Mampan

Sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021, Negara Brunei Darussalam diberikan penghormatan untuk memimpin rantau ini ke arah pemulihan ekonomi. Dengan tema *'We Care, We Prepare, We Prosper'*, ASEAN menekankan komitmen ASEAN secara kolektif dalam menjaga penduduknya dan bersedia menghadapi cabaran dan peluang masa depan dengan matlamat memastikan seluruh Komuniti ASEAN boleh makmur secara mampan... Dibawah Komuniti Ekonomi ASEAN, 13 *Priority Economic Deliverables* bagi Negara Brunei Darussalam menunjukkan keazaman untuk memfokuskan usaha yang dapat menyumbang kepada usaha pemulihan ekonomi, antara lainnya melalui pemanfaatan teknologi terkini dan pendigitalan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lestari di ASEAN

Titah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** pada pada Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ASEAN Business and and Investment Summit) 2021



Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ABIS) telah diadakan secara maya, mengumpulkan para Ketua Negara, Presiden, Perdana Menteri serta pemimpin perniagaan dan pemikiran untuk membincangkan cabaran dan peluang yang dihadapi rantau ini bagi tahun-tahun akan datang. Menyampaikan ucaptama pada pembukaan ABIS, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyentuh bagaimana, dalam memerangi pandemik COVID-19, adalah lebih penting bagi negara anggota ASEAN dan rakan dialognya untuk meningkatkan perpaduan dan kerjasama, dan menggalakkan penglibatan berterusan antara sektor swasta dan awam.

Dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC), Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021 berlangsung berlatarbelakangkan pandemik yang menyebabkan dunia terhenti, memikirkan semula model perniagaan dan kontrak sosial dan mempertimbangkan semula masa depan kerja dan pendidikan.


BIBD memainkan peranan sebagai Penaja Bersama untuk Sidang Kemuncak Pelaburan Perniagaan ASEAN, dalam menyokong ASEAN-BAC melalui siri mesyuarat dan perbincangan yang diadakan sebagai sebahagian daripada sidang kemuncak tersebut, dan menjadi salah satu pemain utama dalam menyokong kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035, sejajar dengan peranan pihak Bank sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, dan memajukan objektif negara dalam mencapai UN SDG.



Tema sidang kemuncak tahun ini sangat selaras dengan nilai-nilai BIBD sebagai institusi kewangan Islam. Dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian ABIS, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar mencerminkan transformasi dan kemampanan digital sebagai antara peluang utama yang muncul dari pandemik ini, ketika rantau mula muncul dari pandemik COVID-19 dan berusaha untuk membina semula ekonomi mereka dalam dunia pasca COVID.

Semasa Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN, BIBD juga mengumumkan komitmen sasaran sebanyak B$2 bilion ke arah pembiayaan kemampanan menjelang tahun 2030, sebagai salah satu usaha dibawah Rangka Kerja Kemampanan BIBD.

FinTech dan Celik Kewangan: Elemen Penting untuk Kesejahteraan Masyarakat



Dari sudut Islam, celik kewangan adalah kemahiran kritikal yang diperlukan untuk setiap individu bagi memenuhi tanggungjawab ugama. Justeru itu, institusi kewangan memainkan peranan penting dalam mendidik individu, menegakkan keadilan dan menggalakkan kebajikan yang selaras dengan Maqasid Syariah.

Yang Mulia Hjh Noraini binti Hj Sulaiman
Timbalan Pengarah Urusan

Antara isu yang diketengahkan semasa perbincangan ialah peranan penyelesaian kewangan digital dalam memastikan penyampaian yang inklusif dan mampan, baik di Brunei mahupun di rantau ASEAN.

Sesi maya setengah hari itu menampilkan perbincangan panel yang memberi tumpuan kepada pelaburan FinTech, alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan literasi kewangan digital.

Timbalan Pengarah Urusan, Hjh Noraini binti Hj Sulaiman, salah seorang ahli panel dalam perbincangan bertajuk 'Peranan Literasi Kewangan dalam Kemakmuran Ekonomi ASEAN', menjelaskan bahawa literasi kewangan dari sudut kewangan Islam adalah komponen teras dalam kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Anugerah Perniagaan ASEAN 2021: *Recover, Strong, Together, Sama-Sama.*



Walaupun pandemik ini masih belum berakhir, BIBD berharap usaha berterusan kami akan mewujudkan asas untuk pemulihan yang mampan, berdaya tahan dan inklusif untuk semua. Harapan kami adalah semua perniagaan yang diraikan di sini akan berada di kedudukan yang lebih baik, untuk memanfaatkan dengan berkesan segala kemungkinan yang wujud dalam pemulihan pasca COVID-19, dan terus memenangi pasaran mereka apabila kepastian dan kestabilan kembali.

Yang Mulia Hjh Noraini binti Hj Sulaiman
Timbalan Pengarah Urusan

Tahun ini, pihak penganjur menyedari perjuangan perniagaan yang telah terkesen akibat daripada pandemik COVID-19 dan menterjemahkannya ke tema Anugerah Perniagaan ASEAN (ABA) 2021 iaitu *"Recover, Stronger, Bersama-sama, Sama-Sama"*. Anugerah ini merupakan pendekatan strategik supaya perniagaan dapat bertahan semasa pandemik kerana ia meningkatkan kehadiran mereka dan meningkatkan kredibiliti antara komuniti perniagaan serantau dan global.

Antara objektif ABA adalah untuk mengetengahkan syarikat-syarikat ASEAN yang mampu berdaya saing di peringkat global yang boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat ASEAN, di samping memberi tumpuan kepada PKS yang berpotensi menjadi pemain global.

Sebagai Penaja Bersama ABIS, BIBD berbesar hati dapat memainkan peranan dalam menyokong ABA, yang objektifnya untuk menyokong pembangunan PKS sejajar dengan pihak BIBD.

Timbalan Pengarah Urusan, Hjh Noraini binti Hj Sulaiman menyampaikan anugerah sektor Integrasi Keutamaan: Anugerah Kewangan, dan menyampaikan Anugerah Khas Brunei: Perusahaan Sosial Baru Muncul kepada inisiatif CSR BIBD sendiri, Community for Brunei.

Bersempena dengan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN 2021, Anugerah Khas Brunei ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada NGO di rantau ASEAN yang memainkan peranan penting dalam mempromosi dan memacu pembangunan sosial, alam sekitar dan masyarakat di peringkat kebangsaan dan serantau.

Antara kriteria anugerah tersebut adalah visi dan hala tuju strategik yang cemerlang; kepimpinan dan pengurusan organisasi yang jelas; menunjukkan kemampanan dari segi keuntungan dan pertumbuhan; kesedaran jenama dan output komunikasi yang baik; mampu menunjukkan pendekatan kreatif bagi menyelesaikan masalah; operasi dan mewujudkan kesan sosial dalam menangani keperluan sosial di seluruh ASEAN.

4.3 Bersama-Sama Meratakan Lengkungan

Pada 7 Ogos 2021, timbulnya kes-kes tempatan pertama setelah 457 hari tanpa sebarang kes tempatan COVID-19, yang menjadi permulaan gelombang kedua pandemik yang berlarutan sehinggalah ke hari ini.

Pihak Kerajaan segera memperketatkan semula langkah-langkah pengawalan sebagai usaha mengawal wabak ini daripada terus merebak.

Mengutamakan Kesihatan dan Kesejahteraan Kakitangan, Pelanggan dan Orang Ramai

Kakitangan mustahak atau *essential staff* segera ditempatkan di tapak BCP di Mentiri dan Ibu Pejabat, untuk memastikan perniagaan kekal berterusan disamping menjamin keselamatan kakitangan BIBD. Pengaturan Kerja Dari Rumah atau *Work From Home* (WFH) juga dilaksanakan, selaras dengan panduan kapasiti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pada permulaan gelombang kedua, 844 kakitangan bekerja dari rumah atau WFH, manakala 253 pekerja mustahak yang terdiri daripada barisan hadapan dan fungsi sokongan kekal berkerja di pejabat secara fizikal, bersedia untuk berkhidmat kepada pelanggan kami.

Pihak Bank juga mengurangkan cawangan yang beroperasi dan menghadkan waktu perbankan sebagai salah satu langkah untuk menyokong usaha kerajaan dan mengurangkan risiko jangkitan di kalangan kakitangan dan pelanggan kami. Cawangan-cawangan juga mula beroperasi lebih awal semasa waktu-waktu tertentu, khas untuk pesara dan warga tua. Ini bertujuan, antara lain, untuk mengurangkan kesesakan di cawangan dan melindungi golongan yang berisiko tinggi dari jangkitan.

Pada bulan Disember, dengan bermulanya fasa awal endemik, seramai 723 kakitangan kembali bekerja di pejabat secara fizikal, sementara mereka yang dianggap berisiko tinggi terus bekerja dari rumah.

Pihak Bank juga mempraktikkan Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum memasuki mana-mana premis Bank bagi semua kakitangan, dan memperkenalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai pemakaian sungkup muka dan penjarakan sosial.


Sebagai langkah perlindungan tambahan, pihak BIBD terus menggalakkan semua kakitangan untuk mendapatkan vaksin COVID-19. Sehingga akhir tahun 2021, 99.82% kakitangan telah divaksinasi sepenuhnya.





Menyokong Tabung Bantuan COVID-19

Dalam semangat perpaduan dan sokongan nasional, BIBD juga memanfaatkan perkhidmatan digital untuk memudahkan sumbangan kepada Tabung Bantuan COVID-19. Orang ramai boleh menderma terus ke dalam Tabung Bantuan COVID-19 dengan mengimbas kod QR melalui BIBD NEXGEN Wallet, tanpa perlu memasukkan nombor akaun secara manual. Pelanggan Progresif Pay juga boleh menggunakan kod QR untuk menderma terus dari aplikasi Progresif Pay.



Go Cashless! Go Digital!

Dalam usaha untuk mengurangkan impak COVID-19 kepada pelanggan kami, pihak Bank meneruskan kempen *Go Cashless! Go Digital!* untuk menggalakkan tabiat perbankan digital dan tanpa tunai yang boleh didapati di dalam perkhidmatan BIBD NEXGEN.

BIBD juga berusaha menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk menerima pakai kaedah pembayaran tanpa tunai semasa pandemik terutama sekali penggunaan QuickPay. Syarikat-syarikat besar juga digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan BizNet, terutamanya dari segi perkhidmatan pembayaran gaji, untuk meningkatkan transaksi digital mereka.



4.4 Mengongsikan Rezeki Kami

Memenuhi Tanggungjawab Kami

Pihak BIBD dan anak-anak syarikatnya menunaikan tanggungjawab kami sebagai sebuah perniagaan dengan menyerahkan zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2020 dan Zakat Wang Simpanan Pelanggan BIBD kepada Majlis Ugama Islam Brunei.

BIBD menyerahkan zakat perniagaan berjumlah B$1,894,504.82 dan Zakat Wang Simpanan Pelanggan BIBD sebanyak B$592,132.17 hasil kutipan dari 15 Mei 2020 hingga 21 April 2021.

Zakat ini diperoleh daripada kewajipan yang dibayar oleh bank dan pelanggannya. Sebagai salah satu usaha untuk membantu pelanggan beragama Islam memenuhi kewajipan tersebut, BIBD menyediakan kemudahan kepada pelanggan untuk membayar Zakat bagi wang simpanan di semua cawangan di seluruh negara.



Membantu Golongan yang Kurang Bernasib Baik

Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, BIBD menyumbang B$209,850.00 kepada kira-kira 4000 anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (JAPEM). Selaras dengan garis panduan COVID-19, pengagihan sumbangan dilakukan secara berasingan di lapan tempat yang berbeza, untuk mematuhi garis pandu penjarakan fizikal.

Menyampaikan sumbangan di Kompleks Sukan Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan adalah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut serta dalam majlis tersebut ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

Sementara itu, satu lagi majlis diadakan serentak di Dewan Komuniti Kampung Mentiri yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan, Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Urusan 1 BIBD, Yang Mulia Hajah Noraini binti Haji Sulaiman.



Sumbangan kepada anak-anak yatim ini adalah sebahagian daripada acara tahunan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Pejabat Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta BIBD. Acara tersebut biasanya diadakan pada bulan Ramadhan dan diharap dapat meringankan beban kewangan keluarga yang membuat persiapan untuk musim perayaan yang akan datang.



BIBD terus menjadi rakan strategik utama bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam pelbagai inisiatif berasaskan komuniti. Sokongan BIBD yang tidak berbelah bahagi kepada agensi kerajaan, digabungkan dengan inisiatif CSR berterusan pihak bank adalah sebahagian daripada komitmen bank sebagai Rakan Kongsi Kemajuan dalam sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035.



Penyerahan sumbangan juga sejajar dengan sokongan BIBD terhadap Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), menangani kemiskinan sifar dan pengurangan ketidaksamaan dalam masyarakat.

BIBD juga menyerahkan B$14,900 kepada seramai 37 pelajar dibawah Skim Anugerah Galakan Pelajar Cemerlang 2020. Menyerahkan sumbangan tersebut bagi pihak BIBD adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia



Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah yang juga Pengerusi BIBD dan anak syarikatnya.

Penerima terdiri daripada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mendapat keputusan akademik cemerlang dalam Peperiksaan Am pada tahun 2020.

2 Pelajar GCE A'Level menerima akaun simpanan BIBD bernilai B$800 setiap seorang, manakala 11 pelajar GCE O'Level menerima akaun simpanan BIBD bernilai B$500. Sementara itu, 3 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Peperiksaan Ugama Brunei dan 21 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah juga menerima insentif kewangan di bawah skim ini.

Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, BIBD komited untuk memenuhi Maqasid Syariah, yang menekankan pemeliharaan dan promosi iman, kehidupan, minda, keturunan dan kekayaan. Melalui nilai-nilai teras dan aktiviti perniagaan, BIBD akan mengambil langkah untuk menegakkan nilai-nilai tersebut, dan sama-sama mendokong usaha Kerajaan untuk mencapai UN SDG dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Insentif ini secara langsung menyumbang kepada SDG 4, untuk mencapai pendidikan berkualiti tinggi untuk semua.



Meningkatkan Semangat Komuniti melalui Sirah Amal

BIBD juga meneruskan aktiviti tahunan Sirah Amal untuk kali ke-11 dalam semangat menyambut bulan Ramadhan yang mulia.

Kakitangan bank masing-masing menziarahi rumah keluarga penerima untuk menyumbang bantuan dan sumbangan berupa barangan keperluan rumah, keperluan solat, barangan Hari Raya dan lain-lain untuk menyokong persiapan pada bulan Ramadan dan Syawal yang akan datang. Sirah Amal ke-11 bermula dengan lawatan ke keluarga di Daerah Brunei-Muara dan diperluaskan ke keempat-empat daerah.

Disebabkan COVID-19, semua kakitangan bank mematuhi langkah-langkah pencegahan termasuk penjarakan sosial/ fizikal. Semasa aktiviti amal, hanya dua kakitangan ditugaskan untuk menyerahkan sumbangan kepada keluarga.



Memperingati Hari Raya Aidil Adha

Pihak bank juga mengadakan majlis Ibadah Korban bagi memperingati Hari Raya Aidil Adha di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen di Kampung Mulaut. Sebanyak tiga ekor lembu telah dikorbankan dan daging tersebut diagihkan kepada 20 keluarga yang kurang bernasib baik dan penuntut-penuntut BIBD ALAF.





BAB 05

Menyokong Industri

5.1 Membantu Perniagaan Membina Semula Dengan Lebih Kukuh dan Mampan 109

5.2 Memperkenalkan Pelaburan Mampan ke Pasaran Tempatan 110

5.3 Memperkasakan Masa Depan dengan Kemampanan &Digitalisasi 111

5.1 Membantu Perniagaan Membina Semula Dengan Lebih Kukuh dan Mampan

Pada bulan Disember 2021, pihak BIBD melancarkan jenama "SME 360°" yang telah diberi nafas baru dan beberapa fokus yang lebih strategik. Pembaharuan berkenaan adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada komuniti perniagaan melalui visi dan misi yang lebih meluas serta siri inisiatif termasuk platform laman web mikro baharu dan kempen penglibatan komuniti yang bertujuan membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pulih daripada kesulitan berkaitan pandemik yang dihadapi sejak dua tahun kebelakangan ini.

Melalui Siri SME 360, BIBD berharap dapat membantu dalam pertumbuhan senario keusahawanan yang lebih rancak, dinamik dan mampan dan pada masa yang sama, memainkan peranan dalam pemulihan mampan perniagaan kecil di Brunei, selaras dengan peranan bank sebagai Rakan Kongsi Kemajuan.

Kempen berkenaan juga menampilkan pelancaran laman mikro baharu yang disasarkan untuk dibuka pada Januari depan, siri 10 bahagian ceramah maya dan forum rangkaian khusus industri, dan program penglibatan komuniti selama tiga bulan yang melibatkan pelbagai kumpulan komuniti dari semua peringkat umur.

Mengemukakan 10 industri utama di mana syarikat permulaan tempatan, termasuk makanan dan minuman, industri perkhidmatan, pendidikan, kecergasan, pelancongan, pembinaan dan minyak dan gas, platform SME 360 akan menggunakan *microsite* baharu untuk berfungsi sebagai *startup toolkit dan knowledge hub* yang menyediakan maklumat, direktori dan panduan tentang cara menavigasi ke arah menubuhkan dan melestarikan perniagaan di Brunei. Dengan memasukkan maklumat yang berguna, BIBD berharap dapat membantu mengurangkan beberapa kesukaran yang dihadapi oleh syarikat permulaan dan memperkasakan lebih ramai belia Brunei untuk membangunkan usaha perniagaan yang berjaya.

Melalui inisiatif ini, pihak BIBD telah bekerjasama dengan beberapa syarikat *startup* tempatan untuk menjayakan idea tersebut. Konsep inisiatif ini dihasilkan dengan kerjasama syarikat pemasaran strategik Firelight Sdn. Bhd. manakala Curious Minds Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang berpengalaman dalam acara kepimpinan pemikiran dan rangkaian akan menjalankan siri forum maya. Beberapa pemilik perniagaan, pemimpin pemikiran, pakar industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan telah diundang untuk membincangkan cabaran bersama, berkongsi amalan terbaik, bertukar pandangan pasaran untuk mewujudkan peluang perniagaan di dalam dan di luar Brunei.

Usaha kolaboratif ini juga menggunapakai pengalaman Community for Brunei, perusahaan sosial komuniti BIBD yang ditubuhkan pada hari-hari awal gelombang pertama untuk membantu perniagaan kecil mencapai pangkalan pelanggan mereka secara digital dan jauh. Beberapa acara penglibatan yang bertujuan untuk mendedahkan peluang baru kepada orang ramai untuk membina kemahiran, projek eko dan program kesihatan akan diadakan melalui inisiatif tersebut.

> **Ianya bukan rahsia lagi bahawa kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah penting untuk menjana ekonomi yang sihat dan berdaya saing. Sebagai institusi kewangan terbesar di Brunei, kami mempunyai tanggungjawab untuk menyokong lebih daripada 6,000 PKS yang berdaftar di negara ini dan memupuk pertumbuhan pada tahun-tahun akan datang**
>
> Koh Swam Sing
> Ketua Perbankan Korporat



5.2 Memperkenalkan Pelaburan Mampan ke Pasaran Tempatan

Pada Disember 2021, BIBD Securities melancarkan Dana Tadbir Urus Dana Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) patuh Syarak yang pertama di Brunei.

Dana Peruntukan Fleksibel Momentum Global ESG Arabesque Q3.1 ialah strategi pelbagai aset, yang dipelbagaikan secara global, yang menyatupadukan kriteria kemampanan material dan analisis saham dipacu AI, dari bawah ke atas, dalam peraturan berasaskan proses pelaburan. Dalam mematuhi garis panduan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), strategi ini memastikan pematuhan Syarak dana pendasar.

Melalui dana ini, pelanggan yang nilainya sangat tertumpu kepada pematuhan Syarak dan kemampanan akan dapat melabur untuk masa depan mereka tanpa perlu menjejaskan nilai peribadi mereka.

Untuk menandakan pelancaran dana, BIBD Securities mengadakan acara pelanggan secara maya, menghimpunkan hampir 100 pelanggan terpilih serta wakil dari Arabesque Asset Management.

Pelancaran dana ESG ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh BIBD dibawah Rangka Kerja Kemampanan atau *Sustainability Framework,* yang bertujuan untuk menyokong komitmen yang lebih luas terhadap kemampanan yang akan diserapkan ke dalam strategi perniagaan keseluruhan dengan penekanan pada Perlindungan Alam Sekitar, Keusahawanan Bertanggungjawab dan Impak Sosial Inklusif.

> **"Di dalam nilai teras kami ialah Maqasid Shariah dan tawaran yang kami sediakan kepada pelanggan kami adalah patuh Syarak. Oleh itu, apabila kita melihat Dana ESG Syariah ini, kita melihat, bahawa terdapat cadangan yang menarik untuk pelanggan kami, bukan sahaja ia patuh Syarak dan menyokong ESG, tetapi jika kita melihat kepada nilai asas yang menyokong Syariah dan ESG, ianya banyak berkongsi nilai"**
>
> Yang Mulia Haji Muhammad Yazid bin DP Haji Mahadi
> Pengarah Urusan BIBD Securities



5.3 Memperkasakan Masa Depan dengan Kemampanan &Digitalisasi

Memperkasa Masa Depan dengan Sasaran Kemapanan dan Pendigitalan' melengkapi tema Sidang Kemuncak ASEAN 2021, *"We Care, We Prepare, We Prosper"*, apabila pandemik telah mempercepatkan anjakan paradigma dalam ekonomi global, dengan tumpuan khusus kepada transformasi digital dan lebih perbualan sekitar kemapanan

Yang Mulia Haji Sofian bin Mohammad Jani
Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei dan ahli Lembaga Pengarah BIBD

BIBD telah menghoskan Mesyuarat Lembaga Eksekutif Persatuan Antara Bank China-ASEAN (CAIBA) ke-11 dan Mesyuarat Lembaga Eksekutif Mekanisme Kerjasama Antara Bank ASEAN+3 (APTIBCM) yang berlangsung secara maya dan membawa tema 'Memperkasa Masa Depan dengan Kemapanan dan Pendigitalan'. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh wakil daripada institusi-institusi kewangan dari negara anggota ASEAN serta Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Haji Sofian bin Mohammad Jani, dalam kapasiti beliau sebagai ahli Lembaga Pengarah BIBD, menyentuh mengenai kedaya-tahanan institusi perbankan ASEAN, walaupun berhadapan cabaran dan ketidakpastian dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menerusi penubuhan asas modal yang kuat dan pengurusan risiko yang berdisiplin.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CAIBA ke-11 dan Mesyuarat Lembaga Eksekutif APTIBM ke-2 mendengar ucaptama daripada Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) serta Tuan Yang Terutama Deng Xijun, Duta Besar Luar Biasa dan Plenipotentiary Republik Rakyat China ke ASEAN. Semasa sesi perbincangan, bank-bank ahli berkongsi maklumat, pengalaman dan penilaian mendalam mengenai topik-topik yang menarik, termasuk transformasi pendigitalan di tengah-tengah pandemik global, melibatkan generasi bank seterusnya ke arah pembangunan mampan dan integrasi ESG ke dalam amalan perbankan.

CAIBA ditubuhkan berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh China di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN-China pada 22 Julai 2010 di Hanoi. Ahli-ahli CAIBA termasuk 11 bank utama dari negara-negara ASEAN dan China termasuk: Bank Islam Brunei Darussalam - BIBD (Brunei), Canadia Bank (Kemboja), Bank Mandiri (Indonesia), Lao Development Bank (Laos), CIMB Group (Malaysia), Bank for Foreign Trade of Myanmar (Myanmar), Banco De Oro (Filipina), DBS (Singapura), Kasikorn Bank (Thailand), BIDV (Vietnam) dan China Development Bank CDB (Trung Quốc).

Mekanisme Kerjasama Antara Bank ASEAN + 3 ditubuhkan berdasarkan Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani oleh 10 bank anggota ASEAN sedia ada Persatuan CAIBA dan Bank Pembangunan China (CDB), Japan Bank for International Cooperation (JBIC), Korea Development Bank (KDB) pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif CAIBA yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 2019.



BAB 06

Menyokong Pelanggan Kami

6.1 Membolehkan Masyarakat Tanpa Tunai 113

6.2 Menggalakkan Celik Kewangan 114

6.3 Meningkatkan Pengalaman Pelanggan 116

6.1 Membolehkan Masyarakat Tanpa Tunai

Dalam usaha untuk memacu aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi ekonomi yang maju dan tanpa tunai, serta memenuhi Maqasid Syariah dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), pihak BIBD terus memperkenalkan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai di seluruh negara di antara semua segmen masyarakat.

Pada tahun 2021, BIBD sekali lagi melancaran e-Duit Raya. Fungsi ini, yang disepadukan dalam aplikasi mudah alih BIBD NEXGEN Wallet, membolehkan pelanggan menghantar dan menerima dana secara digital dengan mengimbas kod QR atau memindahkan terus ke *Virtual Mastercard* (VMC).


Usaha kami untuk mempromosikan penggunaan duit raya secara digital, dan menggunakan bahan kitar semula dalam paket Hari Raya fizikal adalah usaha kami dalam menyokong UN SDG 12, yang menggalakkan penggunaan dan pengeluaran yang mampan.

Melalui kerjasama antara BIBD dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, pihak BIBD telah memperkenalkan kaedah pembayaran alternatif untuk Zakat Fitrah melalui Perkhidmatan Pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian.

Perkhidmatan Zakat Fitrah secara dalam talian akan memberi kemudahan kepada semua umat Islam di Negara Brunei Darussalam dalam menunaikan kewajipan Zakat Fitrah dengan cara pembayaran yang cekap dan selamat melalui BIBD QuickPay.

Pengenalan penyelesaian ini adalah salah satu inisiatif perbankan tanpa cawangan BIBD yang menggunakan platform BIBD NEXGEN untuk mewujudkan lebih banyak kerjasama dan pakatan yang menggalakkan penciptaan ekonomi tanpa tunai.





6.2 Menggalakkan Celik Kewangan

Celik kewangan adalah salah satu teras BIBD. Pihak Bank menyedari betapa pentingnya meningkatkan kesedaran mengenai celik kewangan seawal mungkin. Kewangan Islam melihat celik kewangan sebagai komponen teras dalam kesejahteraan, bukan sahaja individu tetapi masyarakat secara keseluruhan. Dari sudut pandangan Islam, celik kewangan adalah kemahiran kritikal yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab agama seseorang.



Tahun ini, BIBD Aspirasi memasuki kitaran ke-3. Produk ini diperkenalkan untuk menyokong objektif BDCB dan untuk meningkatkan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang lebih baik di kalangan rakyat Brunei serta memupuk tabiat menabung.

Program ini memudahkan penjimatan kerana ianya lebih mudah diakses melalui aplikasi mudah alih BIBD NEXGEN Wallet. Berikutan maklum balas orang ramai, dan untuk membolehkan lebih ramai orang menyimpan, deposit minimum untuk Aspirasi 3 diturunkan kepada B$50 dengan deposit maksimum dihadkan pada B$250,000.







Sementara itu, semasa *Roundrable Discussion* Perniagaan dan Pelaburan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN secara maya 2021 yang diadakan pada bulan Ogos, BIBD, sebagai penaja utama bersama acara itu, menyentuh sifat kewangan Islam dan peranan yang dimainkan oleh institusi kewangan dalam mempromosikan keterangkuman dan kemampanan melalui celik kewangan dan fintech.

Celik kewangan membawa kepada kesedaran kewangan dan peningkatan permintaan untuk produk kewangan yang berkaitan dengan ekonomi sebenar, kerana dana Islam digunakan untuk memacu pertumbuhan aktiviti ekonomi sebenar.

Selaras dengan agenda acara berkaitan ASEAN mengenai celik kewangan, melalui kerjasama dengan agensi yang berpengalaman, BIBD juga menghasilkan bahan pendidikan literasi kewangan yang disebarkan di pelbagai saluran dan platfom media sosial. Ini menekankan komitmen BIBD untuk meneruskan usahanya dalam melabur melalui pendidikan untuk pelanggannya dan masyarakat umum.

Di Brunei, celik kewangan dan kepentingan simpanan ditekankan di semua peringkat masyarakat - berkat usaha daripada kepada pihak Kerajaan dan pengawal selia, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Lebih penting lagi, Brunei telah menjadikan celik kewangan Islam sebagai sebahagian daripada dasar kebangsaannya yang termasuk dalam Rangka Tindakan Sektor Kewangan Brunei Darussalam 2016-2025.





6.3 Meningkatkan Pengalaman Pelanggan

Sebagai usaha berterusan pihak Bank untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, BIBD mengerahkan Duta Perkhidmatan ke premis-premis BIBD yang terpilih untuk membantu pelanggan menggunakan Terminal Layan Diri BIBD, khususnya ATM dan Mesin Deposit Tunai (CDM).



Duta Perkhidmatan yang berada di lokasi-lokasi tersebut akan dapat membantu pelanggan di Terminal Layan Diri dan akan dapat memberikan pertolongan untuk meningkatkan ketersediaan ATM dan CDM.

Duta-Duta Perkhidmatan telah diaturkan di 10 lokasi dan akan dikembangkan ke lebih banyak lokasi dalam masa terdekat.
Pada masa yang sama, sebagai komitmen berterusan BIBD untuk terus meningkatkan pengalaman pelanggan, pihak Bank melaksanakan program *refresh* yang komprehensif dan holistik atas DNA Perkhidmatan Bank yang juga dikenali sebagai R.I.S.E (*Reliable, Innovative, Simple and Ever-caring*) untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Pada bulan Julai, Bank memulakan peringkat *Blueprinting* yang memberi tumpuan kepada proses yang berkaitan dengan pengalaman pelanggan dan menyediakan pendekatan berstruktur untuk melayani pelanggan sambil sentiasa mengekalkan sentuhan manusia.

Latihan ini melibatkan kumpulan fokus pelanggan, latihan kecemerlangan perkhidmatan, bimbingan barisan hadapan dalam penggunaan piawaian perkhidmatan, pelatih





dalaman yang berkemahiran tinggi, menghasilkan inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dari segi dalaman dan luaran, dan meningkatkan rangka tindakan perjalanan pelanggan untuk produk dan perkhidmatan utama.

Berikutan itu, satu acara telah diadakan untuk meraikan kejayaan "*Art of R.I.S.E Experience Internal Trainers*". Majlis ini diadakan untuk menyampaikan penghargaan kepada jurulatih dalaman, penyelia, pengurus dan pemimpin masing-masing atas komitmen mereka untuk melatih semua pekerja dan menanamkan pemikiran perkhidmatan R.I.S.E.

BAB

07

Menyokong Masyarakat Kami

7.1 Memperkasa Belia 118

7.2 Komitmen terhadap Pendidikan Sepanjang Hayat 120

7.3 Memupuk Keusahawanan 122

7.4 Keprihatinan Terhadap Masyarakat 124

7.1 Memperkasa Belia



Sebagai komitmen BIBD untuk memperkasa golongan belia, pihak Bank sekali lagi menjadi Penaja Hos bagi Sidang Kemuncak Pemerkasaan Belia BIBD (BIBD YES!) 2021.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BIBD dan anak syarikatnya dalam ucapannya mengenal pasti bahawa kedaya-tahanan dan keupayaan untuk menyesuaikan diri pada waktu yang sukar adalah merupakan antara kemahiran penting yang harus diterapkan dalam diri belia tempatan dalam berhadapan cabaran dan perubahan yang tidak dapat diramalkan.

BIBD YES! 2021 membawa tema *'Developing Resilient Future Leaders'* dan dibina berdasarkan momentum sidang kemuncak tahun lepas dijalankan secara maya. Daripada jumlah penyertaan 32 institusi tahun lepas, BIBD YES! berkembang kepada penyertaan sejumlah 66 institusi daripada pelbagai perwakilan, dengan pendaftaran 965 pelajar secara keseluruhan. Tahun ini, acara itu turut dihadiri seramai 72 guru dan 20 peserta antarabangsa dari 15 buah negara.

Jumlah penaja untuk BIBD YES! 2021 meningkat dua kali ganda berbanding tahun lepas, walaupun menghadapi cabaran ekonomi. Kesemua lima penaja dari tahun lepas, meneruskan komitmen mereka untuk menyokong sidang

> **"Generasi muda mempunyai keupayaan untuk membangun dan mentransformasikan negara dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035. Sidang Kemuncak ini diharap akan dapat menyediakan platform yang bermakna untuk golongan muda di Negara Brunei Darussalam untuk belajar daripada teladan yang cemerlang, dari dalam dan di luar negara, tentang cara mengurus kesukaran, cara menyokong perubahan dan juga cara berkomunikasi dengan empati, keterbukaan dan ketulusan."**
>
> Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah
> Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BIBD dan anak-anak syarikatnya

kemuncak itu bersama-sama dengan lima syarikat tambahan yang juga menunjukkan sokongan mereka.

Untuk tahun kedua berturut-turut, BIBD mengambil peranan utama sebagai penaja hos dalam usaha kerjasama untuk membantu membangunkan pemimpin masa depan yang berdaya tahan, bersama penaja platinum berganda : Total Energies Brunei; penaja platinum: Brunei Gas Carrier, Brunei LNG, CIC Environmental Services, Insurans Islam Taib dan Progresif.

Manakala penaja emas : Pusat Perubatan Jerudong Park dan penaja perak : Teck Guan Holdings dan McDonald's. Ini juga merupakan tahun ketiga Curious Mind menganjurkan acara pemerkasaan belia ini dengan pengesahan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta sokongan Kementerian Pendidikan.

Pada tahun ini, Sidang Kemuncak bermula dengan aktiviti interaktif selama tiga minggu. Seramai 180 daripada 880 peserta akan hadir sebagai peserta teras dengan tanggungjawab tambahan projek kumpulan dan pembentangan dibantu oleh eksekutif kanan daripada setiap penaja sebagai mentor mereka. Mentor belia pada minggu pertama adalah Ketua Pegawai Kewangan BIBD, Tan Pheng Leong yang membimbing pasukan melalui topik Ekonomi Kitaran atau *Circular Economy* semasa mesyuarat pra-sesi dan juga semasa pembentangan. Peserta utama terdiri daripada peserta Program *Centre For The Development of Gifted and Gifted Education* (EDGE) dibawah Kementerian Pendidikan.

Peserta program Hari Pertama mendengar ucapan yang disampaikan oleh Pengarah Muzik klasik, Chiya Amos dari St Petersburg, Rusia, yang berkongsi pengalamannya dalam mengatasi cabaran COVID-19 di mana, disebabkan pembatalan rancangan yang berpanjangan, Chiya terpaksa kembali ke Singapura dan mengambil pekerjaan sebagai penghantar makanan Food-Panda. Chiya menekankan pentingnya kebolehan untuk menyesuaikan diri pada masa krisis sebagai kemahiran hidup penting yang perlu dikuasai oleh semua, tanpa mengira status sosial atau latar belakang mereka.

BIBD YES! diteruskan dengan topik Komunikasi dan Hubungan, melalui Vivek Mahbubani, pelawak terkemuka Hong Kong dan *Young Person of the Year 2018* sebagai penceramah utama, bersama dengan Nadzri Harif, DJ dan juruacara radio tempatan yang terkenal, yang menyampaikan ucapan mengenai *The Art of People*.

BIBD melihat pendidikan dan pembangunan belia sebagai tonggak penting tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bank. Sidang kemuncak merupakan pelaburan untuk masa depan negara, dan BIBD berterima kasih kepada syarikat-syarikat yang berkongsi sentimen dalam sama-sama menjayakan usaha tahunan yang bermakna ini.




7.2 Komitmen terhadap Pendidikan Sepanjang Hayat

Inisiatif tajaan pendidikan BIBD bertujuan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam hasrat untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas sebagai rakyatnya yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi.



Program BIBD ALAF memainkan peranan penting dalam memberi kesempatan kepada kanak-kanak dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapat pelajaran dan pembelajaran, sebagai asas perkembangan diri dan pengukur utama pembangunan negara. Selain daripada memberikan perkhidmatan tutoring dan kaunseling, program ALAF kami juga menyediakan keperluan seperti yuran sekolah dan tuisyen, alat tulis, pengangkutan dan makanan.


Hasil daripada kerjasama erat antara BIBD, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan bersama dengan sokongan syarikat tempatan dan orang awam, program BIBD ALAF kini menyokong 266 pelajar.



“Program BIBD ALAF merupakan sebuah manifestasi kepercayaan BIBD dalam nilai pembelajaran sepanjang hayat yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berpaksikan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.”

Yang Muli Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Timbalan Pengarah Urusan BIBD dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah BIBD ALAF

Jumlah Penuntut Tahun Pengajian 2022



Walaupun terdapat gangguan yang disebabkan oleh COVID-19, pelajar BIBD ALAF menduduki peperiksaan awam seperti Peperiksaan GCE 'A' Level dan Peperiksaan Penilaian Rendah (PSR) mampu mencatatkan keputusan yang cemerlang. Tahap pencapaian pada tahap tertinggi, misalnya peratusan pelajar yang mencapai 5 A dalam peperiksaan PSR dan 3 A 'Level dalam peperiksaan GCE A' Level, adalah lebih baik atau setanding dengan pencapaian tahap kebangsaan. Ini adalah bukti keupayaan individu pelajar BIBD ALAF serta kesan sokongan kolektif dan usaha peningkatan keupayaan BIBD ALAF.





Program BIBD ALAF bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berpendidikan, yang dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dan bersedia untuk industri. Pada tahun 2021, aktiviti tertumpu pada mengembangkan kemahiran hidup pelajar, pembelajaran akademik, kesihatan mental, kesedaran mengenai kemampanan dan keusahawanan. Pelajar-pelajar ALAF menghadiri ceramah kerjaya di Ibu Pejabat BIBD, sesi menerusi atas talian maya dan fizikal dengan Kilang Reroot, aktiviti pertanian moden, ceramah kesedaran kesihatan mental dan sesi kumpulan Muratal Al-Quran.



7.3 Memupuk Keusahawanan

BIBD SEED

Program *"Special Empowerment Entrepreneurship Development"* (BIBD SEED) bercita-cita untuk meningkatkan kehidupan ibu-ibu yang kurang bernasib baik di Brunei Darussalam dengan memperkasakan dan memangkin pembangunan mereka sebagai usahawan yang kompetitif, berdaya tahan dan berjaya di pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Setiap peserta berjaya menamatkan 4 fasa program BIBD SEED. BIBD telah mengatur pelbagai bengkel latihan yang memberi tumpuan kepada kemahiran keusahawanan, kemahiran praktikal serta bengkel pembangunan produk. Peserta juga mengambil bahagian dalam acara jualan dan pop-up untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam berinteraksi dengan pelanggan dan membina hubungan dengan pelanggan.



Dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, program BIBD SEED juga bertujuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang di Brunei Darussalam terutamanya bagi golongan yang kurang bernasib baik, dan menyokong kemajuan mereka ke arah menjadi individu yang berkemahiran tinggi sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Seramai 10 usahawan wanita berjaya menamatkan program yang bermula pada Ogos 2020. Kohort ke-3 merangkumi 4 usahawan dari industri kreatif, iaitu reka bentuk fesyen dan kesenian solekan; ianya merupakan kali pertama industri kreatif menjadi sebahagian program ini. 6 usahawan wanita juga mengejar minat mereka dalam industri F&B.



Sebagai sebahagian daripada latihan praktikal mereka, BIBD berkerjasama dengan *Fashion Designer Alliance Brunei* (FDA) untuk perkongsian pengetahuan, pengalaman dan bimbingan khusus bagi 4 usahawan dalam industri kreatif. Kedua-dua usahawan BIBD SEED, Zuzain Couture dan Asyumi Boutique, menjalani latihan praktikal dengan pereka fesyen tempatan di bawah FDA untuk memperdalam pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing. Sementara itu, Esma D'Khatizzah Enterprise dan Elahs Beauty Enterprise juga akan menerima bimbingan dalam bidang solekan dari ahli-ahli FDA yang berkenaan.

Program BIBD SEED menandakan komitmen BIBD ke arah keterangkuman sosial bagi pembangunan negara, bukan hanya sebagai institusi kewangan, tetapi juga sebagai warganegara yang bertanggungjawab dalam menyumbang ke arah kejayaan negara dan masyarakatnya.



BIBD Catalyst

Lima (5) usahawan fesyen dan kecantikan tempatan kini didaftarkan dalam pengambilan ke-2 bagi BIBD Catalyst yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang memberi tumpuan kepada program pecutan bagi usahawan yang berpotensi. Baitaal Hijab, koleksi Mumtaz, Rozai Hijab, Kosmetik Mukaku dan Mudaser telah dipilih untuk dilatih oleh FashionValet. Pemilihan ini berdasarkan keupayaan mereka untuk mengeksport produk mereka, rekod prestasi yang terbukti dan keberkesanan pemasaran melalui platform mereka.

Antara tujuan BIBD Catalyst adalah untuk membangunkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) tempatan yang berpotensi tinggi dalam pelbagai sektor industri untuk dapat mengeksport dan memberi perkhidmatan kepada pelanggan di luar sempadan Brunei.

Melalui kerjasama dengan Darussalam Enterprise (DARe), peserta BIBD Catalyst juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Zon Runcit di Brunei Darussalam Pavillion dalam Expo 2020 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu, yang akan berlangsung selama 6 bulan.



7.4 Keprihatinan Terhadap Masyarakat



Community for Brunei terus berkembang sebagai platform komuniti sejak dilancarkan pada April 2020, dengan penambahan ciri yang membolehkan orang ramai menyumbang secara digital dan ciri kesukarelawanan yang dipertingkatkan. Platform yang diperbaharui ini telah disembahkan kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar Ali Saiffuddien Sa'adul Khairi Waddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan Hari Belia Negara pada 7 Ogos 2021.

Laman web Community for Brunei yang direka semula kini membolehkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengumpul dana melalui platform digital. Orang ramai yang mengunjungi platform Community for Brunei akan dapat melihat NGO mana yang sedang mengumpul dana, di mana dana ini akan disalurkan dan dinfaqkan kepada beberapa matlamat yang disasarkan oleh pihak NGO.

Community for Brunei kini mempunyai 4 komponen utama; pertama, pasaran maya untuk perusahaan mikro dan kecil tempatan, yang dilengkapi *payment gateway* digital dan penyediaan rakan logistik untuk mengendalikan penghantaran terus kepada pelanggan; kedua, halaman acara yang berfungsi sebagai direktori utama untuk acara komuniti tempatan; ketiga, halaman Sukarelawan yang dipertingkatkan di mana organisasi boleh mempelawa orang ramai untuk menjadi sukarelawan dan orang ramai seterusnya boleh mendaftarkan minat mereka; dan akhirnya, halaman Derma atau sumbangan di mana organisasi komuniti tempatan dan NGO boleh mengumpulkan dana secara sistematik, selamat dan telus.










Semasa gelombang kedua jangkitan COVID-19, Community for Brunei meningkatkan misinya untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif dan berjaya mengumpulkan lebih dari B$52,000 yang disalurkan untuk menyokong petugas barisan hadapan perubatan dan kumpulang yang terjejas oleh COVID-19. Platform ini juga terus menyokong perusahaan mikro dengan memasukkan mereka ke dalam ekosistem Community for Brunei, yang lengkap dengan p*ayment gateway* digital dengan Kadar Diskaun Pedagang (MDR) sifar (0) sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk meningkatkan pembayaran dalam talian dan membantu perusahaan mikro mengekalkan kelangsungan perniagaan mereka.



Usaha Community for Brunei diiktiraf di Anugerah Perniagaan ASEAN apabila ia dinamakan sebagai pemenang Anugerah Perusahaan Sosial Baru dalam Kategori Anugerah Khas Brunei. Bersempena dengan keahlian Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2021, Anugerah Khas Brunei yang eksklusif bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada NGO dari rantau ASEAN yang telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan memacu pembangunan sosial, alam sekitar dan masyarakat di peringkat kebangsaan dan serantau.

BAB 08

Menyokong Kakitangan Kami

8.1 Meraikan Pekerja Setia Kami 127

8.2 Komitmen terhadap Pembelajaran Digital 129

8.3 Program Pelatih Pengurusan Siswazah 130

8.4 Menggalakkan Kesihatan dan Keseimbangan Kehidupan Kerja 131

8.1 Meraikan Pekerja Setia Kami



BIBD meraikan 243 kakitangannya yang telah lama berkhidmat, yang secara kolektif telah menyumbang kepada kejayaan pihak Bank sebagai institusi kewangan terbesar di Brunei.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Doktor Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kedua, sebagai Pengerusi BIBD dan anak syarikatnya menyampaikan anugerah kepada kakitangan yang telah berkhidmat selama 30 dan 35 tahun dengan Bank.



“Saya amat berbangga dengan daya tahan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh seluruh keluarga BIBD, yang bersatu dalam menghadapi ketidakpastian, mampu untuk terus menyesuaikan diri dengan norma baharu. Terutama semasa wabak COVID-19, semua kakitangan BIBD terus menunjukkan keberanian, dedikasi dan semangat ‘Berjiwa Brunei‘ yang benar benar merangkumi Nilai Teras kita, berkhidmat di barisan hadapan dan memastikan bahawa kita terus memenuhi keperluan pelanggan BIBD”

Yang Mulia Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Timbalan Pengarah Urusan BIBD



Sementara itu, Awang Junaidi bin Haji Masri, Pengarah Urusan, Dana Modal Pembangunan Strategik, Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Haji Sofian bin Mohammad Jani, Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei selaku ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD, menyampaikan anugerah kepada kakitangan yang telah berkhidmat selama 25, 20 dan 15 tahun.



Dalam usaha BIBD untuk mencapai misi menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik, sememangnya asas kejayaan pihak Bank dan masa depan negara bergantung dengan kualiti dan kecekapan rakyatnya.

Oleh itu BIBD, dengan lebih daripada 1000 warga kerja, akan terus melabur dan meraikan tenaga kerja yang cemerlang.


BIBD juga berdiri teguh dalam komitmen dan sokongannya terhadap Rangka Tindakan Sektor Kewangan BDCB dan Wawasan Brunei 2035 untuk terus memanfaatkan dan membangunkan aset manusia yang akan memainkan peranan penting dalam kejayaan negara tercinta kita.





8.2 Komitmen terhadap Pembelajaran Digital





BIBD telah melancarkan "Digital Fikra", ruang khusus untuk pembelajaran digital, penjanaan idea secara dinamik dan inovasi kolaboratif, yang bertujuan untuk menyokong perjalanan Transformasi Digital BIBD. Ruang ini adalah manifestasi komitmen BIBD ke arah digital, menyokong Inisiatif Negara Pintar Brunei Darussalam dan memastikan tenaga kerja bersedia dan mampu memenuhi perubahan yang dibawa oleh Revolusi Industri ke-4 (IR4.0).

Sebuah pertandingan dijalankan untuk menamakan ruang baru, di mana Mohammad Ismail bin Haji Abu Bakar dan Riana Pertiwi binti Abu Bakar memberi inspirasi kepada nama 'Digital Fikra'. Perkataan *Fikra* adalah bahasa Arab untuk pemikiran atau idea, dipasangkan dengan 'Digital' sebagai nama ruang yang menandakan tujuannya; iaitu menggalakkan pekerja mempunyai minda digital, idea dan berinovasi.

Dengan pelancaran ruang khusus ini, para kakitangan diberi akses ke dua ruang idea, yang pertama adalah *ampitheatre* mini yang dilengkapi dengan TV pintar yang boleh disambung ke peranti secara *wireless*, sesuai untuk sesi perkongsian pengetahuan. Ruang idea kedua direka untuk memudahkan perbincangan kumpulan dan menggalakkan inovasi. Ruang idea telah direka untuk mempunyai rasa moden dan minimalis, ditambah dengan pemandangan Kampong Ayer dan bukit-bukit hijau yang subur sebagai persekitaran yang kondusif untuk pemikiran *out of the box* dan inovatif. Digital Fikra juga mempunyai hab e-pembelajaran yang dilengkapi dengan akses internet untuk kakitangan mengikuti pembelajaran dalam talian dan melakukan penyelidikan.

Pelancaran Digital Fikra dan objektifnya adalah selaras dengan fokus pihak Bank untuk meningkatkan keboleh-capaian pembelajaran dengan memanfaatkan platform pembelajaran digital. Pada masa ini, BIBD menawarkan pelbagai program pembelajaran dalam talian yang merangkumi topik seperti: kewangan Islam dan pasaran modal, perkhidmatan pelanggan, anti-pengubahan wang haram, keselamatan siber, dan banyak lagi.

"Pembelajaran kakitangan adalah sangat penting dalam perjalanan transformasi digital pihak Bank. Kami berharap penyediaan ruang khusus untuk pekerja mengakses platform pembelajaran dalam talian, dan membincangkan idea secara terbuka dan kolaboratif, akan meningkatkan lagi budaya pembelajaran Bank dan mendorong pemikiran inovatif."

Yang Mulia Habibah binti Hj Harry
Ketua Pegawai Sumber Manusia

Dalam usaha BIBD untuk mencapai misi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik, asas kejayaan kami bergantung pada kualiti dan kecekapan kakitangan. Oleh itu, BIBD akan terus melabur dalam usaha untuk membangunkan tenaga kerja yang cemerlang. Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, BIBD juga berdiri teguh dalam komitmen dan sokongan rangka tindakan Sektor Kewangan BDCB dan Wawasan Brunei 2035, dalam memanfaatkan dan membangunkan tenaga kerja tempatan yang akan memainkan peranan penting dalam kejayaan negara.

8.3 Program Pelatih Pengurusan Siswazah

Saya rasa apa yang unik mengenai program GMT BIBD adalah sebaik menyertainya, graduan akan segera ditugaskan dengan menguruskan projek-projek penambah-baikan perniagaan mereka sendiri yang sebaik sahaja berjaya disiapkan dan boleh diserapkan ke dalam kerja sebenar, meningkatkan nilai tambah kepada organisasi. Ini memaksa mereka untuk menjadi proaktif dan pintar, untuk bekerja secara bebas tetapi kreatif dan setentunya cepat belajar untuk menjalin silaturahim dengan rakan-rakan sekerja, para pemimpin dan lain-lain.

Yang Mulia Habibah binti Hj Harry
Ketua Pegawai Sumber Manusia

Program Pelatih Pengurusan Siswazah (GMT) BIBD telah diiktiraf sebagai antara yang terbaik di rantau ini pada Anugerah Pengalaman Kakitangan 2021.

Anugerah berkenaan adalah platform unggul yang mengiktiraf pasukan-pasukan sumber manusia (HR) terbaik dan individu-individu yang mengaspirasikan, mendidik dan menggerakkan *Employee Experience* atau EX. Ia berteraskan tiga tonggak yang menjadi asas bagi EX yang positif iaitu kepimpinan, pembelajaran dan penglibatan kakitangan. Anugerah berkenaan dinilai oleh pakar-pakar HR kanan dan pemimpin pemikiran terkemuka di Asia.

Pengiktirafan BIBD sebagai salah satu pemenang dalam kategori Program GMT Terbaik menyusuli kemasukan lima graduan ke dalam program GMT bank tersebut, baru-baru ini. Anugerah berkenaan, yang menyaksikan penyertaan daripada organisasi-organisasi multinasional serantau dalam pelbagai industri, mengiktiraf usaha-usaha organisasi dalam membangunkan graduan berkaliber tinggi sama ada baharu meninggalkan dunia pengajian atau mereka yang mempunyai satu atau dua tahun pengalaman kerja. Calon-calon dinilai berdasarkan keupayaan mereka untuk menunjukkan kejayaan dalam melatih bakat-bakat muda untuk menjadi pemimpin masa depan menerusi persekitaran pembelajaran dipercepat, latihan formal, peluang-peluang perniagaan dan pembangunan profesional.

Program GMT BIBD mempunyai proses pemilihan ketat yang mengumpulkan bakat-bakat muda dan graduan terbaik di Brunei.

Kemenangan ini adalah bukti komitmen BIBD untuk menyokong negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, dan untuk mencapai matlamat yang lebih luas yang digariskan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), khususnya SDG 4: Pendidikan Berkualiti dan SDG 8: Kerja yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi. Ini adalah sokongan berterusan BIBD terhadap Maqasid Syariah, yang berkenaan tentang pemeliharaan dan promosi iman, kehidupan, minda, keturunan dan kekayaan.





8.4 Menggalakkan Kesihatan dan Keseimbangan Kehidupan Kerja



Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa komited terhadap kesejahteraan kakitangan dan mempromosikan Keseimbangan Kerja-Kehidupan, BIBD kini mempunyai dewan serbaguna sendiri di mana para kakitangan boleh mengadakan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi untuk menyokong gaya hidup sihat. Dewan Mahabbah, yang terletak di Bangunan PGGMB, dilancarkan sebagai sebahagian daripada komitmen tersebut kepada warga keluarga BIBD.


BIBD juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk kakitangannya untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental terutamanya semasa penularan wabak COVID-19.

BIBD telah mengadakan beberapa ceramah motivasi secara maya untuk kakitangan Bank mengenai pentingnya kesihatan mental dan bagaimana menguruskan kesihatan mental dengan lebih baik memandangkan keadaan pandemik semasa. Ceramah ini merangkumi pandangan holistik mengenai kesihatan mental dari perspektif perubatan dan Islam.

Dalam industri yang pantas dan dinamik ini, BIBD memahami bahawa ada kalanya pekerja mungkin merasa tertekan emosi yang boleh menyebabkan tekanan berlebihan di tempat kerja.

Pihak Bank memandang berat tentang kesejahteraan pekerjanya dan telah membuat pengaturan dengan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) untuk menyediakan perundingan 'Stress Management' secara sukarela dengan ahli psikologi yang diperakui untuk kakitangan yang memerlukan bantuan dalam menguruskan tekanan mereka.

BIBD sentiasa mempercayai dan menyokong kepentingan kesihatan mental sebagai sebahagian daripada Maqasid Syariah dan dalam menyokong Matlamat UN SDG 3 untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk global yang baik antara lain, menamatkan wabak dan penyakit berjangkit lain seperti COVID-19.



BAB

09

Ulasan Perniagaan

9.1 Kumpulan Perbankan Runcit 133

9.2 Kumpulan Perbankan Korporat 136

9.3 Perbendaharaan dan Pasaran Global 140

9.4 BIBD Securities 142

9.1 Kumpulan Perbankan Runcit

Visi kami untuk menjadi institusi kewangan terkemuka Brunei dan penanda aras kewangan Islam kekal kukuh dengan angka kewangan dan bahagian pasaran yang kukuh. Pada masa ini, BIBD memegang lebih daripada 56% daripada semua deposit dalam negara dan lebih daripada 65% daripada semua pembiayaan runcit. Selain mengekalkan penarafan S&P A- kami sejak 2015, kami juga diiktiraf sebagai Bank Runcit Terbaik untuk tahun kesembilan berturut-turut dan Bank Terkukuh di Brunei oleh The Asian Banker, Safest Bank di Brunei oleh Global Finance dan Bank of the Year 2021 oleh The Banker.

BIBD terus mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan perbankan runcit terkemuka di Brunei Darussalam dengan mengekalkan rangkaian perbankan terbesar Negara di Brunei Darussalam dengan lapan belas cawangan dan lebih daripada 100 terminal layan diri yang terletak strategik di seluruh Brunei Darussalam. BIBD juga merupakan pengeluar kad pembayaran terbesar dengan asas terbesar Kad Debit dan Kredit aktif.



Inisiatif Utama pada tahun 2021

Menyokong Kemampanan melalui Transformasi Digital

Di BIBD, digital sentiasa menjadi asas perniagaan kami. Ekosistem perbankan digital kami menyediakan pelbagai kaedah pembayaran tanpa tunai, yang kebanyakannya telah menjadi yang pertama untuk pasaran Brunei.

Dengan pelancaran Rangka Kerja Kemampanan kami, pihak Bank telah mempergiatkan usaha untuk menyediakan lebih banyak cara untuk *Go Digital* dengan harapan dapat mengurangkan jejak persekitaran *(environmental footprint)* kami.

Awal tahun ini, kami mula memindahkan pelanggan dari penyata perbankan yang dicetak ke penyata digital yang akan dihantar melalui e-mel terus kepada pelanggan.

Kami juga melancarkan pembayaran zakat melalui QuickPay, dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Agama Islam Brunei. Dengan hanya telefon pintar mereka,

orang ramai boleh mengimbas dan membayar zakat secara digital menggunakan BIBD QuickPay dan Progresif Pay. Kaedah ini adalah lebih mudah dan selamat dengan mengurangkan risiko penggunaan wang tunai.

Kami juga terus mengembangkan penawaran platform BIBD NEXGEN kami, dengan tambahan syarikat telekomunikasi tempatan Imagine, dan membolehkan tambah nilai *(top up)* dan pembayaran bil terus dari aplikasi *mobile* atau kaedah perbankan dalam talian kami. Ini menjadikan BIBD satu-satunya bank di Brunei yang membolehkan *top up* mobile dari semua syarikat telekomunikasi tempatan di platform digital kami.





Berkhidmat Kepada Pelanggan Kami Semasa COVID-19


BIBD, sebagai institusi kewangan terbesar dan Rakan Kongsi Kemajuan, telah meneruskan sokongan padu untuk pelanggan kami pada masa ini. Dengan tercetusnya gelombang kedua dan pengaktifan BCP kami, Bank berjaya kekal terbuka dan berkhidmat kepada pelanggan, walaupun dengan bilangan cawangan yang terhad dan waktu kerja yang lebih pendek.

Kami beralih kepada cara digital untuk menyokong pelanggan kami; Bank memperkenalkan sistem tempahan dalam talian menggunakan perkhidmatan pihak ketiga yang dikenali sebagai QueUp untuk kemudahan tempahan perkhidmatan di cawangan, dan merupakan satu-satunya bank di Brunei yang berbuat demikian. Ini ditambah lagi dengan tempahan temu janji melalui Whatsapp serta e-mel khusus untuk temu janji dan permohinan untuk perkhidmatan runcit tertentu.

Bank juga memperluaskan Pakej Bantuan COVID-19 kepada perniagaan dan individu yang telah terjejas dari segi kewangan oleh wabak ini, dan juga menawarkan bantuan ini kepada peniaga runcit.



Melihat Kehadapan



Keutamaan pada tahun 2022

- Terus menyokong Pembangunan Negara Pintar dengan fokus untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan digital.
- Terus meningkatkan tadbir urus untuk melindungi pelanggan dan kakitangan kami tanpa menjejaskan perkhidmatan.
- Mengatur semula penawaran produk dan perkhidmatan kami untuk memenuhi keperluan pelanggan hari ini.

Menyokong Kemampanan

Dengan pelancaran Rangka Kerja Kemampanan, RBG akan berusaha untuk menggalakkan penggunaan digital bagi produk dan perkhidmatan perbankan runcit melalui platfom digital BIBD (BIBD Online, BIBD NEXGEN, terminal layan diri) dan pada masa yang sama mengurangkan jejak karbon



9.2 Kumpulan Perbankan Korporat

Kumpulan Perbankan Korporat (CBG) menawarkan pelbagai perkhidmatan perbankan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) maupun korporat. Perkhidmatan ini termasuk pembiayaan, kemudahan pengurusan tunai, perbankan dan transaksi digital serta nasihat perniagaan.



Keutamaan & Fokus

Menyokong PMKS melalui SME360

Kumpulan Perbankan Korporat memberi sokongan kepada Perusahaan Mikro dan Sederhana Kecil (PMKS) melalui perkhidmatan produk kewangan SME360.

SME360 adalah rumusan perbankan komprehensif yang memenuhi keperluan perniagaan, terutamanya PMKS, yang merangkumi pasukan pengurus perhubungan khusus, perkhidmatan rumusan kewangan dan pembayaran digital. Jenama SME 360 yang diberi nafas baru dilancarkan di penghujung tahun 2021 dengan penyediaan beberapa program diantaranya SME 360 Series yang disokong oleh rakan strategik Darussalam Enterprise (DARe).




Memudahkan Transaksi Perniagaan Digital yang Cekap dan Lancar

CBG juga aktif mempromosikan perkhidmatan perbankan digital melalui platform BIBD BizNet yang memenuhi keperluan pelanggan korporat, samada PMKS, Korporat, GLC serta NGO.

BIBD BizNet diperkenalkan pada tahun 2018 sebagai sebahagian daripada rangkaian penyelesaian perbankan dalam talian BIBD NEXGEN, dan antara lain, dilengkapi dengan pelbagai ciri termasuk pengurusan pembayaran pukal untuk gaji; memeriksa kenyataan dan sejarah transaksi untuk Akaun Semasa, Pelaburan dan Pembiayaan; melakukan transaksi dalam pelbagai mata wang asing dan menderma.

Berikutan penularan COVID-19 dan menyokong seruan Kementerian Kesihatan untuk mengamalkan penjarakkan sosial, ramai pengguna mula melakukan pembelian atas talian di mana perniagaan juga telah mengalami peningkatan pada kadar jualan secara *online.* Trend ini dialami bukan hanya oleh perniagaan tempatan di Brunei tetapi juga di seluruh dunia.

Melalui BizNet, perniagaan besar serta PMKS dapat menguruskan akaun mereka dengan mudah hanya dengan beberapa klik mudah, melalui aplikasi dan laman web.



Mempromosikan Kemampanan

Selaras dengan Rangka Kerja Kemampanan BIBD, CBG juga berusaha untuk menyerapkan inisiatif SDG dengan memperkenalkan dan memberi pendidikan mengenai protokol hijau dan kelestarian model perniagaan kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Menyokong Pelanggan Kami semasa COVID-19

Untuk mengurangkan risiko penularan COVID-19, BIBD telah mengaktifkan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan mengurangkan operasi perniagaan tertentu. Walau bagaimanapun, Kumpulan Perbankan Korporat (CBG) dapat memenuhi permintaan pelanggan kami dengan lancar, selaras dengan nilai Fokus Pelanggan Bank yang membuktikan bahawa BIBD mempunyai keupayaan untuk berfungsi dalam apa jua keadaan.

Apabila gelombang ke-2 jangkitan COVID-19 menyebabkan gangguan kepada aktiviti perniagaan korporat, CBG juga membantu perniagaan yang terjejas oleh COVID-19 melalui Pakej Bantuan COVID-19. Melalui langkah ini, pelanggan ditawarkan *moratorium* ke atas keperluan pembayaran balik pembiayaan mereka. Pihak Bank juga menyokong inisiatif Kerajaan untuk mengecualikan yuran pemindahan dana di antara bank yang dibuat untuk menggalakkan transaksi dalam talian semasa tempoh pandemik, yang diharapkan akan menjadi norma baru selepas ini.



Inisiatif Utama pada tahun 2021

Menggalakkan Transaksi Digital

Sepanjang 2021, CBG memberi tumpuan untuk menggalakkan lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan perbankan digital kami. Melalui kempen yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat digital, pihak CBG mengalami peningkatan 6% dalam jumlah syarikat yang mendaftar untuk BIBD BizNet. Jumlah transaksi BizNet pada tahun 2021 juga meningkat.

Pihak CBG juga mengemas semula BIBD BizNet dan menawarkan dua pakej utama, dengan pelbagai perkhidmatan dalam talian pada harga yang lebih berpatutan untuk memenuhi keperluan semua pelanggan, sama ada PMKS atau korporat besar. Perubahan ketara pada pakej tersebut adalah penawaran kemudahan pemindahan dana dalam talian dan perkhidmatan gaji dalam talian tanpa yuran langganan.

Kami juga terus meningkatkan jumlah penerima bil dalam talian (*online bill payees*) yang tersedia dibawah platform NEXGEN sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan transaksi digital. Pada masa ini terdapat 111 bil dalam talian yang tersedia untuk pelanggan.

Kepuasan Pelanggan dan Perkhidmatan Berkualiti

Kepuasan pelanggan dan perkhidmatan produk berkualiti adalah dua keutamaan untuk CBG. Pada tahun 2020, BIBD telah diperakui ISO:9001 bagi perkhidmatan pembayaran gaji/pukal dan proses Kad Kredit Korporat. Tahun ini, CBG terus bekerjasama rapat dengan Jabatan Kualiti Perkhidmatan untuk meningkatkan proses secara keseluruhan sebagai sebahagian daripada kajian kualiti dalaman yang berterusan bagi pensijilan ISO9001:2015.

BIBD sekali lagi dianugerahkan *Best SME Bank Brunei 2021* oleh *Global Banking and Finance Review*, sebagai pengiktirafan kepada fokus BIBD untuk menyampaikan penyelesaian komprehensif menjadikan perbankan lebih cekap, kos efektif dan mudah diakses oleh pelanggan PKS serta mewujudkan sokongan jangka panjang dan perubahan mampan melalui pendidikan, komuniti dan pembangunan usahawan tempatan.

Rakan Kongsi Kemajuan untuk Usahawan

Walaupun berhadapan dengan situasi pandemik, pihak Bank meneruskan komitmennya untuk menjadi Rakan Kongsi Kemajuan dengan berkongsi pengetahuan mengenai celik kewangan perniagaan.



Dibawah inisiatif 1 Kampong 1 Produk, kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan BIBD, Kumpulan Perbankan Korporat membimbing usahawan terpilih dibawah program ini, untuk membolehkan perniagaan mereka menjadi syarikat dinamik dan berkembang maju yang mampu menghasilkan produk tempatan premium.

Pihak Bank juga berkerjasama dan menyokong Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Dakwah Islamiah untuk menyampaikan beberapa siri ceramah kepada *Muallafpreneurs*. Ceramah ini bertujuan untuk memperkenalkan mereka kepada pelbagai produk dan perkhidmatan BIBD yang memenuhi keperluan usahawan dan perniagaan kecil serta memberi pengenalan kepada kepentingan Perancangan Kewangan Islam.

BIBD percaya bahawa keusahawanan adalah bentuk pemerkasaan yang boleh mengubah negara dan menyokong Wawasan Brunei 2035 untuk mempelbagaikan ekonomi dan menghasilkan aset manusia yang berkemahiran tinggi.

BIBD berusaha untuk memperkasakan semua segmen masyarakat dengan kemahiran keusahawanan dan dapat mewujudkan kebebasan diri, akses kepada peluang dan pilihan dan keupayaan untuk mengubah kehidupan seseorang.


Keusahawanan adalah salah satu tonggak utama Tanggungjawab Sosial Korporat BIBD dan merupakan salah satu bidang di mana bank kerap bekerjasama dengan agensi kerajaan tertentu untuk membawa perubahan positif dalam melaksanakan agenda kemampanan korporat kami.

Sokongan penuh BIBD juga menunjukkan dedikasi dan komitmen pihak Bank untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) - terutamanya matlamat 1 dan 8 yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menggalakkan keusahawanan untuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan serta penciptaan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Melihat ke tahun 2022


Ketika negara mula pulih dari wabak COVID-19 dan berusaha untuk membina semula dengan lebih baik dan lebih mampan dalam norma baharu, fokus utama CBG adalah menyokong syarikat korporat tempatan dalam era pasca pandemik.

Pihak Bank akan meneruskan komitmennya untuk menjadi Rakan Kongsi Kemajuan dengan berkongsi pengetahuan mengenai celik kewangan perniagaan. Sokongan kami juga merangkumi pendidikan dan perkongsian pengetahuan amalan perniagaan yang terbaik bagi PMKS sebagai salah satu usaha kami untuk menyokong pembangunan perniagaan mereka. Kami juga akan membimbing dan berkongsi kepakaran dengan syarikat *startup* dan usahawan muda untuk memberi mereka asas yang kukuh untuk berjaya. Inisiatif ini akan dilengkapi dengan kerjasama erat dengan institusi pendidikan bagi menggalakkan semangat keusahawanan di kalangan generasi muda, selaras dengan usaha pihak Bank untuk menggalakkan keusahawanan secara amnya.



Melalui jenama SME360, kami berharap dapat menawarkan perkhidmatan kami untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat COVID-19. CBG akan bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan dan pengawal selia dalam membantu perniagaan yang terjejas dengan memperkenalkan pakej khas yang sesuai dengan keadaan perniagaan semasa.

Kami juga akan memberi tumpuan untuk menggalakkan pendigitalan oleh PMKS melalui perkhidmatan BizNet kami. Ini juga sejajar dengan Rangka Kerja Kemampanan BIBD, untuk mempromosikan rumusan perkhidmatan digital dalam usaha mengurangkan jejak persekitaran (environmental footprint) kita. CBG sudah merancang untuk beralih kepada e-penyata dan menghentikan penggunaan penyata kertas bercetak menjelang Q1 2022.



9.3 Perbendaharaan dan Pasaran Global

Perbendaharaan dan Pasaran Global (TGM) bertanggungjawab untuk pengurusan dana bank, menyediakan BIBD dengan akses kepada kecairan dan memastikan bahawa pihak Bank mampu memenuhi keperluan kewangannya apabila tiba masanya.

Sebagai barisan pertahanan pertama, TGM memainkan peranan penting dalam melindungi bank daripada tekanan pasaran kewangan melalui pengurusan modal dan kecairan yang mantap. Di samping itu, TGM memainkan peranannya sebagai duta jenama untuk bank di pasaran kewangan global, melalui usaha kami untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan rakan perbankan kami, baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa 2021 adalah tahun yang mencabar bagi TGM dengan kebangkitan gelombang COVID-19 yang melanda kebanyakan negara. Ianya telah mengakibatkan sekatan yang diperbaharui dan peningkatan ketidak-pastian yang ditambah pula dengan persekitaran hasil yang rendah. Alhamdulillah, pasukan TGM telah berdaya tahan dalam menghadapi kesukaran ini dan berjaya mengelakkan ketidak-tentuan sambil menyesuaikan diri dengan model kerja hibrid yang menjadi norma baharu.

Objektif TGM sentiasa tertumpu pada pengoptimuman hasil. Dengan sokongan pengurusan risiko yang mantap serta kepelbagaian produk pelaburan dan pasaran sasaran, TGM telah berjaya mencapai objektif keseluruhannya. Pada tahun 2021, kami menyaksikan peningkatan yang ketara dalam jumlah urus niaga yang tidak dibiayai, pada masa yang sama, meningkatkan aliran pendapatan daripada barisan perniagaan ini, manakala potfolio produk berstruktur terus mempelbagaikan pendedahan kepada pasaran baru yang belum diceburi. TGM juga terus meneroka peluang dua hala dan sindiket dengan rakan sejawatannya, di mana TGM meningkatkan penglibatannya dalam ruang ini.

Penekanan TGM dalam mempelbagaikan sumber pembiayaan berterusan pada tahun 2021 melalui penambahan transaksi repo dan mewujudkan lebih banyak saluran untuk rakan niaga baru dan sedia ada. Ini juga dicapai melalui pejabat antarabangsa BIBD di Dubai dan Singapura yang memainkan peranan penting dalam menjalin hubungan baru untuk Bank dan mengukuhkan hubungan yang sedia ada. Dengan rancangan berterusan untuk meningkatkan keupayaan pejabat-pejabat tersebut, TGM percaya bahawa ini akan mengukuhkan lagi jejak BIBD di pasaran antarabangsa.



TGM menghargai peranan dalam mempromosikan Bank di pasaran antarabangsa. Pada tahun 2021, pasukan TGM telah memainkan peranan penting dalam kejayaan Mesyuarat Lembaga Eksekutif ke-11 Persatuan Antara Bank China-ASEAN (CAIBA) dan Mekanisme Kerjasama Antara Bank ASEAN Plus Tiga (APTIBCM). Mesyuarat secara maya itu dihoskan bersama oleh BIBD dan Bank Pembangunan China, bertemakan *'Empowering the Future with Sustainability and Digitalisation'*, dihadiri oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) bersama wakil-wakil dari institusi kewangan terkemuka dari negara-negara anggota ASEAN serta Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Melalui ini, TGM berharap dapat mengeratkan lagi hubungan BIBD dengan industri kewangan serantau dan berkongsi pandangan daripada pakar industri.

TGM kekal komited dalam memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik untuk pelanggan kami, untuk membantu mereka dalam memenuhi matlamat kewangan mereka. TGM menguruskan beberapa hubungan pelanggan utama untuk Bank dan sentiasa berusaha dalam menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian pada tahap kelas yang terbaik untuk setiap keperluan kewangan mereka. Pasukan TGM mengutamakan penyimpanan deposit pelanggan, yang merupakan komponen utama untuk membina dan mengekalkan kepercayaan BIBD dengan pihak berkepentingannya. Sebagai sebahagian daripada strateginya, TGM terus membina rangkaian penyelesaian pertukaran asingnya kepada pelanggannya. Ini telah berjaya di mana TGM telah melihat peningkatan dalam jumlah pada tahun 2021 dan tumpuan akan kekal pada strategi ini sebagai aliran pendapatan penting bagi bahagian ini.

Fokus TGM untuk 2022 adalah untuk meningkatkan perkhidmatan digital kami dan menggalakkan pertumbuhan mampan buku aset antarabangsa Bank. Ini adalah tambahan kepada peningkatan berterusan margin keuntungan bersih yang sentiasa menjadi objektif utama perniagaan TGM. TGM percaya pada pentingnya evolusi, perubahan dan kemampuan untuk mewujudkan proses baru bagi meningkatkan lagi pulangan dan membawa kecekapan dalam pengurusan kecairan Bank. Oleh itu, TGM memahami keperluan untuk membawa sistem yang mantap yang bukan sahaja menyediakan analisis dan ramalan mendalam mengenai aliran tunai, bahkan mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan peraturan baru.

TGM melihat ke tahun hadapan dengan rasa optimis, walalupun masih terdapat ketidakpastian yang berlarutan. Pembukaan dan pemulihan ekonomi, seiring dengan rakan niaga dan pasaran baru yang disokong dengan kepakaran dan pengalaman kakitangan TGM di Brunei Darussalam dan pejabat luar negara akan membolehkan TGM terus membina dan meningkatkan portfolio perdagangannya.


TGM akan sentiasa mengikuti berita dan trend pasaran semasa untuk menghasilkan penyelidikan dan analisis pasaran kewangan. Dengan tekanan inflasi dan laluan kadar faedah menjadi tumpuan untuk 2022, adalah penting untuk memastikan bahawa nilai portfolio TGM kekal dalam keadaan baik dan sentiasa bersedia untuk mengimbangi semula jika ada keperluan.

TGM juga memainkan peranan penting dalam menjana peluang pembiayaan dan pelaburan alternatif di pasaran kewangan antarabangsa, di mana inisiatif ini terus dipacu melalui kepelbagaian. Melalui inovasi berterusan dan idea-idea baru, TGM akan terus meningkatkan rangkaian produk berstrukturnya dan mensasarkan untuk menjadi Bank Islam pertama di Brunei yang menawarkan transaksi *reverse* Repo dengan rakan-rakannya.

Pada tahun 2022, TGM akan kekal komited terhadap misi Bank untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik dan akan berusaha untuk mengukuhkan penawaran produk dan keupayaan penyampaian perkhidmatan kami dalam memenuhi matlamat ini. TGM berhasrat untuk menyediakan penyelesaian yang memenuhi keperluan kecairan pelanggan kami sambil menawarkan pulangan yang optimum berdasarkan selera risiko mereka. Keutamaan TGM adalah untuk kekal memupuk, memperkukuh dan membina hubungan yang berpanjangan dengan para pendeposit kami dan sentiasa menjadi rakan kongsi mereka yang dipercayai.

Menyedari kepentingan pelaburan yang mampan, TGM mula merevolusikan perjalanan pelaburannya. Bagi setiap keputusan pelaburan, TGM akan menekankan keperluan untuk mengimbangi aspek pelaburan tradisional (risiko vs pulangan) sambil mempertimbangkan hasil positif jangka panjang alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG").

TGM menyokong sepenuhnya komitmen BIBD terhadap B$2 billion dalam pembiayaan mampan menjelang 2030. TGM meningkatkan usaha dalam membina buku-bukunya ke akan pelaburan yang lebih mampan.



9.4 BIBD Securities

BIBD Securities Sdn Bhd ("BIBDS") ditubuhkan pada tahun 1993 dan merupakan syarikat sekuriti pertama di Brunei. BIBDS menyediakan penyelesaian pelaburan kepada pelanggan runcit dan institusi (melalui BIBD Asset Management) dan merupakan anak syarikat milik penuh BIBD.

Dari segi runcit, BIBDS menyediakan perkhidmatan broker kepada pelanggan yang ingin menjual-beli saham BIBD dan sekuriti patuh Syarak yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura dan Bursa Malaysia, dan pengagihan dana bersama patuh Syarak.

Dari segi institusi, BIBD Asset Management ("BIBD AM") memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui cabang pengurusan asetnya. BIBD AM ditubuhkan pada tahun 2019 dan merupakan pengurus aset patuh Syarak pertama yang berlesen di Brunei. BIBD AM menawarkan keupayaan dalam sukuk melalui pengurusan sukuk profesional, ekuiti dan pelbagai aset melalui pakatan strategik dengan rakan pengurusan pelaburan terkenal dengan jejak global.



2021 adalah tahun pertumbuhan untuk BIBDS & AM - khususnya pertumbuhan dalam tanggungjawab korporat, aset di bawah pengurusan atau *assets under management* (AUM), keupayaan, penawaran produk, dan strategi.

Beberapa sorotan utama termasuk:

BIBD AM diiktiraf sebagai penandatangan Prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UN PRI).

Sebagai salah satu usaha yang menyokong visi kemampanan BIBD, BIBD AM diiktiraf sebagai penandatangan UN PRI pertama di Brunei pada tahun 2021. Ini menunjukkan komitmen kami untuk melabur secara mampan dan bertanggungjawab.

Untuk membantu dalam perjalanan ini, BIBDS telah memperkenalkan nilai ESG kami pada tahun 2021 iaitu: Pensejajaran, Kesinambungan & Pendidikan.

Nilai ESG kami direka untuk mewujudkan nilai untuk Bumi, Masyarakat, Keluarga, Pelabur dan Kakitangan kami.

P

PENSEJAJARAN

Memastikan hala-tuju dan prinsip pentadbiran kami adalah sejajar dengan BNCCP prinsip Syariah dan masyarakat kami.

K

KESINAMBUNGAN

Memastikan matlamat dan tindakan kami tertumpu pada mewujudkan hasil yang mampan, boleh dicapai dan memberi kesan.

P

PENDIDIKAN

Bertujuan untuk memudahkan pembelajaran secara luaran melalui celik kewangan dan secara dalaman melalui pembangunan peribadi.

Nilai dan komitmen ESG kami terhadap pelaburan yang bertanggungjawab menyerlahkan objektif keseluruhan kami untuk membina dan melabur ke masa depan yang lebih adil dan mampan untuk semua.



Leading the Nation towards Responsible Investing

1st financial institution in Brunei to become a Signatory for United Nations PRI

Being a signatory for UNPRI, we reaffirm that these principles align with our purpose and commitment to drive sustainable investment, and economic development in Brunei; and help achieve the UN Sustainable Development Goals, which is both an honour and a significant milestone for BIBD Asset Management.

BIBD ASSET MANAGEMENT | Signatory of: PRI Principles for Responsible Investment

Pertumbuhan aset yang ketara.

BIBDS berbangga dengan pertumbuhan ketara dalam segmen runcit dan institusi. Peningkatan aset dibawah pengurusan ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat tentang kepentingan pelaburan serta peningkatan permintaan pasaran untuk penyelesaian pelaburan patuh Syarak.

Pengiktirafan global

BIBD telah memenangi 4 anugerah global pada tahun 2021:

- *Best Islamic Fund House* (Brunei) – dari Asia Asset Management (AAM)
- *Best Institutional House* (Brunei) – dari AAM
- *Best Investor Education* (Brunei) – dari AAM; dan
- *Islamic Asset Manager of the Year* (Brunei) – from The Asset Triple A Islamic Finance Awards.

Anugerah ini adalah pengiktirafan prestasi kami pada tahun 2020 dan 2021.

Pembangunan strategi & produk baru

Sebagai salah satu pemain di pasaran global, kami memahami kepentingan untuk terus mendahului dan membangunkan strategi dan produk pelaburan baru untuk pelanggan kami. Pada tahun 2021, kami memperkenalkan 3 tawaran produk baru:

- Strategi Sukuk ESG;
- Strategi Peruntukan Pelbagai Aset; dan
- Pelancaran Dana *Arabesque Q3.17 Global ESG Momentum Flexible Allocation*.

Inisiatif-inisiatif ini menandakan kesediaan BIBDS untuk menerima trend dan teknologi baru, khususnya penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) untuk dana Arabesque Q3.17; dan kepentingan menggabungkan nilai ESG dalam semua tawaran baru.

Komitmen berterusan terhadap pendidikan pelabur

Sejajar dengan nilai ESG dan objektif perniagaan keseluruhan kami, BIBDS kekal komited untuk meningkatkan usaha dalam pendidikan pelabur di Brunei. Pada tahun 2021, inisiatif pendidikan pelabur kami disasarkan di peringkat akar umbi di mana kami telah menyampaikan beberapa inisiatif pendidikan yang disediakan untuk segmen runcit dan institusi. Ini termasuk:

- BIBDS & AM menjalankan 14 jerayawara dan lebih daripada 50 acara pocket, untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan dan cara cara patuh Syarak untuk mencapai matlamat kewangan masing-masing.
- BIBDS & AM aktif dalam meningkatkan kesedaran kewangan melalui temu bual radio dan media sosial melalui laman Instagram kami. Sebagai contoh - pada tahun ini, kami bekerjasama dengan *influencer* media sosial tempatan untuk mengembangkan bahan di Instagram yang bertujuan untuk mendidik pelabur baru dan memperkenalkan konsep kewangan.
- BIBDS & AM juga bekerjasama dengan program BIBD ALAF untuk menjalankan beberapa acara pendidikan kewangan semasa cuti penggal termasuk:
  - o Ceramah celik kewangan;
  - o Cabaran pelaburan; dan
  - o Tutorial pelaburan dan berkongsi tanggungjawab harian pengurus portfolio.
- BIBDS & AM juga menerbitkan beberapa bahan fikir atau *thought pieces* untuk pelabur institusi. Ini merangkumi pelbagai topik pelaburan termasuk pandangan makro dalaman kami, trend ESG, prospek kadar faedah, peristiwa pasaran semasa dan analisis sentimen kelas aset.





Inisiatif BIBDS dan AM bertujuan untuk mendokong inisiatif Wawasan Brunei 2035 dan Rangka Tindakan Kewangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) 2016-2025 untuk memupuk pertumbuhan dalam industri kewangan Islam dan pengurusan aset Brunei.

Antara objektif keseluruhan BIBDS & AM adalah:

- Mewujudkan platform pengurusan aset syariah bertaraf dunia;
- Membangun industri pengurusan aset Brunei dan mengembangkan jejaknya di peringkat global;
- Untuk memupuk kumpulan bakat tempatan; dan
- Untuk memacu pertumbuhan pasaran modal Islam.

Pada tahun 2022, matlamat kami adalah untuk terus berinovasi dalam produk dan strategi kami. Selain itu, mandat utama kami adalah untuk memacu keterangkuman kewangan dan pertumbuhan pasaran modal di Brunei yang selaras dengan prinsip Syariah. Oleh itu, matlamat utama kami untuk tahun 2022 termasuk:

- Terus menyampaikan penyelesaian pelaburan inovatif untuk pelanggan institusi dan runcit.
- Memacu agenda celik kewangan dan keterangkuman kewangan di Brunei, mengutamakan pertumbuhan pelaburan runcit dan inisiatif perancangan kewangan.
- Terus fokus pada pendidikan pelabur. Kami berhasrat untuk meningkatkan celik kewangan pelanggan dan keseluruhan masyarakat secara amnya untuk membantu mereka memahami dan mencapai matlamat kewangan mereka dengan menggabungkan pendidikan kewangan bermaklumat dengan rangkaian produk pelaburan terpilih.
- Berada di barisan hadapan dalam penubuhan ekosistem pengurusan pelaburan Brunei - bertindak sebagai perantara kewangan dan pengatur aset atau asset allocator.
- Meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penglibatan dengan perkongsian strategik dan meneroka lebih banyak rumusan digital untuk memenuhi keperluan pelabur kami.
- Bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan pelanggan kami untuk membangunkan industri perkhidmatan kewangan di Brunei. Matlamat utama kami adalah untuk membangunkan kecekapan dan penyelesaian dalaman.

BIBDS dan AM komited untuk memacu Rangka Kerja Kemampanan (SF) BIBD. Sebagai satu-satunya penandatangan Prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI), BIBDS dan AM dijangka menjadi penanda aras dalam ruang pelaburan ESG.

Sehubungan dengan itu, antara matlamat utama ESG untuk 2022 adalah:

Membangun Kemahiran BIBDS dan AM mempunyai 4 calon untuk menjadi Penganalisis Kewangan ESG Bertauliah. Kami percaya bahawa ini akan membolehkan BIBDS dan AM mencapai matlamat untuk membangunkan kecekapan dari dalam.

Infrastruktur ESG – kami akan membina dan meningkatkan infrastruktur ESG, termasuk komitmen terhadap penyelidikan, analisis pelaburan dan pengurusan ESG.

Pelabur yang bertanggungjawab – Pengawasan ESG adalah sangat penting untuk BIBDS dan AM. Kami berhasrat untuk menjadi pelabur yang bertanggungjawab dan mewakili kepentingan ESG pelabur kami dengan sewajarnya.

Pembangunan strategi ESG – bersama dengan rakan strategik kami, BIBDS dan AM berminat untuk menerajui pembangunan strategi pelaburan ESG baru di Brunei dan di peringkat global.

Kejayaan kami memperkenalkan dana ESG patuh Syariah pertama di Brunei, dana Arabesque Q3.17, akan membuka jalan untuk strategi selanjutnya pada tahun 2022, In Shaa Allah.



BAB 10



Bahagian Pematuhan


Bahagian Pengurusan Risiko


Bahagian Audit Dalaman

Sokongan Perniagaan

10.1 Pejabat Ketua Pegawai Operasi 147

10.2 Kumpulan Kewangan dan Strategi 154

10.3 Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan 156

10.4 Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran 163

10.5 Bahagian Syariah 168

10.6 Bahagian Undang-Undang dan Setiausaha Korporat 170

10.7 Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas 171

10.1 Bahagian Ketua Pegawai Operasi

Bahagian Ketua Pegawai Operasi (COO) membangun, menyokong dan melaksanakan pelan strategik operasi dan pelan pengurusan prestasi yang sejajar dengan objektif dan strategi bank. Rancangan ini menyokong bahagian perniagaan dan bahagian lain di bank. Ia juga menguruskan perancangan, pengaktifan dan penggunaan kontingensi perniagaan. Fokus Bahagian COO adalah untuk memberikan sokongan penuh kepada perniagaan dan bahagian-bahagian lain di seluruh bank ke arah mencapai matlamat dan sasaran strategiknya.

Bahagian COO terdiri daripada jabatan-jabatan berikut: Operasi & Perkhdmatan Perbankan Cawangan, Kualiti Pekhidmatan, Operasi dan Perkhidmatan Pelanggan, Kepintaran Perniagaan dan Sokongan, Operasi dan Pentadbiran Kredit, Penyelesaian Digital dan Pengutipan & Pemulihan.



Tumpuan Utama

Pada tahun 2021, aktiviti Bahagian COO memberi tumpuan kepada keutamaan berikut:

Meningkatkan Pengalaman Pelanggan

Sebagai sebuah bank yang Berjiwa Brunei, memenuhi keperluan pelanggan kami adalah teras utama kami. COO komited untuk memenuhi keperluan pelanggan di cawangan-cawangan kami dengan tepat dan cekap. Ini termasuk memantau dan memastikan maklum balas pelanggan dikendalikan mengikut piawaian perkhidmatan. Pengurusan pencegahan penipuan yang berkesan juga merupakan bidang tumpuan utama untuk memastikan pelanggan kami merasa selamat ketika berurusan dengan BIBD.

Memacu Transformasi Digital

COO terus meneroka kaedah untuk mempromosikan penggunaan pelbagai perkhidmatan digital yang tersedia. Kami bekerjasama dengan Kumpulan Perbankan Runcit dan Korporat untuk menyusun strategi dan melaksanakan rancangan yang bertujuan untuk mengurangkan transaksi di kaunter dan meningkatkan transaksi dalam talian, termasuk pelan tindakan untuk meningkatkan jangkamasa ATM dan CDM beroperasi.

Kami juga meneruskan komitmen untuk mempromosikan ekonomi digital melalui langkah-langkah yang bertujuan untuk menggalakkan transaksi melalui BIBD NEXGEN. COO bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memahami masalah yang sering dihadapi pelanggan dan mengenal pasti di mana pendigitalan mampu meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan secara keseluruhan. Kami terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam strategi, proses dan aliran kerja bagi inisiatif digital merangkumi seluruh bank dengan menganalisa trend teknologi perbankan terkini dan mengenal pasti trend yang sesuai untuk Bank.

Memastikan Perkhidmatan Cemerlang

Keutamaan utama kami adalah untuk mengekalkan pensijilan ISO9001:2015 Bank dalam *"Provision of Retail Customer Onboarding, Financing (Personal & Home), Payments (Payroll & Bulk Payments) and Card Services"* untuk tahun ke-2.

COO juga terus menyokong perniagaan dengan pentadbiran dan operasi kemudahan kredit, dengan tujuan untuk memaksimumkan pendapatan sambil meminimumkan risiko yang dihasilkan oleh kemudahan kredit. Antara aktiviti kami termasuk penyediaan perjanjian pembiayaan, pembayaran pembiayaan, dan pemantauan had dan cagaran.



Inisiatif Utama pada tahun 2021

Mengambil Pengajaran untuk Kesediaan: Respons Kami terhadap Gelombang Kedua COVID-19



Untuk mengurangkan risiko COVID-19 di kalangan kakitangan, pelanggan dan orang ramai, pihak BIBD cepat bertindak balas dalam penyediaan keperluan norma baharu. Sejak Mac 2020, apabila jangkitan COVID-19 pertama di Brunei direkodkan, kakitangan barisan hadapan dilengkapi dengan Peralatan Perlindungan Peribadi yang merangkumi sungkup muka, sarung tangan untuk pengendalian tunai dan pemasangan skrin perlindungan akrilik di setiap kaunter. Inisiatif ini berterusan hingga 2021, dengan jangkaan jangkitan selanjutnya.

Pada bulan April, bahagian ini berjaya menjalankan latihan Perancangan Kesinambungan Perniagaan (BCP) tahunan. Apabila langkah-langkah kawalan COVID-19 diperketatkan pada bulan Ogos 2021, bahagian ini berjaya mengaktifkan BCP dengan membahagikan lokasi kerja antara kakitangan yang bekerja dari rumah (WFH) dan bekerja dari pejabat (WFO), dengan kesan minima kepada operasi harian. Secara keseluruhan, 222 kit WFH telah diedarkan kepada kakitangan mustahak bagi menyokong pengaturan kerja baru.

Berpandukan langkah-langkah kawalan COVID-19 yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan, dan sebagai sebahagian usaha kami untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kakitangan dan pelanggan kami, pihak Bank tidak menggalakkan kaedah *walk-in* di mana perkhidmatan hanya disediakan berdasarkan temu janji. Pihak Bank memperkenalkan QueUp, sebuah aplikasi tempahan dalam talian yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang membolehkan pelanggan menempah temujanji lebih awal, dari peranti mudah alih mereka.

Walaupun waktu operasi cawangan dihadkan, beberapa cawangan dibuka lebih awal semasa tempoh gaji Kerajaan untuk memenuhi keperluan khusus para pesara dan warga emas yang mungkin lebih berisiko terhadap jangkitan; ini membolehkan mereka menjalankan transaksi mereka sambil memastikan penjarakkan fizikal antara pelanggan yang lebih selamat.



Menggalakkan Transaksi Digital

Jabatan Kualiti Perkhidmatan dan Operasi dan Perkhidmatan Perbankan Cawangan dibawah COO bekerjasama rapat dengan Kumpulan Perbankan Runcit dan Korporat dalam mengurangkan transaksi tunai dan menggalakkan pelanggan menggunakan penyelesaian perbankan digital kami. Inisiatif seperti penaiktarafan aplikasi BIBD NEXGEN yang bertujuan untuk menggalakkan pembayaran bil dan *top up* dilancarkan pada tahun 2021.

COO terus memberi tumpuan kepada penghijrahan transaksi manual seperti pengiriman wang dan gaji, ke saluran digital BIBD, seperti ATM/CDM, BIBD NEXGEN atau BIBD Biznet



Minggu Digital diperkenalkan pada awal 2021 untuk mempromosikan platform digital BIBD dan meningkatkan kesedaran orang ramai. Ini juga menyumbang kepada peningkatan waktu operasi Terminal Layan Diri (SST). Pelancaran *e-journal* ke ATM mampu meningkatkan masa beroperasi ATM secara meluas sejak separuh ke-2 tahun 2021. Kira-kira 95% ATM mempunyai masa operasi sebanyak 98% sejak Julai 2021. Waktu operasi CDM juga meningkat sebanyak 36%, berbanding 1H2021 hingga 2H2021.



Memandangkan keadaan pandemik ini, BIBD meningkatkan kehadirannya dan menyediakan lebih banyak pilihan untuk pelanggan berurus-niaga dalam talian dan melakukan pembayaran tanpa tunai.

Petunjuk kejayaan utama adalah seperti berikut:

- 82% daripada sasaran 2021 untuk pelanggan baru BIBD NEXGEN, Online dan Progresif Pay
- 150% daripada sasaran 2021 untuk pendaftaran pedagang untuk terminal kad
- 133% daripada sasaran 2021 untuk pendaftaran pedagang untuk QuickPay
- 117% daripada sasaran 2021 dalam jumlah tunai transaksi melalui perbankan mudah alih
- 103% daripada sasaran 2021 dalam jumlah transaksi gaji dalam talian.
- 71% pelanggan korporat telah melanggan BIBD Biznet (termasuk pelanggan PKS)

Pendekatan holistik ini telah menghasilkan:

- 1% daripada jumlah transaksi telah dijalankan melalui kaunter pada Q4 2021, dengan penurunan sebanyak 2% daripada Q1 2021.
- 20% daripada jumlah tunai transaksi telah dijalankan di kaunter pada Q4 2021, dengan penurunan sebanyak 15% daripada Q1 2021.

Mengekalkan Pensijilan ISO9001:2015 BIBD

Pensijilan ini disahkan setelah audit pengawasan tahun kedua BIBD selesai pada November 2020. BIBD terus diperakui ISO9001:2015 dalam *Provision of Retail Customer Onboarding, Financing (Personal & Home), Payments (Payroll & Bulk Payments) and Card Services,* menjadikan BIBD satu-satunya bank di Brunei Darussalam yang dianugerahkan pensijilan ini secara konsisten di kesemua cawangannya.

Pada tahun 2021, bahagian ini memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi perkhidmatan secara keseluruhan sebagai hasil kajian kualiti dalaman berkaitan dengan pensijilan ISO9001:2015. Kami melihat penambah-baikan pada enam proses:

1. Proses Pengurusan Aduan

- Penciptaan klasifikasi jenis aduan pelanggan
- Rakaman resolusi komprehensif terperinci di dalam sistem

2. Proses Pengurusan Vendor:

- Penilaian tahunan prestasi vendor
- Melaksanakan alat pemantauan kontrak untuk membantu pengurusan kontrak (IT dan FMSU)

3. Proses Risiko

- Peningkatan bilangan Penyelaras Risiko
- Meningkatkan taklimat kesedaran risiko di kalangan kakitangan BIBD
- Penambah-baikan dalam Kajian Pasca Pelaksanaan dalam Dasar Pengurusan Risiko Operasi dan Dasar Produk/Perkhidmatan Baru (NPSP)

4. Proses Pengurusan Kemudahan

- Dokumen dasar FMSU kini merangkumi pengenalpastian kategori yang jelas untuk setiap peringkat keutamaan
- Pelaksanaan alat pemantauan CMS baharu untuk memantau CCTV

5. Proses Gaji/Pembayaran Korporat

- Panggilan-kembali *standard* untuk arahan pembayaran
- Penyerahan gaji berpusat di pejabat CBG

6. Proses Kad Kredit

- Penambahbaikan dalam Standard pengawalan Kad Kredit untuk warga asing yang memohon kad kredit.
- Penambah-baikan dalam proses pengurusan inventori kad melalui pemendekkan proses
- Penambah-baikan dalam proses pembaharuan sijil Pemperibadian - termasuk definisi aliran kerja dan tanggungjawab yang jelas

Memastikan Kecemerlangan Perkhidmatan

Pada tahun 2021, Jabatan Kualiti Perkhidmatan melancarkan program Kecemerlangan Pelanggan untuk mengkaji dan memperbaharui nilai dan piawaian perkhidmatan BIBD. Ini melibatkan kumpulan fokus pelanggan, latihan kecemerlangan perkhidmatan, bimbingan barisan hadapan dalam penerapan standard perkhidmatan, pelatih dalaman bagi meningkatkan kemahiran, menghasilkan inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dari segi dalaman dan luaran, dan meningkatkan rangka tindakan perjalanan pelanggan untuk produk dan perkhidmatan utama.

Secara keseluruhan, 254 kakitangan barisan hadapan menjalani latihan *ART of R.I.S.E* dan Kecemerlangan Perkhidmatan. Seramai 10 kakitangan dari pelbagai jabatan di berjaya menamatkan program *Train-The-Trainer*.

Jabatan ini juga menyelia 2 aktiviti *bootcamp* yang menfokuskan kecemerlangan pelanggan. Ianya melibatkan kakitangan pengurusan pertengahan, di mana 6 inisiatif peningkatan pengalaman pelanggan telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan menjelang 2022.

Inisiatif rangka tindakan perkhidmatan juga diwujudkan untuk meningkatkan pengendalian pelanggan bagi *onboarding* Korporat dan Runcit, *PERDANA Privilege Banking*, perkhidmatan selepas pengendalian aduan pelanggan, pemulihan perkhidmatan, pemerkasaan dan pembiayaan yang akan dilaksanakan menjelang 2022.

Selain daripada itu, sebagai usaha untuk memastikan kecemerlangan perkhidmatan, beberapa SOP telah diperkenalkan dan/atau dipinda untuk memastikan konsistensi dan kawalan dalam rangkaian cawangan.







Melihat ke 2022

Menggalakkan Transaksi Digital

- Meneruskan fokus untuk memindahkan pelanggan ke platfom digital seperti NEXGEN, Biznet, Perbankan Internet, dll.
- Terus meningkatkan masa beroperasi Terminal Layan Diri dan ketersediaan mesin untuk melayani pelanggan.
- Menerima kemajuan digital dengan terus memperkenalkan lebih banyak program e-pembelajaran dan mesyuarat yang akan dijalankan secara maya.
- Inisiatif digital lain termasuk:
  - BIBD NEXGEN Mobile 4.0
  - *Chatbot* dalaman untuk menangani pertanyaan, memberikan maklumat, dan melaksanakan fungsi
  - *Gamification* - Platform gamifikasi untuk menggalakkan produktiviti melalui kaedah yang menyeronokkan

Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan

- Mengurangkan masa pemulihan untuk menangani aduan atau pertanyaan yang diterima daripada Unit Penyelesaian Aduan Pelanggan.
- Komitmen untuk melakukan perkara yang betul pada kali pertama dan mewujudkan konsistensi dari cawangan ke cawangan.
- Memastikan cawangan adalah mesra pelanggan dan mampu melayani semua jenis pelanggan, termasuk individu berkelainan upaya dan warga emas, antara lain.
- Menjalankan inisiatif untuk mengemas kini butir-butir peribadi pelanggan bagi memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan akan memberi manfaat kepada pihak berkepentingan lain dalam bank.
- Program *R.I.S.E Recharge* kami yang akan melibatkan latihan perkhidmatan pelanggan, pelaksanaan rangka tindakan perjalanan pelanggan yang dipertingkatkan dan inisiatif lain untuk meningkatkan produktiviti pekerja dan penglibatan perkhidmatan keseluruhan.
- Penambah-baikan berterusan pada proses utama di bawah skop pensijilan ISO9001:2015. Audit pensijilan semula dijadualkan pada tahun 2022.
- Pelaksanaan *SWIFT ISO20022*, standard global dan terbuka yang baru muncul untuk pesanan pembayaran. ISO20022 membolehkan data yang lebih berstruktur dan lebih terperinci dalam pesanan pembayaran. Ia memberikan lebih banyak ketelusan dan maklumat pengiriman wang untuk pelanggan yang diharap dapat meningkatkan perkhidmatan pelanggan.
- Meningkatkan penggunaan dan penghijrahan ke saluran digital

Perancangan Kesinambungan Perniagaan (BCP):

- Melantik perunding untuk menjalankan kajian Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) setiap tiga tahun dengan pelan berikut
  - Menjalankan semakan dokumentasi untuk menilai kesempurnaan dan komprehensif dasar dan prosedur yang didokumenkan.
  - Mengkaji dan meningkatkan keberkesanan pelan pandemik berkenaan dengan kesejahteraan kakitangan dan peningkatan kesedaran keselamatan siber.
  - Berkongsi amalan terbaik industri dalam pelaksanaan BCM.

Komitmen terhadap Kelestarian

Bahagian COO akan terus menjadi rakan strategik yang menyokong sepenuhnya transformasi digital BIBD dan komited untuk menyumbang ke arah Rangka Kerja Kemampanan BIBD. COO berusaha untuk mendigitalkan dan mengotomasikan proses manual teras dan laporan untuk mengurangkan penggunaan kertas dan seterusnya mengurangkan jejak karbon.

Semua jabatan di bawah Bahagian COO juga akan menjalankan aktiviti berjadual sepanjang tahun yang menyokong Rangka Kerja Kemampanan. Ini termasuk mengatur ceramah kesedaran dan menjalankan aktiviti untuk menggalakkan kakitangan mengitar semula, penjagaan-diri dan kesihatan mental.

10.2 Kumpulan Kewangan dan Strategi

Kumpulan Kewangan dan Strategi (FSG) mempunyai 2 jabatan utama, iaitu Jabatan Kewangan dan Jabatan Strategi. Jabatan Kewangan bertanggungjawab untuk penyediaan laporan kewangan kumpulan, belanjawan, pembayaran vendor dan maklumat kewangan. Jabatan Strategi bertanggungjawab untuk menyokong dan memudahkan strategi peringkat Kumpulan, penyelidikan ekonomi dan sumber untuk projek-projek strategik Kumpulan.

Data Kewangan memainkan peranan penting bagi FSG bagi penyediaan risikan pengurusan untuk semakan strategik dan pelbagai Jawatankuasa Kepimpinan dan Jawatankuasa Lembaga. Data Kewangan juga digunakan untuk laporan berkanun kepada pihak berkepentingan luar seperti pemegang saham dan pengawal selia. Kegunaan Data Kewangan dipertingkatkan dengan pelaksanaan kawalan pengurusan yang kukuh dan pelaburan berterusan dalam sumber manusia FSG untuk mencapai matlamat utama menyediakan data dan kecerdasan yang betul dan tepat pada masanya.



Memfokuskan Peranan Sokongan FSG untuk Perniagaan

Ini termasuk penciptaan peranan sokongan baru dalam bekerjasama dengan Perniagaan, cerapan analisis yang dipertingkatkan dan pengurusan data. Matlamatnya adalah untuk memberi impak yang berharga dalam membawa BIBD lebih dekat ke arah mencapai misi, visi, dan pelan strategiknya. Kerjasama ini berterusan dan bertambah baik dari masa ke masa untuk lebih memahami produk perniagaan dan terus memberikan pandangan yang lebih baik bagi meningkatkan inisiatif kerjasama Bahagian dan Unit Perniagaan.

Menunjukkan Ketahanan dalam Masa mencabar

2021 adalah tahun yang mencabar bukan sahaja untuk FSG tetapi juga di seluruh bank ketika gelombang ke-2 Covid bermula. Kit kerja dari rumah (WFH) mula diedarkan secara beransur dan setiap unit dalam FSG tidak dikecualikan daripada melakukan aktiviti perniagaan seperti biasa (BAU). Pulangan kawal selia perlu dikemukakan mengikut tarikh akhir, pembayaran kepada vendor Bank perlu dibuat, dividen kepada pemegang saham yang dijadualkan dibayar semasa gelombang ke-2 perlu dibayar, ujian projek bank dalaman perlu diselesaikan mengikut garis masa, laporan kepada pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah untuk dikemukakan untuk mesyuarat seperti biasa. Audit interim bagi tahun kewangan 2021 bermula pada bulan September dengan komunikasi dan perkongsian dokumen yang dijamin sepenuhnya melalui *Teams* dan *OneDrive*.

Pembangunan Pengamal Kewangan berbakat dan Komited membentuk teras FSG

BIBD bertujuan untuk memainkan peranan utama dalam pembangunan perbankan Islam dan terus menunjukkan bakat khusus dalam pelbagai bidang. Dengan objektif ini, FSG terus mengukuhkan pembangunan dan kecekapan pasukan selaras dengan perjalanan Bank dalam inovasi dan digital. Selanjutnya dengan evolusi perbankan dan kewangan Islam, membangunkan pasukan ini merangkumi pendedahan mereka dalam memahami transaksi kewangan Islam yang lebih kompleks dan perkhidmatan digital. Oleh itu, pelaburan dalam keupayaan pasukan melalui latihan dengan pensijilan perakaunan yang diiktiraf sentiasa menjadi tumpuan berterusan.



Melihat ke Masa Depan yang Mampan

FSG akan terus menyumbang kepada Rangka Kerja Kemampanan BIBD di mana kami akan memainkan peranan untuk membina masa depan yang selamat dan mampan untuk generasi akan datang. Kami berhasrat untuk menghasilkan pengamal kewangan yang berbakat dan komited, di mana pendidikan membolehkan mobiliti sosioekonomi yang meningkat dan merupakan kunci untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Kami juga bercita-cita untuk memberi peluang kepada seluruh rakyat tanpa mengira jantina dengan mempromosikan pekerjaan dan kerja yang baik untuk semua. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan yang berkaitan dengan kesihatan juga merupakan salah satu isu kritikal yang ditangani oleh FSG di mana setiap pengurus barisan unit mendengar dan bertanya mengenai kesejahteraan kakitangan dan terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menjalani kehidupan yang bermakna, memuaskan dan produktif.

10.3 Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan



Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan (HRHCD) terus memainkan peranan strategik melalui sumbangan dan sokongan aktifnya kearah matlamat perniagaan BIBD. Pada tahun 2021, agenda kami merangkumi 5 keutamaan HR seperti berikut:

- **Pemerolehan, Pengekalan dan Pembangunan Bakat Strategik** untuk memaksimumkan potensi tenaga kerja bagi memenuhi matlamat perniagaan semasa BIBD dan rancangan masa depan.
- **Meningkatkan, Membina Pengetahuan dan Kemahiran Pekerja**, terutamanya dalam Pendigitalan, Perbankan dan Kewangan, Tadbir Urus Korporat dan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan
- **Tenaga Kerja Yang Terlibat** melalui dialog terbuka dan sesi penglibatan yang diketuai oleh pengurusan atasan, lawatan berkala ke pelbagai lokasi pejabat dan tinjauan pekerja untuk meningkatkan komunikasi, mempromosikan perpaduan pasukan, penjajaran prestasi dan kerjasama
- **Memperkukuhkan Budaya Kerja BIBD** dan memberi lebih banyak penekanan kepada kecemerlangan prestasi, mengamalkan nilai I-CUE dan pematuhan kepada tadbir urus korporat BIBD
- **Penglibatan dan sokongan untuk inisiatif strategik BIBD** termasuk Inisiatif Matlamat Pembangunan Kemampanan, Pensejajaran Kos, Pengembangan Perniagaan dan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan.

HRHCD gigih menangani isu-isu berkaitan COVID-19 apabila bermulanya wabak kedua COVID-19 yang tidak dijangka pada bulan Ogos. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, HRHCD berjaya menyampaikan KPI seperti berikut:

Pendigitalan

Akademi Digital (Fasa 2) - Membina pengetahuan dan kemahiran digital pekerja mengenai teknologi terkini

Matlamat Akademi Digital adalah untuk meneroka cara untuk melengkapkan tenaga kerja BIBD supaya mampu untuk menghadapi, menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam landskap digital baru, merapatkan jurang antara teknologi baru, peningkatan jangkaan pelanggan dengan apa yang mampu disampaikan oleh organisasi. Fasa 2 Pembelajaran Akademi Digital telah dilancarkan di seluruh bank untuk meningkatkan literasi digital pekerja. Sebanyak 19 program yang meliputi 6 bidang dilancarkan kepada 377 kakitangan dari pelbagai Bahagian. Lebih 86% pekerja berjaya menyelesaikan program yang ditugaskan.





Untuk memperluaskan akses pekerja kepada pembelajaran maya dan kendiri, ruang khusus bagi e-Pembelajaran yang dinamakan 'Digital Fikra' dilancarkan. Selain itu, kit e-Pembelajaran disediakan kepada pekerja di cawangan-cawangan.





HRHCD mencapai kejayaan pada tahun 2021 kerana pembelajaran kakitangan telah meningkat dengan ketara, terutamanya semasa krisis COVID-19 di mana ramai pekerja terpaksa bekerja dari rumah (WFH). Ini adalah hasil daripada perancangan teliti terhadap program pembelajaran yang bersesuaian oleh Jabatan Pembelajaran dan Pembangunan, dan inisiatif dan tindakan proaktif mereka dalam menjejaki kemajuan pembelajaran pekerja dan memberikan bantuan dan dorongan sekali-sekala melalui ganjaran kecil apabila diperlukan. Kerjasama positif dengan Pegawai Perhubungan Pembelajaran bererti pihak Jabatan mampu menjalankan kerja analisis yang berguna dan pembangunan strategi pembelajaran untuk menangani keperluan perniagaan semasa atau masa depan.

Kejayaan dalam Pembelajaran dan Pembangunan Kakitangan

4,626

Jumlah Hari Pembelajaran

Meningkat 34% berbanding 2020

5.1

Purata Hari Pembelajaran Setiap Kakitangan

84%

Program Pembelajaran Dalam Talian

Pemerolehan & Pembangunan Bakat Strategik - Program Pelatih Pengurusan Siswazah

Pembangunan BIBD dan usaha pihak Bank untuk mengekalkan prestasi perniagaan cemerlang dan kedaya-saingan pasaran berarti pemerolehan, pembangunan dan pengekalan bakat menjadi keutamaan yang penting, lebih lebih lagi memandangkan saingan sengit di dalam pasaran bakat Brunei.

Program Pelatih Pengurusan Siswazah (GMT) BIBD adalah sebahagian daripada strategi pembangunan modal insan untuk mewujudkan saluran bakat kepimpinan masa depan yang kompeten. Objektifnya adalah untuk menarik bakat siswazah Brunei dan mencungkil mereka melalui persekitaran pembelajaran yang dipercepatkan dengan penekanan kepada pembangunan kepimpinan dan prestasi tinggi serta menanamkan tingkah laku dan sikap yang betul melalui nilai teras BIBD iaitu Integriti, Fokus Pelanggan, Perpaduan Tujuan dan Kecemerlangan.

Program GMT telah mampu menunjukkan nilainya melalui peratusan tinggi siswazah berbakat yang telah direkrut di bawah program ini. Pada tahun 2021, beratus-ratus permohonan siswazah telah diterima. Calon yang disenarai pendek mengikuti program Pusat Penilaian Siswazah dan mereka yang menduduki tempat 5 teratas dipilih untuk program ini.

Tahun ini merupakan kali pertama BIBD menyertai Anugerah Pengalaman Pekerja, yang merupakan platform terkenal yang mengiktiraf pasukan HR dan individu terkemuka di rantau ini. Program Pembangunan Siswazah BIBD memenangi pingat gangsa sebagai pengiktirafan terhadap usaha penting BIBD dalam mewujudkan tempat kerja dan persekitaran terbaik untuk Pelatih Pengurusan Graduan, terutamanya dari segi membina keupayaan dan memupuk budaya berprestasi tinggi. Anugerah ini juga mengukuhkan peranan BIBD sebagai institusi kewangan Islam utama yang terus maju dengan kepelbagaian, keterangkuman, dan kesaksamaan.



Memperkukuhkan Etika Kerja Positif dan Budaya Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat kekal menjadi agenda utama pada tahun 2021 dan Bahagian ini telah menjalankan kaji selidik dalam talian merangkumi seluruh kakitangan BIBD dan anak syarikatnya yang bertujuan untuk mengetahui tahap kesedaran kakitangan mengenai dasar, persepsi tingkah laku etika, dan keselesaan dalam melaporkan ketidakpatuhan. Kaji selidik tersebut mampu mencapai kadar maklum balas sebanyak 91%. Hasil dapatan kaji selidik ini menunjukkan bahawa 97% pekerja mempunyai nilai yang betul yang mendorong keputusan dalam peranan mereka, yang juga menunjukkan bahawa BIBD kekal sebagai organisasi yang terlibat dan komited untuk mengamalkan tadbir urus korporat yang berkesan.

Bagi mengukuhkan pengetahuan dan pematuhan pekerja terhadap tadbir urus korporat, beberapa program dan taklimat latihan risiko dan pematuhan telah dijalankan untuk semua kakitangan BIBD.

Sebagai institusi kewangan Islam terbesar di Negara Brunei Darussalam, menyerapkan pengetahuan dan budaya Kewangan Islam dan Syariah kekal sebagai tumpuan utama. Dalam hal ini, program latihan bagi seluruh kakitangan bank telah berjaya dilancarkan dimana 98% telah menduduki program ini.

Kaji selidik budaya etika kakitangan BIBD dan anak syarikatnya 2021

SOROTAN

- **91%** Kadar Tindak Balas
- **75%** Purata Markah Yang Menggalakkan
- **70%** Soalan Yang Menerima Markah Yang Menggalakkan (Sebanyak 51% Dan Ke Atas)

Kesedaran & pengetahuan tinggi tentang tingkah laku, nilai & dasar etika.
Gersepsi yang baik terhadap persekitaran kerja dengan keselamatan psikologi yang sedia ada.
Memerhatikan dan melaporkan salah laku adalah baik tetapi perlu diperkukuhkan lagi

BUDAYA ETIKA KERJA YANG POSITIF

Menguruskan Krisis Gelombang ke-2 COVID-19

Penularan COVID-19 yang tidak dijangka pada bulan Ogos 2021 memaksa pasukan HRHCD untuk menangani perkara-perkara COVID-19 sebagai keutamaan. Bermula bulan Ogos, pasukan HR disusun semula untuk mengurus dan menyokong perkhidmatan penting semasa krisis COVID-19. Dengan pengaktifan BCP, pengaturan kerja untuk kakitangan disesuaikan dimana ramai pekerja ditugaskan untuk bekerja dari rumah (WFH). Aktiviti penglibatan kakitangan yang dirancang untuk Q3 dan Q4, khususnya yang melibatkan perkumpulan ramai seperti Acara Kueh, sesi IGNITE, Makan Malam Tahunan, Jerayawara HR, dibatalkan. Fungsi HR tetap beroperasi dan dijalankan secara maya dalam talian, misalnya wawancara pengambilan, penyertaan baru, pengurusan cuti dan pengurusan gaji kakitangan.

HRHCD ditugaskan dengan tanggungjawab berikut:

Memastikan Kesediaan HRHCD Dalam Mengurus Krisis

- Pasukan HRHCD telah diaturkan kepada 5 kumpulan utama untuk menguruskan krisis (Komunikasi, MIS, Bantuan Kakitangan, Dasar dan Prosedur)

- Pemusatan Data Utama HR
- Pengaktifan E-mel Kecemasan HR & Talian Bantuan

Menyokong Pasukan Tindakan COVID-19 (CAT), BCP, Operasi & Pasukan IT

- Menghasilkan Papan Pemuka Harian Status Kakitangan COVID-19 untuk CAT
- Pengedaran Kit WFH & memastikan perlindungan aset BIBD dan Kerahsiaan Maklumat
- Pemantauan harian keadaan kesihatan kakitangan di beberapa lokasi, dimana kakitangan dikehendaki mengimbas dan mengisi borang sebelum memasuki mana-mana premis BIBD.

Memastikan Kesinambungan Tugas Kritikal / Fungsian HR

- Mengekalkan komunikasi dengan kakitangan
- Mengekalkan pengurusan gaji kakitangan
- Mengekalkan Data Kakitangan dan Organisasi
- Laporan Harian / Mingguan Status Kakitangan kepada BDCB
- Fungsi HR utama lain - Pengambilan, Pengurusan Cuti, *On Boarding, Off-Boarding*, dan lain lain.

Memastikan Penglibatan dengan Pekerja - Mengurus Kebajikan, Produktiviti dan Motivasi

- Memastikan kakitangan sentiasa dimaklumkan dengan kemas kini & peringatan penting
- Memberi bantuan & sokongan kepada
  - Penjagaan kakitangan yang positif COVID-19 dan Kontak Rapat Di Bawah Perintah Kuarantin
  - Pengagihan Pakej Penjagaan
  - Pentadbiran aturan vaksinasi bagi pekerja barisan hadapan
- Mengekalkan semangat pekerja & produktiviti
  - Meninjau kebajikan kakitangan
  - Makan tengah hari yang disediakan untuk pekerja barisan hadapan dan kakitangan yang bertugas di pejabat
  - Penglibatan dan dialog yang kerap antara Pengurusan Tertinggi dan kakitangan
- Menjalankan tinjauan pekerja untuk memeriksa kesejahteraan pekerja, motivasi dan produktiviti

Pentadbiran & Pemantauan Ujian Pantas Antigen (ART) untuk Petugas Barisan Hadapan dan Kakitangan WFO

Memastikan Kesediaan Pekerja untuk Kembali Bekerja

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh HRHCD untuk memastikan pekerja bersedia untuk kembali bekerja. Ini termasuk penjadualan dan pentadbiran ujian ART, memastikan pematuhan SOP COVID-19, komunikasi dan nasihat berkala mengenai pengaturan kerja kakitangan untuk peralihan dan peringkat de-eskalasi krisis COVID-19, dan menyelaraskan penglibatan peringkat tinggi antara pengurusan dan pekerja.



Belajar dari pengalaman tahun sebelumnya, ketika wabak COVID-19 pertama kali melanda Brunei, disokong dengan kerjasama yang erat antara pasukan pengurusan, pemimpin dan semua pekerja, BIBD pantas bertindak balas terhadap insiden berkaitan COVID dan berjaya meminimumkan risiko jangkitan. Impak kepada perkhidmatan perniagaan yang penting mampu ditangani berikutan panduan dan komunikasi yang berkesan dengan badan-badan kerajaan, pengawal selia dan pihak berkepentingan yang lain. Kaji Selidik Kakitangan BIBD mengenai COVID-19 melaporkan maklum balas yang sangat positif di mana kakitangan berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh HRHCD dan BIBD COVID-19 Action Team dan kebanyakan kakitangan merasakan bahawa krisis COVID-19 telah diurus dengan baik.


Kaji Selidik COVID-19 Bagi Kakitangan BIBD 2021

79%
Kadar Tidak Balas
801 Responden


82%
Purata Markah
Yang Menggalakkan

MARKAH KAJI SELIDIK MENGIKUT ATURAN KERJA


Kategori Kakitangan	Kebolehsuaian dan Produktiviti	Komunikasi & Kerja Berpasukan	Kesejahteraan	Kesediaan untuk Kembali Berkerja
Berkerja di Pejabat (WFO)	68%	84%	78%	87%
WFH	82%	93%	88%	79%
Tidak Dikehendaki Untuk Berkerja	80%	88%	91%	87%



Komunikasi & Kerja Berpasukan



Kesejahteraan



Kebolehsuaian dan Produktiviti

SOROTAN

Komunikasi yang kukuh di Peringkat Bank dan pasukan	93%	Komunikasi yang baik dengan pasukan mereka	90%	Merasa selesa untuk menyuarakan kebimbangan	86%	Selesa dengan kekerapan hubungan dengan pasukan secara maya
Berpuas hati dengan tindak balas Bank terhadap krisis dan keupayaan untuk menguruskan kesejahteraan diri	92%	Berpuas hati dengan tindak balas Bank terhadap krisis	91%	Merasa dilindungi dan dijaga oleh Bank	84%	Menerim sokongan daripada pengurus talian untuk bekerja secara fleksibel untuk mengimbangi keperluan di rumah
Kebolehsuaian dan produktivity yang tinggi; tekanan kerja boleh diurus	91%	Mampu menyesuaikan diri pada perubahan dalam pengaturan kerja	84%	Suka belajar cara kerja baru	78%	Mampu mengurus tahap tekanan mereka

Melihat ke 2022

